SYARAH USUL 20

Allah swt berfirman:

Maksudnya:

> *"Mereka yang menyampaikah risalah Allah, mereka takut kepadaNya dan tidak merasa takut kepada seorangpun yang lain dari Allah, dan cukuplah Allah sebagai Pembuat Perhitungan".*
>
> *(Surah Al-Ahzab: ayat: 39)*

Ciri-Ciri Asasi

Pembentukan ummah, pendidikan bangsa, pencapaian cita-cita dan pendokongan prinsip memerlukan supaya keseluruhan umat atau paling kurang satu kelompok yang memperjuangkannya mempunyai:

* Kekuatan jiwa yang besar yang dijelmakan di dalam keinginan yang kuat, tidak diresapi oleh sebarang kelemahan.

* Kesetiaan yang tetap berkekalan, tidak dijangkiti oleh sebarang warna atau tipudaya.

* Pengorbanan suci yang tidak dapat dihalang oleh sifat tamak dan bakhil.

* Mengetahui prinsip, beriman dengannya dan dapat menilai kedudukannya sehingga dapat mengawal dari sebarang kesalahan, penyelewengan atau tertipu oleh perkara lain. (Majmu'ah Rasaail - Ke arah mana kita menyeru manusia: 45)

PENDAHULUAN

Sesungguhnya amal Islam ini sentiasa berhajat kepada titik permulaan yang selamat. Sekalipun jalannya panjang tetapi ia akan sentiasa berkembang subur. Al-Iman Hassan Al-Banna telah memilih asas pembinaan yang bermula dari pembinaan individu, keluarga dan masyarakat muslim yang tidak syak lagi akan membuahkan Daulah Islamiah.

Di antara tanda permulaan yang baik ialah tidak mengalpakan pengambilan sepenuhnya terhadap sebab. Kemudian bertawakkal kepada pencipta sebab (Allah) pada setiap perkara, sebelum dan selepasnya. Firman Allah swt:

(109)

Maksudnya:

> "*Maka apakah orang-orang yang mendirikan bangunannya di atas dasar taqwa kepada Allah dan keredhaanNya itu yang baik, atau orang-orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh, lalu bangunannya itu jatuh bersamanya ke dalam neraka Jahannam*".
>
> *(At-Taubah: 109)*

Permulaan yang baik mestilah dapat menggariskan objektif dan menentukan ciri-ciri keperibadian Islam yang diperlukan oleh amal Islami pada hari ini. Untuk tujuan itu Risalah Taalim yang lengkap ini memaparkan pembicaraan sekitar Rukun Baiah dan kewajipan yang diperlukan oleh sebuah jamaah untuk merealisasikan sasaran di atas marhalah tersebut. Kesemuanya itu telah dilingkungi oleh asas-asas kefahaman yang mendisiplinkan akhlak dan membatas hubungan tanpa sebarang kecuaian, melampau, keserabutan dan kebekuan terhadap sunnah-sunnah alam.

Pembicaraan tentang Risalah Taalim dan kandungannya yang menjelaskan jalan dakwah dan menerangkan petunjuk-petunjuk di masa akan datang telah meletakkan tapak kaki muslim dipermulaan jalan untuk menuju ke matlamatnya, iaitu menegakkan kalimah Allah yang paling tinggi di alam ini.

Pembicaraannya juga meneropong ke setiap penjuru dan ia bukan merupakan syarahan yang berbentuk tradisi. Bolehlah dikatakan sebagai bacaan bentuk baru kepada Risalah Taalim. Sebabnya ialah untuk membuat "syarah" kepada risalah ini sebagai orang yang berkemampuan adalah sukar dan terdapat kelemahan.

Perkara yang menarik perhatian sesiapa yang meneliti Risalah ini ialah ibaratnya yang halus, ringkas dan terfokus. Juga kejelasan Imam Al-Banna di dalam pembicaraannya yang mengetuk fikiran, menembusi pintu hati, menyentuh perasaan serta bersemadi di dalam jiwa, hati dan akal.

Ustaz Umar Al-Tilmisani berbicara berkenaan diri Imam syahid Hasan Al-Banna katanya: "Beliau seorang alim, seorang tokoh, genius dengan perasaan yang hidup lagi bertenaga, kerohanian yang suci lagi bersih, memahami sepenuhnya penyakit umat dan beliau telah menggariskan rawatan untuk penyakit tersebut. Kami telah biasa dengan beliau, yang menulis sebagaimana apa yang dibicarakan tanpa memberat-beratkan atau mengambil perhatian dengan membuat bab atau pembahagian. Jadi apakah yang menyebabkan beliau dalam risalah ini mengambil cara lain yang tidak pernah dilakukan sebelum ini".

Kemudian Al-ustaz 'Umar (Rahimahullah) menjelaskan sebabnya seraya berkata: "Ini adalah kerana Risalah ini mempunyai kedudukan yang tinggi dan peranan penting yang beliau mahu lihat di dalam saf mukmin yang sejahtera".

Hasan Al-Banna membataskankan di dalam pembicaraan ini di sekitar fikrah dan amal bagi Jemaah. Beliau telah mendapat taufik yang besar yang hanya diperolehi oleh orang-orang yang seumpama dengannya yang tergolong dari para duat yang benar lagi ikhlas. Maka Risalah Taalim ini terbit sebagai contoh yang unik dihadkan dengan mendalam dan ditulis dengan penuh teliti tentang kefahaman, asas-asas tarbiyah dan prinsip-prinsip Harakah bagi Jamaah Ikhwan Muslimin di dalam tempoh dakwah dan perkembangan takwin seluruhnya. Kesemuanya itu di dalam penjelasan yang ringkas, padat dan teliti, tidak melebihi 20 halaman kertas.

Al-Ustaz Al-Mursyid Umar Al-Tilmisani membuat komentar tentang risalah ini dan selainnya:- "Setiap orang yang membaca Risalah Al-Imam Asy-syahid nescaya dia akan merasa amat takjub. Bagaimana Allah swt mengilhamkan kepada da'ie yang ikhlas bergerak ini, bagaimana Allah swt mengilhamkannya dapat meletakkan makna-makna yang luas di dalam kalimah yang ringkas dan dalam gambaran yang amat jelas tanpa kekaburan dan kesamaran. Risalah ini bermanfaat untuk menggerakkan cita-cita dan pendorong kepada kerja yang bersifat produktiviti lagi bersungguh-sungguh. "

Kami telah membuat komentar terhadap Risalah ini dan mengemukakannya agar dapat membantu dalam amal Islami kepada setiap orang yang diberi petunjuk oleh Allah swt untuk berjihad demi memenagkan kebenaran ini.

Pemuda-pemuda kita yang suci dengan fitrahnya yang sejahtera telah cenderong ke arah berpegang dengan pengajaran Islam dan begitu bersungguh-sungguh untuk mengamalkannya di kalangan manusia secara berhalus lagi mantap dan menjauhkan diri dari menimbulkan ketegangan dan perkelahian kosong. Oleh itu kita mesti membantu dan menolong mereka. Maka kami telah tampil untuk membuat ulasan kepada Risalah ini dan melakukan komentar terhadapnya yang bertepatan dengan fahaman yang sahih pada anggapan kami. Mungkin terdapat kesilapan dalam usaha kami ini kerana itu adalah tabiat setiap manusia.

Semoga amal yang tidak seberapa ini (kecil) dapat memberikan saham di dalam penyebaran kesedaran Islam yang sahih, kefahaman Islam yang betul, membentangkan jalan kepada tenaga pembantu Islam yang sentiasa hidup lagi terpancar-pancar dan

kebangkitan Islam yang penuh berkat. Semoga Allah swt memperkenankan harapan kita ini.

(88)

Maksudnya:

"*Aku tidak bermaksud kecuali (mendatangkan) kebaikan sekadar yang terdaya, dan tidak ada taufik bagiku melainkan dengan (pertolongan) Allah. Hanya kepada Allah aku bertawakkal dan hanya kepadaNyalah aku kembali*".

(Huud: 88)

Sesungguhnya bai'ah ini merupakan perjanjian antara hamba dan Tuhannya. Seorang hamba menjual jiwa-raganya kepada Allah kerana memenuhi perjanjian itu, dan Allah membelinya dengan membayar syurga yang luasnya langit dan bumi, yang disediakan kepada setiap orang yang mengikat janji setia dengan Allah untuk berdakwah dan bersabar menghadapi setiap cabaran.

Kepada setiap muslim yang mengetahui bahawa jalan ke syurga di kelilingi dengan penuh dugaan, bahawa syurga Allah itu tinggi nilainya dan jalan ke neraka di kelilingi dengan nafsu syahwat, maka kami paparkan ( ) sebagai kurungan untuk tajuk buku ini bekalan di atas jalan dakwah ini serta sebagai menara api yang akan diambil petunjuk oleh sesiapa yang dikehendaki oleh Allah kebaikan baginya dan memberi taufik kepada perkara yang disukai dan diredaiNya.

Dalam menyediakan risalah ini, kami telah merujuk kepada komentar-komentar dan pembicaraan yang telah dibuat oleh ikhwah, sehingga buku ini keluar dengan sebegitu rupa. Kami memohon agar ikhwah tidak jemu untuk terus membaca, mengkaji dan beramal dengan tuntutannya. Kerana sesiapa yang memahaminya bererti dia telah memahami dakwah Ikhwan Muslimin.

'Ustaz kita, Syeikh Abdul Mun'im Tu'ailib telah bermurah hati untuk membuat murajaah kepada risalah ini, yang membuatkannya mempunyai nilai ilmiah yang lebih besar. Semoga Allah memberi ganjaran kepadanya dan menerima usahanya ini.
Muraja'ah juga telah dilakukan oleh Al-Ustaz Mustafa Masyhur, serta beliau telah menambah beberapa peringatan dan arahan yang baik serta berfaedah di dalam risalah ini. Semoga Allah swt menerima daripada kita dan beliau terhadap usaha yang mulia ini.

Muhammad Abdullah Al-Khatib
Cairo, Selasa 7 Syawal 1410 Hijrah
Bersamaan 1 Mei 1990 Masehi

Pengantar Pengarang

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas imam para muttaqiin dan pemimpin para mujahidin, Saidina Muhammad Nabi yang amanah, juga ke atas para sahabatnya dan sesiapa yang mengikut mereka hingga ke hari Kiamat. Adapun kemudian dari itu:-

Inilah risalahku kepada Ikhwan mujahidin dari kalangan Ikhwan Muslimin, yang mengimani ketinggian dakwah mereka, kesucian fikrah mereka, dan dengan benar mereka berazam untuk hidup dengannya dan mati demi memperjuangkannya. Kepada mereka ini sahaja saya tujukan kalimah-kalimah yang rengkas ini. Kalimah-kalimah ini bukanlah merupakan matapelajaran yang semata-mata dihafal, tetapi ia merupakan arahan dan perlaksanaan. Saudara-saudara yang benar, marilah beramal. Allah swt telah berfirman :

(105)

Maksudnya:

"*Katakanlah: Beramallah kamu, sesungguhnya Allah, Rasulnya dan orang-orang mukmin akan melihat amal kamu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Mengetahui perkara ghaib dan nyata. Maka (Allah) akan memberitahu kamu apa yang telah kamu kerjakan*".

(At-Taubah: 105)

(153)

Maksudnya:

"*Dan bahawa inilah jalanku yang lurus, maka ikutilah ia dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain) kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalanNya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertaqwa*".

(Al-An'aam: 153)

Manakala orang-orang selain dari golongan ini, telah ada untuk mereka itu pelajaran-pelajaran, kuliah-kuliah, buku-buku, makalah-makalah, bentuk-bentuk zahir dan urusan-urusan pejabat. "Dan tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya, maka berlumba-lumbalah kamu dalam membuat kebaikan". "Dan kepada masing-masing mereka, Allah menjanjikan pahala yang baik (syurga)".

Hasan Al-Banna

DI SEKITAR USUL DUA PULUH

1. **Kepentingan kefahaman yang sahih:**

Mungkin juga ada faedahnya kami mulakan risalah ini dengan membentang beberapa arahan ringkas sebagai pintu untuk menolong saudara pembaca.

Sesungguhnya matlamat Ikhwan ialah menegakkan Daulah dan Khilafah Islamiyyah yang menegakkan agama yang diredhai Allah swt untuk manusia sejagat sehingga hari Kiamat. Allah swt berfirman:

(19)

Maksudnya:

"*Sesungguhnya agama yang diredhai di sisi Allah ialah Islam*".

(Ali 'Imran: 19)

Firman Allah swt lagi:

(3)

Maksudnya:

"*Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan bagi kamu ni'matKu serta Aku telah meredhai Islam sebagai agama kamu*".

(Al-Maaidah: 3)

(85)

Maksudnya:

"*Sesiapa yang mengikut agama yang lain dari Islam, maka tidak diterima daripadanya, dan pada hari Akhirat, dia termasuk di kalangan orang-orang yang rugi*".

(Ali 'Imraan: 85)

Di dalam hadis sahih Rasulullah saw bersabda:

Maksudnya:

> "*Demi jiwa Muhammad berada di dalam genggamanNya, tidak seorangpun dari umat ini, samada Yahudi atau Nasrani yang mendengar tentangku, kemudian dia mati dalam keadaan tidak beriman dengan ajaran yang dibawa olehku, melainkan dia termasuk di kalangan ahli neraka*".
>
> *(Muslim: 1/134 No: 153)*

Oleh itu, menjadi kemestian kepada kesempurnaan penegakan agama ini dengan kefahaman Islam yang sahih dan syamil, kefahaman yang sejahtera lagi murni sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah saw. Agama ini tidak mungkin akan tegak dengan kefahaman yang kurang, menyeleweng atau salah.

Perkara yang memecahbelahkan umat Islam dan menjadikan mereka berpuak-puak ialah perselisihan mereka dalam memahami Islam dan 'aqidahnya.

Kerana itu Al-Imam Al-Banna begitu menekankan tentang kefahaman yang sahih dan menjadikanya sebagai rukun bai'ah yang pertama dan menggariskan di bawahnya du puluh usul sebagai perisai yang menahannya dari kesalahan dan penyelewengan.

Kalaulah kefahaman tidak menjadi salah satu dari rukun bai'ah, nescaya akan timbullah di kalangan Ikhwan Muslimin madrasah-madrasah fikriah yang berbilang-bilang, dan ia tidak akan menjadi jamaah yang satu. Tetapi sekarang setiap akh yang 'aamil (bekerja) dianggap sebagai pengawal yang amanah yang menjaga kefahaman ini dari sebarang perubahan atau penyelewengan. Kerana memenuhi bai'ahnya dengan Allah swt, beliau menjaga batas-batas Allah dalam setiap pergerakan, perkataan, tulisannya dan lain-lain lagi.

Mungkin perkara pertama yang menarik perhatian di sini ialah Al-Imam Al-Banna menganggapnya sebagai bai'ah (janji setia) di antara tentera dan qaid (pemimpin). Kerana itu dalam baris pertama beliau menyebut: "Rukun-rukun bai'ah kita ada sepuluh, saudara hendaklah memeliharanya", sebagaimana beliau menyebut dalam rukun "taat" di bawah tajuk "tanfiz". Di atas perkara inilah saf Ikhwan Muslimin yang pertama berbai'ah pada 5hb. Rabi'ul Awal 1359 hijrah. Mereka mengerti tanggungjawab yang akan dipikul dan mempersiapkan diri untuk menunaikannya. Dari sini, tidak dapat tidak, para duat Ikhwan Muslimin mesti membaca risalah ini (Risalah Ta'alim) dari semasa ke semasa sehingga menjadi masak di dalam fikiran mereka tentang selok belok bai'ah mereka dengan Allah swt itu.

Risalah ini pada asalnya ditujukan kepada barisan Ikhwan yang bekerja ('amilin) yang keimanan mereka terhadap Islam dan persediaan mereka untuk beramal telah sampai ke peringkat sanggup mengorbankan semua perkara demi mencapai matlamat. Atau mengikut ungkapan Al-Imam as-syahid: "Yang mempunyai keazaman yang benar untuk hidup dan mati demi perjuangan pada jalannya". Adapun orang yang masih sedang menuju ke jalan ini dan masih belum sampai, untuknya ialah "kelas-kelas

pengajaran, ceramah-ceramah, buku-buku, makalah-makalah, bentuk-bentuk lahiriah dan urusan-urusan pejabat". Firman Allah swt:

(148)

Maksudnya:

"*Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia mengadap padanya, maka berlumba-lumbalah kamu dalam membuat kebaikan*".

(Al-Baqarah: 148)

2. **Keperluan amal:**

Sesungguhnya orang beriman dengan Islam dituntut untuk beramal dengannya dan berusaha untuk merealisasikan matlamat-matlamatnya di alam nyata. Supaya seseorang muslim beramal untuk Islam maka beliau mestilah memiliki kefahaman Islam yang jelas. Dia juga mestilah memiliki niat yang ikhlas sehingga amalnya itu diterima di sisi Allah swt. Umat Islam mestilah memiliki kesatuan dan jamaah untuk berkuasa merealisasikan matlamat Islam di alam ini dengan bentuk yang paling baik. Ini adalah berdasarkan dengan apa yang ditegaskan oleh kaedah Syariah ( ) :

Maksudnya:

"*Perkara yang tidak sempurna wajib melainkan dengannya, maka ia adalah wajib*".

Oleh kerana itu kita memerhati di sekitar Risalah Taalim ini bahawa maklumat-maklumat ini sudah ada di dalam fikiran Al-Imam Al-Banna. Oleh kerana itu juga kita melihat bahawa Risalah Taalim ini berusaha kearah mengumpulkan manusia bekerja untuk Islam berdasarkan kefahaman kerana secara tabiienya ia adalah tuntutan Islam dan runtunan keikhlasan.

Kami dapati dalam pengembaraan di sekitar Risalah Ta'alim ini, perkara-perkara tadi telah tertanam di benak fikiran beliau ketika menulis Risalah Ta'alim. Beliau mulakan dengan rukun "Faham" kerana amal Islami dan jamaah tidak mungkin dapat dilaksanakan sebelum mempunyai kefahaman. Beliau begitu tekun berusaha agar kefahaman Ikhwan Muslimin adalah kefahaman Islam yang murni, yang tidak meninggalkan mana-mana aspek yang ada dalam Islam serta tidak membiarkan perkara-perkara asing menyusup ke dalam kefahaman Islam tersebut. Dalam usul dua puluh di bawah rukun faham, beliau cuba untuk membuka jalan ke arah amal islami yang serius sehingga al-akh beramal berdasarkan hujjah yang nyata. Firman Allah swt:

(108)

Maksudnya:

> "*Katakanlah: Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata. Maha Suci Allah dan aku tidak termasuk di kalangan orang-orang musyrik*".
>
> *(Yusuf: 108)*

Oleh kerana itulah dalam usul pertama dari usul dua puluh, beliau menerangkan tentang kesyumulan Islam dari segenap aspek kehidupan dunia dan akhirat: "Islam adalah satu sistem yang syamil dan merangkumi semua aspek kehidupan. Islam adalah negara dan watan atau pemerintah dan umat, akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan, kebudayaan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman, material dan harta benda atau usaha dan kekayaan, jihad dan dakwah atau tentera dan fikrah, sebagaimana ia juga adalah 'aqidah yang benar dan ibadat yang sah".

Para pembaca kini mungkin tidak dapat merasai betapa asingnya kefahaman ini di mata manusia pada ketika itu. Tulisan-tulisan Al-Maududi, Syed Qutb, Muhammad Al-Ghazali, Yusuf Al-Qardhawi, Syed Sabiq dan lain-lain yang boleh membuka fikiran manusia belum lagi wujud. Kami pemuda Ikhwan Muslimin menghadapi kesukaran dalam berhadapan dengan orang-orang yang berpengetahuan agama pada masa itu. Mereka menganggap kami membawa perkara bid'ah yang tidak ada kaitan dengan Islam. Lalu kami bergiat dalam arena politik, ekonomi dan lain-lain urusan dunia, tidak dalam perkara agama.

Jamaah-jamaah yang bekerja untuk Islam sebelum itu, telah tergelincir ke dalam kefahaman sempit ini. Setiap mereka mengambil satu aspek dari aspek-aspek Islam, menyeru manusia ke arahnya dan mempertahankannya. Seolah-olah itulah satu-satunya Islam. Keadaan mereka samalah dengan kisah sekumpulan orang buta dengan gajah: Diceritakan bahawa satu kumpulan orang buta ingin mengenali gajah. Salah seorang dari mereka memegang kaki gajah seraya berkata: "Gajah itu seperti batang pokok kayu". Orang yang memegang telinganya berkata: "Ia macam kipas". Orang yang memegang ekornya berkata: "Ia macam tali". Lalu mereka saling bertengkar sehingga datanglah seorang lelaki celik seraya berkata: "Wahai saudara-saudaraku, sesungguhnya setiap yang kamu sebutkan itu ada pada gajah dan apa yang kamu tidak sebut juga ada padanya". Semua anggota tersebut berada pada satu objek yang lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Setiap anggota berada di tempatnya dan bekerja untuk kebaikan objek tersebut.

Begitulah keadaan manusia. Tetapi hari ini, setiap orang yang berakal mengetahui dengan jelas kesyumulan Islam. Sehinggakan jamaah-jamaah Islam tadi dan yang lahir dari jamaah-jamaah tersebut, perkembangan fikrah dan gambaran mereka tentang Islam mula berdasarkan kepada pandangan kesyumulan yang baru ini. AlhamduliLlah, kita melihat pendekatan fikrah di antara jamaah-jamaah Islam semakin bertambah dari sehari ke sehari.

Selepas Al-Imam Al-Banna menjelaskan tentang kefahaman Islam yang syumul, beliau pun menentukan sumber-sumber yang sepatutnya dipegang oleh muslim dalam

memahami agamanya untuk menutup jalan kepada setiap fikrah atau gambaran asing. Dalam permulaan usul kedua beliau berkata: "Al-Quran Al-Karim dan Sunnah Rasulullah saw menjadi rujukan setiap muslim dalam memahami hukum-hukum Islam".

3. **Garisan penyelewengan**

Walau bagaimanapun, usul yang jelas dan diakui ini tidak dapat menghalang setengah kumpulan dari menyeleweng samada kerana jahil atau mengikut hawa nafsu, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka mengikut Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah saw. Ini adalah kerana mereka mentakwil nas-nas Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah saw secara memberat-beratkan atau membabi buta sehingga menjadi sesuai dengan kehendak hawa nafsu mereka. Mereka menjadikan Al-Quran sebagai pengikut, sedangkan merekalah yang sepatutnya mengikut Al-Quran.

Amirul Mukminin 'Umar bin Al-Khattab r.a telah menyedari perkara ini ketika beliau menulis surat kepada qari-qari Al-Quran di setiap negeri: "Ikutlah Al-Quran, bukannya Al-Quran yang mengikut kamu. Sesungguhnya sesiapa yang diikut oleh Al-Quran, Al-Quran akan menolak belakangnya sehingga jatuh ke dalam neraka, dan sesiapa yang mengikut Al-Quran, Al-Quran akan memimpinnya masuk ke dalam syurga Firdaus".

Lihatlah kepada pemimpin golongan Qadianiyyah. (Al-Qadianiyyah adalah satu pergerakan yang lahir pada tahun 1900 dengan perancangan Inggeris yang memerintah India pada ketika itu. Inggeris mengasaskan ajaran ini melalui Mirza Ghulam Ahmad (1839-1908) yang dilahirkan di Qadiani, India dengan dua tujuan utama iaitu:
-Memecahkan perpaduan umat Islam, melemahkan kekuatan mereka dan menghancurkan prinsip dan aqidah mereka.
-Menguatkan kekuasaan Inggeris di negara-negara umat Islam yang dijajah, khasnya India.

Di antara ajaran mereka ialah:
- Ghulam Ahmad ialah nabi Isa yang dijanjikan turun.
-Allah swt berpuasa, sembahyang, tidur, jaga, menulis, jatuh, tersalah dan bersetubuh. (Maha Suci Allah swt)
-Al-Qadiani mengatakan bahawa tuhannya berbangsa Inggeris kerana beliau bercakap dengannya dalam bahasa Inggeris.
-Nabi Muhammad saw bukannya penutup sekelian nabi, bahkan Allah swt mengutus nabi mengikut keperluan dan Ghulam Ahmad adalah nabi yang paling afdhal.
-Malaikat Jibril menurunkan wahyu kepada Ghulam Ahmad dan memberi ilham kepadanya seperti Al-Quran.
-Kitab mereka yang diturunkan bernama "Al-Kitab Al-Mubin", yang lain dari Al-Quran Al-Karim.

-Meyakini bahawa mereka adalah pembawa agama baru yang mempunyai syariat yang tersendiri. Para pengikut Ghulam Ahmad pula adalah seperti para sahabat Rasulullah saw.
-Meyakini bahawa "Qadian" adalah seperti Mekah dan Madinah, bahkan lebih afdhal dari keduanya. Tanahnya adalah Tanah Haram, di situlah kiblat mereka dan tempat menunaikan haji.
-Membatalkan kewajiban jihad dan mewajibkan taat membuta tuli kepada kerajaan Inggeris, kerana mereka adalah ulil amri dengan nas Al-Quran.
-Orang Islam yang tidak memeluk Al-Qadianiah adalah kafir dan sesiapa yang berkahwin atau mengahwinkan orang yang bukan dari golongan Al-Qadianiah adalah kafir.
- Mengharuskan arak, dadah dan bahan-bahan yang memabukkan.

Pengikut-pengikut agama Al-Qadianiah sekarang banyak terdapat di India dan Pakistan. Sebilangan kecil terdapat di Israel dan negara-negara Arab.) Ketika dipengaruhi oleh nafsu dan tidak mahu dirinya hanya menjadi sekadar pengislah atau mujaddid kepada Islam, lalu dia mendakwa sebagai nabi.

Apabila perbuatannya itu bertentangan dengan firman Allah swt:

(40)

Maksudnya:

"*Bukanlah Muhammad itu bapa kepada salah seorang lelaki dari kalangan kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi*".

(Al-Ahzaab: 40)

Dia berkata: "Tidak semestinya cop ( ), berada di bahagian paling bawah dalam surat. Kadang-kadang mungkin dicop di tengah atau di atas. Kalau begitu, tidak salah jika saya menjadi nabi selepas Muhammad".

Dia mencari hadis-hadis sahih yang menegaskan bahawa nabi Muhammad adalah penutup nabi-nabi, untuk ditakwilkan mengikut hawa-nafsunya. Dia menjadi sesat dan menyesatkan ramai manusia yang jahil.

Lihatlah kata-kata pemimpin golongan Bahaaiyyah. (Al-Bahaaiyyah adalah rentetan dari Al-Baabiyyah yang timbul pada tahun 1844 di bawah perlindungan penjajah Russia, Pergerakan Budha Sedunia dan penjajah Inggeris dengan tujuan untuk merosakkan 'aqidah umat Islam dan memecahkan kesatuan mereka. Ia diasaskan oleh Al-Mizar Ali Muhammad Ridha Asy-Syiiraazi (1819-1849) dan mengisytiharkan bahawa beliau adalah Al-Baab pada tahun 1844. Apabila beliau mati, beliau digantikan oleh Al-Mirza Husin Ali yang bergelar Al-Bahaa'. Dari situlah dinamakan Al-Bahaaiyyah.

Di antara ajaran mereka ialah:

- Al-Baab adalah pencipta segala sesuatu.
- Meyakini ajaran hulul dan ittihad.
- Meyakini tentang perpindahan roh dari satu tubuh ke tubuh yang lain dan makhluk adalah kekal. Balasan baik dan siksa hanyalah secara roh sahaja yang menyerupai khayalan.
- Kod 19 adalah suci. Dengan itu mereka menjadikan 19 bulan dalam setahun dan 19 hari dalam sebulan.
- Budha, Confosius, Brahma, Zaradash dan yang seperti mereka yang terdiri dari tokoh-tokoh India, China dan Parsi adalah nabi.
- Bersetuju dengan pendapat orang Yahudi dan Kristian yang mengatakan bahawa Isa telah disalib.
- Mentakwilkan Al-Quran dengan takwilan palsu agar menepati ajaran mereka.
- Mengengkari mukjizat para nabi, tidak percaya kepada hakikat malaikat dan jin. Mereka juga tidak mempercayai kewujudan syurga dan neraka.
- Mengharamkan perempuan menutup aurat, menghalalkan nikah mut'ah, perempuan dan harta adalah milik masyarakat secara perkongsian.
- Mengatakan bahawa agama Al-Baab membatalkan syariat nabi Muhammad saw.
- Mentakwilkan hari Qiamat dengan kemunculan Al-Baha'. Kiblat mereka ialah rumah tempat kelahiran Al-Baab di Syiraz.
- Mengengkari bahawa nabi Muhammad saw adalah nabi terakhir dan mendakwa bahawa wahyu masih berterusan dan mencipta kitab-kitab untuk menandingi Al-Quran.

Penganut-penganut agama ini banyak kedapatan di Iran. Sebilangan kecil terdapat di Iraq, Syria, Lubnan dan Palestin.)

Ketika dia bertentangan dengan ayat di atas, dia berkata: "Sesungguhnya Muhammad adalah penutup nabi-nabi dan saya adalah penutup rasul-rasul Maka selesailah masalah yang dihadapi olehnya dan para-pengikutnya dengan takwilan yang ganjil ini, sedangkan semua orang mengetahui bahawa setiap rasul adalah nabi.

Saya kemukakan satu contoh lain apabila akal manusia mengambil takwil yang memberat-beratkan, yang tidak sesuai sama sekali dengan kaedah-kaedah bahasa Arab untuk menguatkan pendapat yang dipersetujuinya. Saya telah membaca sebuah kitab yang ditulis oleh seorang yang mendakwa bahawa dia adalah ahli tasauf yang menyebut firman Allah swt:

(255)

Maksudnya:

"*Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izinNya?*

(Al-Baqarah: 255)

Beliau mentafsirkan dengan ( ) iaitu sesiapa yang dapat menundukkan nafsu ini, akan diberi syafaat di sisi Allah swt.
Beliau seterusnya menyebut sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:

"*Sembahlah Allah seolah-olah kamu melihatNya, jika kamu tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu*".

(Muslim: 1/36 No: 8)

Beliau mentafsirkannya: "Jika zat kamu telah fana', maka kamu akan dapat melihat Allah swt". Semua takwil itu adalah untuk menguatkan pendapatnya walaupun bertentangan dari kaedah bahasa Arab dan memberat-beratkan. (Ini bukanlah menggambarkan tentang pendapat semua ahli tasauf. Ada juga pada sebahagian dari mereka, kebaikan yang banyak)

Tidakkah saudara terfikir, bagaimana manusia boleh menjadi sesat, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka mengikut Kitab Allah dan sunnah Rasulullah saw. Itu adalah kerana mereka mentakwilkan nas secara memberat-beratkan dan membabi buta sehingga menjadi selari dengan kehendak mereka, atau mendakwa bahawa Al-Quran ada zahir dan batin.

Dari situ, Al-Imam as-syahid berkata dalam usul kedua selepas ungkapan yang kami sebutkan tadi: "Al-Quran difahami mengikut kaedah-kaedah bahasa Arab tanpa memberat-beratkan atau membabi buta. Sunnah pula difahami melalui perawi-perawi hadis yang thiqah (dipercayai)". (Majmu'atur Rasaail: 390)

Ini adalah agar kefahaman muslim tentang agamanya jelas dan murni, tidak berkeladak.

4. **Beramal untuk menyatukan umat Islam**

Jelas kepada kita bagaimana Al-Imam Hasan Al-Banna begitu tekun berusaha untuk menyatukan kekuatan umat Islam bagi melaksanakan amal yang serius lagi ikhlas demi mencapai matlamat-matlamat Islam dengan penuh hikmah dan berdasarkan hujjah-hujjah yang jelas. Jelas juga kepada kita bagaimana beliau memulakan dengan "faham" dan menerangkan dalam usul kedua bahawa mentakwil nas Kitab Allah dan sunnah Rasulullah saw secara memberat-beratkan atau membabi buta mencemarkan kefahaman tersebut. Itu bertujuan agar umat Islam tidak terus berpecah dan berselisih pendapat, yang meyebabkan mereka semakin bertambah lemah dan mempersia-siakan tenaga yang dicurahkan oleh para pengislah.

Kita lihat bagaimana Al-Imam Al-Banna cuba untuk menyatukan kefahaman umat Islam. Beliau juga cuba untuk menutup pintu kepada sebarang penyelewengan dalam kefahaman Islam yang menyebabkan perpecahan di kalangan umat.

Di kalangan umat Islam ada orang yang melampau-lampau dalam masalah syeikh-syeikh dan para wali. Mereka memberi penghormatan, membesarkan mereka, menganggap mereka berkuasa sampai ke peringkat yang tidak dapat dicapai oleh orang biasa, bahkan kadang-kadang mengalahkan kedudukan nabi-nabi. Mereka menerima kata-kata dan perlakuan mereka seolah-seolah ia adalah syariat yang turun dari langit. Mereka namakan para wali itu sebagai "Aqtaab" (Menurut istilah Tasauf, Qutb adalah seorang wali yang menjadi tempat Allah swt melihat pada alam dalam setiap zaman. Beliau juga dinamakan Al-Ghauth kerana orang-orang yang berada dalam kesempitan meminta tolong darinya. Beliau dicipta di atas hati Muhammad saw. Beliau juga digelar sebagai Qutb 'Alam, Qutb Aqtaab, Qutb Akbar, Qutb Irsyaad dan Qutb Madaar. Sila rujuk Mu'jam Mustalahaat As-Suufiyyah karangan Dr. Abd. Mun'im Al-Jafni. ( )) dan "Autaad" (Menurut istilah Tasauf, Autaad ialah empat orang wali yang kedudukan mereka menjadi tempat asas kepada empat penjuru dunia iaitu timur, barat, utara dan selatan. Dengan sebab merekalah Allah swt menjaga empat penjuru tadi kerana mereka menjadi tempat yang dilihat oleh Allah swt. Sila rujuk Mu'jam Mustalahaat As-Suufiyyah). Mereka telah mencemarkan kemurniaan Islam. Kebanyakan penyelewengan yang berlaku di kalangan mereka adalah kerana tidak wujudnya kaedah-kaedah yang jelas yang boleh mengawal dari penyelewengan dan kesesatan.

Untuk menolak penyelewengan yang seperti ini dan percubaan untuk merawatnya, Al-Imam Al-Banna berkata dalam usul keenam: "Kata-kata setiap orang boleh diterima dan ditolak kecuali kata-kata Rasulullah saw yang ma'sum". Orang yang selain dari baginda samada wali, Aqtaab atau Autaad, semuanya adalah manusia biasa yang tidak sunyi dari kesalahan. Mereka tidak mempunyai hak untuk membuat syariat, samada menghalal atau mengharam. Mereka tidak boleh diikut nelainkan jika kata-kata mereka bertepatan dengan Kitab Allah swt dan sunnah Rasulullah saw kerana kedua-duanya adalah sumber tasyri'.

Kadang-kadang lahir penyelewengan kerana bersikap melampau dalam masalah mimpi, lintasan hati, kasyaf, ilham dan seumpamanya dengan menganggapnya sebagai dalil. Di sana ada orang yang menganggap bahawa mimpi syeikhnya adalah benar, tidak boleh disangsikan lagi, seolah-olah itu adalah tasyri' baru. Ada juga orang yang bercakap tentang "ilmu laduni" yang disebut dalam firman Allah swt tentang Khidr:

(65)

Maksudnya:

"*Dan Kami ajarkan kepadanya ilmu dari sisi kami*".

(*Al-Kahfi: 65*)

Mereka mengatakan bahawa itu adalah kata-kata yang keluar daripadanya secara langsung dari Allah swt tanpa perlu membaca kitab atau belajar dari orang alim. Mereka memandang bahawa ilmu ini adalah ilmu yang sebenar ( ) dan ilmu yang datang secara belajar dari Kitab Allah dan sunnah Rasulullah saw adalah ilmu peringkat kedua. Kerana itulah kita dapati mereka mengatakan ulamak hadis mengambil ilmu daripada orang-orang mati. Adapun mereka, ada di kalangan mereka yang berkata:

"Hatiku membisikkan kepadaku dari Tuhanku". Alangkah banyaknya penyelewengan yang timbul dari lintasan hati syeikh ini yang dianggap oleh pengikutnya sebagai diturunkan oleh Tuhan.

Kerana itu, Al-Imam Al-Banna berkata dalam usul ketiga, selepas bercakap tentang mujahadah diri dan kesannya kepada kesinaran hati: "Tetapi ilham, lintasan hati, kasyaf dan mimpi bukanlah menjadi dalil kepada hukum-hukum syariat. Ia hanya dapat diterima dengan syarat tidak bertentangan dengan hukum-hukum dan nas-nas syara'" (Majmu'atur Rasaail: 391).

Kadang-kadang timbul kesukaran dalam memahami Islam disebabkan oleh lafaz yang tidak jelas di sisi orang yang mengguna atau mendengarnya, sedangkan lafaz mengambil makna dari keadaan ia digunakan. Manusia boleh mengetahui makna lafaz yang tertentu hasil dari beberapa penggunaan. Oleh itu kadang-kadang timbul perbezaan dalam memahami lafaz tertentu disebabkan oleh perbezaan suasana dan tempat. Perkataan "kearaban" (   ) contohnya, di Mesir ia hampir seerti dengan perkataan "Islam". Tetapi di negeri Syam, ia seerti dengan sekularisma atau atheis.

Ini adalah disebabkan oleh perkataan ini banyak digunakan oleh segolongan manusia yang berusaha untuk memusnahkan Islam. Perkatan "sufi" di sisi setengah orang bermaksud mempercayai khurafat, keramat, bercakap tentang "wehdatul wujud" (Fahaman yang mengatakan bahawa semua makhluk hakikatnya adalah Allah swt) dan "hulul" (Hulul ialah penjelmaan Allah swt ke dalam diri para 'arifiin atau penjelmaan Allah swt ke dalam hati mereka, lalu matair hikmat mengalir di dalamnya. Rujuk Mu'jam Mustalahaat As-Suufiyyah). Sedangkan di sisi setengah yang lain bermaksud kebersihan roh, kemurnian jiwa, zuhud dalam kehidupan yang fana' dan cinta kerana Allah swt. Begitu juga dengan perkataan "salafiah" (Salafiah bermaksud kembali kepada zaman salaf dalam memahami agama). Kita melihat jamaah-jamaah salafiah semasa yang terdapat dalam negara kita, tidak dapat bersatu pendapat dan strategi. Tambahan lagi terdapat perbezaan di antara mereka dengan golongan salaf yang pertama (Sila rujuk kitab: m/s 65).

Al-Imam Al-Banna telah menyedari tentang bahayanya perkara ini dan natijahnya yang menyebabkan tidak bersatu dalam memahami maksud perkataan yang digunakan. Rentetan dari itu tidak bersatu dalam memahami Islam dan timbul perselisihan pendapat serta persengketaan yang memecah belahkan saf yang membawa merana.

Kerana itu kita dapati dalam usul keenam belas beliau berkata: "'Uruf (kebiasaan) yang salah tidak dapat mengubah pengertian hakikat pada lafaz-lafaz syara', dan kita mesti berhenti pada pengertian yang dimaksudkan itu sahaja. Kita juga mesti berwaspada dari tertipu dengan perkataan-perkataan dalam semua lapangan dunia dan agama. Penilaian adalah pada hakikat sesuatu, bukannya pada nama yang diberikan kepada perkara itu" (Majmu'atur Rasaail: 393).

Mungkin contoh yang paling ketara dalam perselisishan yang terjadi disebabkan oleh penipuan lafaz ialah gambar photografi yang diambil dengan kamera. Ramai orang

menyangka bahawa mengambil gambar tersebut adalah di antara perkara yang termasuk di dalam larangan Rasulullah saw di dalam beberapa buah hadis (Sedangkan larangan dalam hadis-hadis tersebut adalah terhadap gambar-gambar yang berbentuk ukiran). Di antaranya ialah sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:

"*Sesungguhnya manusia yang paling dahsyat diazab pada hari Kiamat ialah orang-orang yang membuat gambar*".

(Muslim: 3/1670 No: 2109)

Oleh itu mereka tidak mahu bergambar, dan setengahnya pula enggan membuat pasport kerana takut bergambar. Dia lebih suka memerap di dalam negeri, tidak mahu keluar. Sebab terjadinya begini kerana kita biasa menggunakan perkataan gambar dalam bidang ini. Padahal penggunaan perkataan tersebut adalah kurang teliti. Rakyat negara-negara Teluk tidak lama dahulu dan sebahagian mereka sekarang pun masih menggunakan perkataan ( ) (Perkataan ini bererti balikan. ini adalah kerana kamera membalikkan gambar objek yang ada di hadapannya di atas kertas) sebagai ganti dari ( ) dalam masalah gambar photografi. Mereka menamakan jurukamera sebagai ( ) (Sifat nama kepada pembalikan, iaitu jurukamera). Perkataan ini adalah jauh lebih teliti daripada perkataan ( ) atau pembuat gambar ( ) kerana dia tidak membuat gambar sedikitpun. Tenaga yang dicurahkannya hanyalah menekan butang kamera sebagaimana cermin membuat balikan gambar objek yang ada dihadapannya.

5 **Berusaha menyatukan kefahaman**

Oleh kerana Al-Imam as-syahid begitu mengambil berat dalam menyatukan kefahaman di antara umat Islam dan supaya terhindar dari setiap perkara yang menimbulkan kesukaran dalam memahami lafaz, perselisihan atau perpecahan, kita dapati apabila beliau bercakap tentang nasionalisma, sufi, salafi dan sebagainya, beliau akan sentiasa mengatakan: "Jika yang dimaksudkan dengan nasionalisma itu begitu dan begini, maka kami bersama dengan nasionalisma. Tetapi jika dimaksudkan dengan makna yang lain dari itu, kami tidak bersamanya sama sekali". Kita tidak pernah mendengar beliau menghentam mana-mana jamaah secara terus tanpa membataskan maksudnya terlebih dahulu. Jadi beliau mengembalikan kita kepada "hakikat sesuatu perkara" ( ), maka dengan itu jelaslah makna yang dimaksudkan dan dapat menyempitkan jurang perselisihan.

Oleh itu wahai akhi da'ie, kami mengharapkan agar saudara sentiasa berusaha mencari hakikat yang berada di sebalik nama, supaya saudara tidak mengecam nasionalisma, kebangsaan, sufi dan nama-nama lain yang manusia berselisih mengenainya tanpa membataskan makna yang saudara kehendaki terlebih dahulu. Kami juga berharap agar saudara menyedari bahawa setengah-setengah penulis Islam tidak memahami perkara ini dan tidak menyedari kepentingannya, lalu mereka mengecam nama-nama yang seperti tadi tanpa mengetahui adakah para pembaca bersetuju dengan kefahaman mereka terhadap lafaz-lafaz tersebut atau sebaliknya.

Di sana ada perkara lain yang ditunjukkan oleh Al-Imam Hasan Al-Banna di dalam Risalah Ta'alim agar dapat membuka jalan kepada amal islami yang serius. Beliau mendapati bahawa mana-mana umat, apabila mereka sibuk dengan amal, perdebatan akan berkurangan. Apabila umat tersebut ditimpa kelemahan dan kemunduran, semangat mereka akan gugur dan lebih sibuk dengan perdebatan dari amalan. Maka lahirlah di kalangan mereka Ilmu Kalam. Inilah maksud yang terkandung di dalam sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:

"*Tidaklah sesat sesuatu kaum selepas berada di atas petunjuk melainkan mereka diberi perdebatan*".

(At-Tirmizi: 5/353 No: 3253)

Kerana itulah kami melihat beliau berkata dalam usul kesembilan dari usul dua puluh: "Membincangkan masalah yang tidak membuahkan amal adalah tergolong dalam perkara "memberat-beratkan" yang ditegah oleh syara'. Contohnya: membincang cabang-cabang hukum yang belum berlaku, membincang penafsiran ayat-ayat Al-Quran yang belum dicapai oleh ilmu manusia, membincang tentang kelebihan di antara para sahabat atau tentang perselisihan pendapat yang tercetus di kalangan mereka, adalah dilarang kerana para sahabat mempunyai kelebihan bersahabat dengan Rasulullah saw. Mereka diganjari mengikut niat mereka, lebih-lebih lagi masalah takwil adalah dibenarkan" (Majmu'atur Rasaail: 391). Dengan usul ini, beliau mahu umat Islam memalingkan diri dari berdebat dan menunjuk-nunjuk kepada beramal.

Begitu juga kita melihat beliau dalam usul kesepuluh, selepas bercakap tentang pandangan Ikhwan Muslimin mengenai ayat-ayat sifat, bahawa mereka tidak berpegang kepada "takwil" ( ) atau "ta'tiil" ( ) Sila rujuk perbincangan dalam usul kesepuluh.â kerana bimbang kaedah yang baik ini akan dijadikan oleh setengah-setengah orang sebagai titik tolak untuk mengecam orang lain atau menyertai mereka dalam perdebatan panjang yang telahpun bermula semenjak lebih dari seribu tahun yang lampau dan masih berterusan sampai sekarang. Sebab itulah kita melihat beliau menyebut selepasnya: "Dan kita tidak akan menyentuh tentang perselisihan di kalangan ulamak, cukuplah dengan pendirian Rasulullah saw dan para sahabat". Fiirman Allah swt :

(7)

Maksudnya:

"*Dan orang-orang yang mendalam pengetahuannya berkata: Kami beriman dengannya, semuanya dari tuhan kami*".

(Ali 'Imraan: 7)

Mungkin sebab itulah Al-Imam as-syahid dalam usul kesepuluh ini menarik perhatian kita kepada bahawa ayat-ayat sifat adalah terdiri dari perkara kesamaran ( ). Inilah juga pendapat para imam yang terdahulu seperti Ahmad bin Hambal, Ibnu Taimiyyah, Ibnu Al-Qayyim, Ibnu Al-Jauzi dan lain-lain ulamak salaf. Yang demikian itu adalah supaya perselisihan menjadi kecil dan tidak sampai ke peringkat menuduh kafir atau fasik.

Apabila saudara melihat ada orang yang berdebat dengan orang-orang yang mentakwil ayat-ayat sifat contohnya, dan menganggap mereka sesat atau menolak kerjasama dengan mereka, ketahuilah bahawa beliau telah melanggar garisan Ikhwan dan garisan salafussaleh yang tidak terlibat sama-sekali dengan perdebatan mengenai perkara-perkara seperti ini samada di zaman Rasulullah saw ataupun dalam generasi taabi'en. Sesungguhnya Ibnu Taimiyyah berbeza pendapat dengan ramai ulamak sezaman dengannya tentang ayat-ayat sifat dan seumpamanya, namun mereka semua melupakan perselisihan tersebut serta berdiri dalam satu saf ketika menghadapi Tatar yang merupakan musuh mereka semua.

6 <u>Menentukan bid'ah</u>

Di antara lafaz yang paling bahaya yang dihadapi oleh para da'ie dalam ceramah dan makalah mereka, yang diterima dan disebarkan oleh para pengikut dan murid-murid mereka secara mudah ialah lafaz "bid'ah". Banyak terjadi perselisihan, perpecahan dan salah faham kerana orang ini memandang sesuatu perkara sebagai bi'ah yang haram, sedangkan orang itu pula memandang ianya tidak mengapa, bahkan kadang dia mengatakan itu adalah Masoleh Mursalah. (Lihat perbahasan mengenainya dalam usul kelima) yang baik diikuti dan diamal. Saya akan cuba menyentuh tentang khilaf yang berlaku di kalangan umat Islam berhubung dengan perkataan "BID"AH", dan bagaimana Al-Imam Hasan Al-Banna cuba menyatukan pandangan umat dalam masalah ini.

Biarkan kami bentangkan dahulu nas-nas yang pada zahirnya nampak bertentangan dalam perkara ini. Diriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda:

Maksudnya:

"*Setiap perkara yang baharu adalah bid'ah, dan setiap bid'ah itu ialah kesesatan*".

(Ibnu Maajah: 1/18 No: 46)

Dalam hadith lain Rasulullah saw bersabda:

Maksudnya:

"*Barangsiapa yang mengadakan perkara baru di dalam urusan agama kami yang tidak ada kena mengena dengannya, maka ia adalah ditolak*".

(Muslim: 3/1343 No: 1718)

Kerana berpegang dengan hadith-hadith ini dan lainnya, segolongan umat Islam cenderung untuk meluaskan maksud bid'ah sehingga hampir meliputi setiap perkara

baharu samada dalam urusan dunia atau agama. Ramai juga yang hanya membataskannya dalam urusan agama sahaja, sekalipun sebahagian mereka meluaskan maksudnya sehingga menganggap kata-kata qari selepas membaca al Quran sebagai bid'ah yang haram. Saya pernah menghadiri baru-baru ini satu majlis yang dihadiri oleh seorang tokoh ulamak hadith semasa yang terkemuka. Beliau ditanya tentang mencium al Quran selepas membacanya. Beliau menjawab ia adalah bid'ah, setiap yang bid'ah adalah sesat dan setiap kesesatan di dalam neraka.

Tetapi satu golongan ulamak pula mengambil jalan lain dengan membataskan maksud bid'ah. Mereka mengingkari sikap melampau yang telah diambil oleh golongan tadi. Mereka berpegang kepada nas-nas lain yang sahih dan memandangnya sebagai menguatkan pandangan mereka.

Di antara dalil-dalil tersebut ialah sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:

> "*Sesiapa yang membuat dalam Islam satu sunnah yang baik, lalu diikut orang selepasnya, ditulis untuknya pahala orang yang beramal dengannya, tidak kurang sedikitpun dari pahala mereka. Sesiapa yang membuat dalam Islam satu sunnah yang jahat, lalu diikut orang selepasnya, ditulis ke atasnya dosa orang-orang yang melakukannya, tidak kurang sedikitpun dari dosa-dosa mereka*".
>
> *(Muslim: 4/2059 No: 1017)*

Mereka mengatakan bahawa perkara baharu kadang-kadang merupakan sunnah yang baik dan kadang-kadang merupakan bid'ah yang haram. Jika tidak bagaimanakah boleh wujud "sunnah yang baik", kalau kita menganggap semua perkara baharu adalah bid'ah walaupun mempunyai banyak kebaikan. Walaupun hadis ini bersempena dengan mengorbankan tenaga pada jalan Allah, tetapi ia tidaklah bererti hanya dikhususkan untuknya sahaja, kerana pengajaran itu diambil dari lafaznya yang umum bukan dengan sebabnya yang khusus sebagaimana yang dinyatakan oleh ulamak.

Ulamak-ulamak tersebut juga berdalilkan dengan sebuah hadis hasan (Hadis yang rendah sedikit darjatnya dari hadis sahih. Sila rujuk Ilmu Mustolah Hadis) yang diriwayatkan daripada Rasulullah saw:

Maksudnya:

> "*Sesiapa yang mencipta bid'ah sesat yang tidak diredhai Allah dan RasulNya, dia mendapat dosa orang yang melakukannya, tidak kurang sedikitpun dari dosa-dosa mereka*".
>
> *(At-Tirmizi: 5/44 No: 2677)*

Mereka memandang bahawa sabda Rasulullah saw yang bermaksud: "Bid'ah sesat yang tidak diredhai Allah dan Rasulnya", mengkhususkan jenis bid'ah yang haram, dan ini membayangkan bahawa di sana ada bid'ah lain yang termasuk dalam "sunnah yang baik'. Mereka berdalilkan kata-kata Saidina 'Umar bin Al-Khattab r.a selepas beliau mengumpul orang ramai untuk bersembahyang Terawih di masjid

dibelakang Ubai bin Ka'ab: "Sebaik-baik bid'ah ialah perkara ini (Fathul Bari: 4/295 No: 2010)".

Kerana itu kita lihat ulamak besar seperti Al-'Izz bin'Abdis Salaam yang digelar sebagai "Sultan Ulamak", membahagikan bid'ah mengikut hukum Islam yang lima. Beliau mengatakan ada bid'ah yang wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Hakikatnya, perselisihan tentang maksud bid'ah bukan sekadar terbatas kepada ulamak taabi'en dan selepasnya sahaja, bahkan sesiapa yang pernah membaca tentang perbahasan di antara saidina Abu Bakar, 'Umar dan Zaid bin Thabit dalam masalah penulisan Al-Quran, beliau akan dapati bahawa perselisihan tentang maksud bid'ah telah lama berlaku. 'Umar telah datang kepada Abu Bakar setelah beliau merasa bimbang dengan kematian ramai sahabat-sahabat yang menghafal Al-Quran dalam peperangan Al-Yamaamah. Beliau meminta agar dikumpulkan Al-Quran yang masih ada pada hafalan dan catatan sebelum kematian para penghafal yang masih tinggal di dalam peperangan yang seterusnya. Tetapi Abu Bakar menjawab: "Bagaimanakah aku akan lakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah saw?"

Ini menunjukkan bahawa Abu Bakar pada mulanya menganggap perkara ini adalah bid'ah di dalam agama. Namun 'Umar terus memujuknya dan berkata: "Demi Allah, perkara ini adalah kebaikan", sehingga Abu Bakar menyetujuinya. Abu Bakar terus memanggil Zaid bin Thabit dan menyuruhnya untuk melaksanakan tugas ini. Zaid memberi jawapan yang lebih kurang sama dengan jawapan Abu Bakar seraya berkata: "Bagaimanakah kamu berdua mahu melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah saw". Lalu kedua-duanya memberikan jawapan yang sama dengan jawapan 'Umar dahulu sehingga Zaid juga bersetuju (Fathul Bari: Jilid 8 No: 4986).

Dari situ kita boleh memahami bahawa perselisihan tentang maksud bid'ah adalah lama, sekalipun Allah swt pada akhirnya telah memberi taufik kepada untuk bersatu pendapat kerana mahu memberi kemuliaan umat ini dengan memelihara Kitabnya. Begitu juga kita boleh memahami dari hujjah yang dikemukakan oleh 'Umar sebagi menyokong pendapatnya ("Demi Allah, perkara ini adalah kebaikan") bahawa bid'ah yang haram sekali-kali tidak akan
membawa kebaikan. Jika ia membawa kebaikan, ia bukan bid'ah yang sesat, bahkan ia adalah sunnah yang baik.

Masalah bid'ah menjadi serius semula ketika suasana memerlukan kepada meletak titik huruf pada Al-Quran, kemudian ketika meletakkan baris sehingga menjadi seperti yang ada pada hari ini, selepas perselisihan ulamak tentangnya menjadi reda dan perkara itu menjadi kenyataan.

Tetapi perselisihan tentang maksud bid'ah ini masih berterusan di kalangan orang ramai. Perselisihan ini semakin meruncing apabila umat semakin lemah dalam semangat jihad dan perjuangan menentang musuh. Lalu mereka terpengaruh dengan perkara bid'ah dan tergelincir masuk ke dalam riya' yang memecahbelahkan saf dan perdebatan.

Oleh kerana amal Islami yang serius dan ikhlas memerlukan kepada pengumpulan setiap tenaga yang boleh dalam menghadapi musuh yang sentiasa menanti peluang, maka Al-Imam as-syahid sentiasa mengambil berat pada menerangkan kebenaran dalam masalah ini dan apa yang sepatutnya disepakati dalam masalah perkara bid'ah dan apa yang harus berselisih pendapat padanya, selagimana perselisihan tersebut tidak membawa kepada perpecahan. Keadaan memerlukan beliau untuk membahagikan bid'ah kepada dua jenis:

Pertama: Bid'ah yang tidak mempunyai dalil. Itulah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:

"*Setiap perkara baharu adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah kesesatan.*"

Dan sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:

"*Sesiapa yang melakukan sesuatu perkara baru di dalam urusan kami yang tidak ada kena-mengena dengannya, maka ia adalah ditolak.*"

Dan di antara syaratnya lagi ialah, ia hendaklah dalam urusan agama. Jika dalam urusan dunia yang biasa, maka tidak mengapa kepada ummat Islam untuk membuat perkara baru yang mereka kehendaki yang boleh menolong mereka di dalam kehidupan dan pembinaan negara mengikut keadaan kehidupan yang berubah-ubah.

Al-Imam Al-Banna berkata di dalam usul yang kesebelas dari usul dua puluh: "Setiap bid'ah di dalam agama Allah yang tidak mempunyai dalil samada dengan menambah atau mengurang yang dipandang baik oleh manusia mengikut hawa nafsu mereka adalah sesat dan wajib diperangi dan dimusnahkan dengan wasilah-wasilah yang paling baik yang tidak membawa kepada perkara-perkara yang lebih buruk daripadanya."

Al-Imam Asy-Syaatibi di dalam kitab al-I`tisaam menyebut bahawa asal kalimah ( ) ialah mencipta sesuatu tanpa mempunyai contoh sebelumnya. Lihatlah firman Allah swt: ( ) yang bermaksud: "Pencipta langit dan bumi". Beliau menyebut bahawa di antara jenis-jenis bid'ah yang hakikat (yang tidak mempunyai dalil) ialah: Fahaman Qadariyah (Satu mazhab Ilmu Kalam yang mengatakan bahawa manusia berkuasa penuh dalam melakukan perbuatan tanpa campur tangan Allah swt) engkar kepada hadith "ahaad" (Yang diriwayatkan oleh seorang rawi sahaja. Sila rujuk Ilmu Mustolah Hadis) mengatakan imam adalah ma'sum dan seumpamanya. Beliau memberi contoh-contoh lain kepada bid'ah yang tidak mempunyai dalil ini seraya berkata: "Seperti kehidupan paderi yang dinafikan oleh Islam, membuang testis agar hilang syahwat ( ) kerana takut kepada zina dan beribadat dengan berdiri di bawah panas matahari". Tidak boleh digalakkan perkara-perkara yang seperti ini kerana tidak disuruh oleh syarak dan tidak ada dalil yang menggalakkannya.

Kedua: Yang dimaksudkan oleh Al-Imam Al-Banna sebagai perkara yang mempunyai dalil dalam agama, tetapi dimasuki bid'ah dari sudut cara, waktu, susunan atau melaziminya dalam waktu-waktu tertentu dan sebagainya tanpa berdasarkan kepada nas. Beliau menyebut jenis ini dalam usul yang kedua belas: "Bid'ah dalam bentuk menambah, meninggal dan beriltizam dalam ibadat mutlak adalah khilaf fiqhi. Setiap orang mempunyai pandangannya masing-masing dan tidak mengapa mencari hakikat melalui bukti dan dalil".

Di antara bid'ah dengan cara menambah ialah membaca Surah Al-Kahfi pada hari Jumaat tetapi dengan menambah cara-cara baru yang tidak ada pada zaman Rasulullah saw. Begitu juga muazzin mengucap selawat dan salam ke atas Rasulullah saw secara nyaring dengan pembesar suara selepas azan. Walaupun berselawat dan mengucap salam ke atas Rasulullah saw mempunyai dalil, tetapi ia dimasuki bid'ah dari sudut cara.

Di antara perkara yang dianggap ulamak sebagi bid'ah menambah ialah menambah dalam perkara sunat yang ditentukan seperti: Hadis menyuruh bertasbih 33 kali selepas setiap sembahyang, lalu dia bertasbih 100 kali. Sebahagian ulamak mengiranya sebagai bid'ah yang haram kerana bersandarkan bahawa nas telah menetapkan bilangan tersebut, maka tidak harus melebihinya.

Tetapi ada di antara ulamak yang mengatakan bahawa menambah dalam perkara kebaikan tidak boleh ditegah. Mereka berdalilkan sabda Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Muslim:

Maksudnya:

> "*Sesiapa yang berkata di waktu pagi dan petang: "Subhanallah wa bihamdih" seratus kali, tidak ada seorangpun yang datang pada hari Kiamat lebih baik dari beliau melainkan seseorang yang berkata sepertinya atau lebih dari itu*".
>
> *(Muslim: 4/2071 no: 2692)*

Mereka mengatakan ini adalah galakan dari Rasulullah saw untuk menambah dari bilangan tersebut.

Untuk bid'ah dalam bentuk meninggal pula, elok rasanya kita ambil dari kitab Al-'I'tisaam (Al-'I'tisaam: 2/42):

"Sesungguhnya sesuatu perbuatan kadang-kadang ianya dihalalkan oleh syara', tetapi manusia mengharamkan ke atas dirinya atau dia berniat untuk meninggalkanya. Dengan itu, adakah dia meninggalkannya kerana sesuatu perkara yang dikira oleh syara' atau tidak? Jika kerana perkara yang dikira syara', maka tidak mengapa kerana ia bererti meninggalkan sesuatu yang boleh ditinggalkan atau yang dituntut meninggalkannya. Perkara tersebut seperti: Mengharamkan ke atas diri sendiri memakan makanan tertentu kerana ia boleh memudharatkan tubuh, akal, agamanya dan seumpamanya. Ketika ini tidak mengapa beliau meninggalkannya, bahkan jika kita mengatakan dia dituntut supaya berubat kerana sakit, maka meninggalkannya adalah dituntut. Jika kita mengatakan dia harus berubat, maka meninggalkannya adalah harus.

Ini terpulang kepada keazaman dalam berpantang dari sesuatu yang memberi mudharat. Dalilnya ialah sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:

> "*Wahai para pemuda, sesiapa di antara kamu yang mampu berkahwin, maka dia hendaklah berkahwin"....sehingga sabdanya: "Sesiapa yang tidak mampu maka dia hendaklah berpuasa".*
>
> *(Muslim: 2/1018 No: 1400)*

Jadi dengan berpuasa boleh mengawal nafsu pemuda sehingga tidak terjatuh ke dalam lembah penzinaan.

Begitu juga jika dia meninggalkan perkara yang dipandang tidak mengapa kerana takut terjatuh ke dalam perkara yang dilarang. Bahkan itu adalah sifat-sifat mutaqqin. Begitu juga meninggalkan perkara yang kesamaran kerana takut terjatuh perkara yang haram kerana menjaga agama dan kehormatan.

Adapun jika dia meninggalkan kerana tujuan yang lain dari di atas, samada kerana "beragama" (Menganggap sesuatu perkara itu disuruh oleh agama) atau tidak. Jika bukan kerana "beragama", maka dia adalah orang yang sia-sia, kerana mengharamkan perbuatan tersebut atau berazam untuk meninggalkanya. Tetapi peninggalan ini tidak dinamakan bid'ah (Contohnya seperti orang yang berzikir dengan meninggikan suara ketika berjalan mengiringi jenazah. Di situ terdapat bid'ah menambah dan meninggal. Bid'ah menambah kerana zikir pada asalnya adalah disuruh oleh syarak, tetapi pada tempat ini tidak disunatkan. Bid'ah meninggal kerana dia meninggalkan sunnah pada tempat ini iaitu diam). Jika dia meninggalkannya kerana "beragama", maka itulah yang dikatakan membuat bid'ah dalam agama.

Beriltizam dengan ibadat bermaksud seseorang itu mewajibkan ke atas dirinya untuk melakukan sesuatu ibadat pada setiap hari, setiap pagi atau petang, dan ibadat itu pada asalnya adalah disyariatkan. Tetapi beriltizam dengannya pada waktu-waktu ini tidak ada nas yang mensyariatkannya. Contohnya seseorang itu menetapkan ke atas dirinya untuk membaca satu kumpulan zikir (Zikir-zikir yang tidak ada nas yang menetapkan bilangan dan waktu membacanya . Adapun zikir Al-Ma'thuraat, ia berdasarkan kepada nas) setiap pagi dan petang. Begitu juga seperti khatib beriltizam berdoa untuk Khulafa' Rasyidin pada setiap khutbah. Di sana ada ulamak memandang perkara-perkara tadi adalah bid'ah yang tidak harus dan mengatakan bahawa orang jahil akan memahami dari iltizam ini bahawa ianya adalah sunnah Rasulullah saw. Di sana ada juga ulamak yang memandangnya tidak mengapa. Mereka mengatakan bahawa perkara-perkara agama sudahpun dicatat secara detail di dalam kitab-kitab yang boleh dibaca oleh semua orang. Maka tidak perlu lagi bimbang manusia tidak dapat membezakannya. Di kalangan mereka ada yang berdalilkan dengan kisah seorang sahabat yang beriltizam dengan membaca surah Al-Ikhlas ( ) dalam setiap rakaat sebelum dia membaca ayat-ayat Al-Quran yang lain. Mereka mengatakan bahawa Rasulullah saw tidak menegahnya dari melakukan perkara tersebut. Jika ianya adalah bid'ah yang haram, tentulah baginda telah menyatakannya.

Wahai akhi pendakwah, mungkin saudara telahpun dapat menyelami terhadap kesungguhan Al-Imam Al-Banna dalam menyatakan tentang perkara mana yang sepatutnya umat Islam bersatu dalam masalah bid'ah dan perkara mana yang boleh berselisih pendapat. Perselisihan itu pula adalah perselisihan yang kecil yang tidak menghalang sama sekali untuk bersatu tenaga dalam mengislah umat.

USUL PERTAMA

Islam adalah satu sistem yang menyeluruh yang mengandungi semua aspek kehidupan. Ia adalah daulah dan tanahair ataupun kerajaan dan umat. Ia adalah akhlak dan kekuatan ataupun rahmat dan keadilan. Ia adalah kebudayaan dan undang-undang ataupun keilmuan dan kehakiman. Ia juga adalah kebendaan dan harta ataupun kerja dan kekayaan. Ia adalah jihad dan dakwah ataupun ketenteraan dan fikrah. Sebagaimana juga ia adalah akidah yang benar dan ibadat yang sahih, kesemuanya adalah sama pengiktibarannya di sisi kita.

Keterangan

Usul ini menegaskan tentang hakikat Islam yang penting iaitu: "Kesyumulan Islam dalam setiap aspek kehidupan".

Hakikat ini amat jelas kepada orang yang mempunyai penglihatan dan dalil-dalilnya amat banyak dari Kitab dan Sunnah.
Walaupun begitu, hakikat ini dipandang ganjil oleh kebanyakan umat Islam ketika Imam Hasan Al-Banna memulakan dakwahnya.

Ia dipandang ganjil oleh setengah persatuan-persatuan Islam. Mereka tidak menaskan bahawa dasar-dasar, matlamat dan ciri-cirinya di atas kesyumulan itu dan tidak menggambil wasilah-wasilah yang menggambarkan bahawa mereka mahu merealisasikannya di alam nyata.

Ia dipandang ganjil oleh parti-parti politik kerana mereka memisahkan agama dari politik dan menganggap bahawa kedua-duanya adalah berlawanan dan tidak boleh bertemu.

Ia dipandang ganjil oleh setengah-setengah ulamak walaupun dalil-dalil kesyumulan itu ada di tangan mereka dan terbentang luas di depan mata mereka. Tetapi nas-nas itu tidak mendapati hati-hati yang memahaminya atau bumi yang subur untuk ia tumbuh dan berbuah.

Di tengah kemelut keganjilan ini, Al-Imam as-syahid menjelaskan tentang hakikat ini agar perhatian umat tertumpu kepada perkara tersebut. Beliau menggesa mereka agar menukarkannya kepada realiti yang amali. Beliau telah mencurahkan tenaga yang banyak untuk menanam hakikat ini dalam dalam jiwa-jiwa umat dan memujuk mereka agar menerimanya.

Sesiapa yang memerhatikan keadaan umat yang kehilangan punca pada waktu yang bersejarah tersebut akan mengetahui nilai usul ini dan bahaya kehilangannya.

Di antara perkara yang menyerlahkan tentang nilai usul ini dalam tempoh yang penuh kemelut itu ialah fahaman buruk sekularisma telah meresap masuk ke dalam fikiran dan hati golongan intelektual yang terdiri dari setengah-setengah mahasiswa universiti, penulis dan penyair. Fahaman sekularisma mula bersarang dalam golongan ini, lalu mereka mengengkari kesyumulan Islam dan membataskan Islam dalam ruang lingkup syiar-syiar ibadat semata-mata, tidak lebih dari itu. Bagi mereka Islam tidak ada hubungan dengan politik, ekonomi, sosial dan semua aspek kehidupan. Umat terus tertidur dengan alunan itu, sehinggalah datang Al-Imam as-syahid mengejutkan mereka dan menyeru mereka agar bangkit dan bergerak untuk mengamalkan Islam bermula dari bersiwak hinggalah kepada berjihad. Beliau mengajak mereka meletakkan Islam di tempatnya yang sebenar tanpa mengubah atau menukarganti, tanpa mengurang atau menambah.

<u>Dalil-dalil kesyumulan</u>

Di sana ada terdapat dalil-dalil umum tentang kesyumulan Islam dalam semua perkara dan dalil-dalil lain secara detail. Di antara dalil-dalil umum ialah firman Allah swt:

(89)

Maksudnya:

"*Dan Kami turunkan Kitab kepada kamu dengan menerangkan setiap sesuatu*".

(An-Nahl: 89)

Rasulullah saw bersabda kepada Qabilah Bani Syaiban bin Tha'labah ketika memperkenalkan diri baginda dalam berdakwah kepada qabilah-qabilah di Mekah:

Maksudnya:

"*Kamu tidak menolak secara jahat jika kamu menyatakan kebenaran. Sesungguhnya agama ini tidak akan ditegakkan melainkan oleh orang yang meliputinya dari segenap sudut*".

(Seerah Nabawiyyah: Ibnu Kathiir: 2/163-169)

Apabila kita melihat kepada Al-Quran Al-Karim dan Sunnah Nabawiyyah, kita dapati banyak ayat-ayat yang menerangkan tentang 'aqidah, ibadat, akhlak, berhukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah swt dan kehakiman, jihad dan perjanjian, hal ehwal harta benda dan perniagaan serta berbagai-bagai bidang kehidupan. Firman Allah swt:

(178)

Maksudnya:

"*Diwajibkan ke atas kamu qisaas (bunuh balas) dalam (kes) orang yang mati dibunuh*".

(Al-Baqarah: 178)

(183)

Maksudnya:

"*Diwajibkan ke atas kamu berpuasa*".

(Al-Baqarah: 183)

(180)

Maksudnya:

"*Diwajibkan ke atas kamu apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak , berwasiat untuk ibu-bapa dan kaum kerabat secara baik*".

(Al-Baqarah: 180)

(216)

Maksudnya:

"*Diwajibkan ke atas kamu berperang*".

(Al-Baqarah: 216)

(282)

Maksudnya:

"*Apabila kamu bermu'amalah (Seperti berjual beli, berhutang piutang atau sewa-menyewa dan sebagainya) tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menulisnya*".

(Al-Baqarah: 282)

(275)

Maksudnya:

"*Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba*".

(Al-Baqarah: 275)

(49)

Maksudnya:

"*Dan hendaklah kamu memutuskan hukuman di antara mereka dengan hukum yang diturunkan oleh Allah, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang diturunkan Allah kepada kamu*".

(Al-Maidah: 49)

Allah telah mengengkari terhadap mereka yang mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain dengan firmanNya:

(85)

Maksudnya:

> "*Apakah kamu beriman kepada sebahagian Al-Kitab dan kufur dengan sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang berbuat demikian kehinaan dalam kehidupan dunia dan pada hari Kiamat mereka akan dikembalikan kepada azab siksa yang amat pedih*".
> *(Al-Baqarah: 85)*

Adakah cukup dengan kita hanya mengakui tentang kesyumulan Islam tanpa beramal dengannya?

Setiap orang yang melihat kepada petunjuk Rasulullah saw dan seerah salafussaleh, beliau akan dapati bahawa mereka beriman dengan kesyumulan Islam dan mempraktikkannya. Mereka mengambil wasilah-wasilah yang terdaya untuk mengubah kefahaman ini kepada realiti yang amali, yang mempunyai keperibadian, bukannnya terbatas kepada serban di atas kepala dan iman yang tersembunyi di dalam hati.

Sesiapa yang mengakui kesyumulan Islam dalam setiap aspek kehidupan, kemudian beliau membataskan kegiatannya dalam beberapa aspek sahaja, beliau mempunyai beberapa keadaan:

* Jika kemampuannya tidak cukup untuk melaksanakan aspek-aspek yang lain, maka beliau hendaklah membantu orang-orang lain yang beramal ('aamilin) dengan kesyumulan dengan sedaya upaya yang mungkin.

* Adapun jika beliau menghalang mereka dan menganggap bahawa aspek yang dilaksanakannya sudah memadai, serta tidak menghulurkan bantuan maka tidak syak lagi beliau adalah tercela.

* Jika kemampuannya mengizinkan beliau untuk memberi saham amali, dan beliau hanya berpada dengan satu aspek sahaja kerana mementingkan keselamatan dan kesenangan dan tidak mahu berpenat tenaga, maka beliau tidak selamat dan tidak mendapat kesenangan.

* Sesungguhnya berdakwah kepada kefahaman yang syamil dan beramal dengannya dan mengakuinya adalah asas dan yang lainnya adalah kecuaian.

* Jika tidak, tolong beritahu kepadaku wahai saudara, adakah kita telah menunaikan hak dengan sebenar-benarnya jika kita hanya berpada dengan mengetahui dan mengakuinya tanpa beramal dan
berdakwah dengannya?

Al-Imam as-syahid telah menjelaskan usul ini dan menerangkannya kepada setiap orang yang mempunyai kefahaman dalam banyak risalahnya. Beliau berkata dalam risalah muktamar kelima di bawah tajuk: "Islam Ikhwan Muslimin":

> "*Wahai saudara, izinkan saya menggunakan ungkapan ini. Saya tidak bermaksud bahawa Islam Ikhwan Muslimin adalah Islam yang baru, yang bukan dibawa oleh Saidina Muhammad saw dari Tuhannya. Saya maksudkan bahawa kebanyakan umat Islam di kebanyakan zaman telah mencabut sifat-sifat, ciri-ciri dan batas-batas dari Islam mengikut kemahuan masing-masing. Mereka mempergunakan keanjalan dan keluasannya secara buruk. Sedangkan keanjalan dan keluasan itu adalah mempunyai hikmat yang tinggi. Mereka bertelingkah hebat dalam memahami makna Islam dan menanamkan gambaran Islam yang bermacam-macam di dalam jiwa anak-anak mereka, samada ianya hampir, jauh atau bertepatan dengan Islam pertama yang dibawa oleh Rasulullah saw dan para sahabatnya.* "

Di antara manusia ada yang memandang bahawa Islam hanya terbatas pada ibadt-ibadat zahir sahaja. Jika dia menunaikannya atau melihat ada orang melaksanaknnya, beliau berpuashati dan mengira bahawa dia telah sampai ke puncak Islam. Inilah makna yang difahami secara meluas di kalangan umat Islam.

Ada di antara mereka yang memandang bahawa Islam hanya terbatas kepada berakhlak mulia, rohani yang bersih, memberi santapan falsafah kepada fikiran dan roh serta menjauhkan diri dari daki-daki material.

Ada pula yang Islamnya hanya terhenti kepada perasaan takjub kepada makna-makna Islam yang hidup dan amali ini. Dia tidak memikirkan perkara lain.

Ada golongan yang memandang bahawa Islam adalah sejenis 'aqidah yang diwarisi, amalan-amalan yang tradisi yang tidak diperlukan dan tidak boleh menjadi maju. Mereka menjadi jemu dengan Islam dan setiap perkara yang mempunyai hubung-kait dengannya. Saudara boleh mendapati makna ini secara jelas di dalam jiwa orang-orang yang berpendididkan barat yang tidak berpeluang untuk memahami hakikat Islam. Mereka tidak mengetahui sedikitpun tentang Islam, atau mengetahuinya dengan gambaran yang tercemar hasil dari pergaulannya dengan orang-orang yang tidak mengamalkan Islam secara baik dari kalangan umat Islam.

Di bawah jenis-jenis ini, terdapat lagi jenis-jenis lain yang mempunyai pandangan yang berbeza-beza tentang Islam. Hanya segolongan kecil sahaja di kalangan manusia yang memahami gambaran Islam yang sempurna dan jelas yang menyusun semua makna makna ini.

Gambaran yang bermacam-macam terhadap Islam di dalam jiwa manusia ini menjadikan mereka berselisih hebat dalam memahami fikrah Ikhwan Muslimin.

Di antara manusia ada yang menggambarkan bahawa Ikhwan Muslimin adalah "tarikat sufi" yang mengambil berat dalam mengajar manusia tentang zikir-zikir, jenis-jenis ibadat dan perkara-perkara lain yang menjadikan seseorang itu ikhlas dan zuhud.

Ada pula yang menyangka bahawa Ikhwan adalah satu jamaah yang suka berbahas tentang masalah-masalah fiqh. Mereka hanya mementingkan untuk berpegang dengan beberapa hukum-hakam, berdebat padanya, mempertahankanya dan mengajak manusia agar berpegang kepada hukum-hukum tersebut. Mereka berbahas atau berdamai dengan orang yang tidak menerimanya.

Sedikit sahaja di kalangan manusia yang bercampur dan bergaul dengan Ikhwan Muslimin, yang tidak hanya mendengar semata-mata dan tidak mencabut dari Ikwan Muslimin Islam yang difahami oleh mereka. Lalu golongan ini mengetahui hakikat Ikhwan dan memahami dakwah mereka secara ilmu dan amali.

Kerana itu , saya suka bercakap kepada tuan-tuan yang mulia secara ringkas tentang makna Islam dan gambarannya pada jiwa Ikhwan Muslimin sehingga ia menjadi asas dakwah kita, kita berbanggga kerana bersamanya dan mengambil bekalan daripadanya secara jelas dan nyata.

Kami meyakini bahawa hukum-hukum Islam dan pengajarannya adalah syumul dan menyusun hal ehwal kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Orang-orang yang menyangka bahawa pengajaran ini hanya meliputi aspek ibadat dan rohani semata-mata adalah salah dalam sangkaan tersebut. Ini kerana Islam adalah 'aqidah dan ibadat, watan dan warganegara, agama dan negara, rohani dan amal serta Al-Quran dan pedang.

Al-Quran Al-Karim menyebut tentang kesemua perkara tersebut dan menganggapnya sebagai "otak dan hati Islam" serta mewasiatkan agar melaksanakan kesemua perkara tadi dengan sebaik-baiknya. Inilah yang diisyaratkan oleh firman Allah swt:

(٧٧)

Maksudnya:

> "*Dan carilah apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (keni'matan) duniawi dan berbuat baiklah sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu*".
>
> *(Al-Qasas: 77)*

Saudara juga membaca dalam Al-Quran dan juga di dalam sembahyang firman Allah swt tentan 'aqidah dan ibadat:

Maksudnya: "Dan mereka tidak diperintah kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam menjalankan agama dengan lurus . Jauh dari syirik dan kesesatan dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus". Al-Bayyinah:5

Saudara juga membaca firman Allah swt tentang kerajaan, kehakiman dan politik:

(65)

Maksudnya:

"*Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman sehinggalah mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka meneriama dengan sepenuhnya*".

(An-Nisaa': 65)

Saudara juga membaca firman Allah swt tentang hutang di dalam perniagaan:

(282)

Maksudnya:

" *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berhutang dalam tempoh yang tertentu, hendaklah kamu menulisnya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menulisnya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah dia menulis, dan hendaklah orang yang berhutang itu membacakan apa yang ditulisnya itu, dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah dia mengurangi sedikitpun daripada hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu membacakannya, maka hendaklah walinya membacakannya secara jujur. Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Jika tidak ada dua orang lelaki, maka boleh seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka yang seorang lagi mengingatkannya.*

Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil, dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik sedikit mahupun banyak sampai batas waktu membayarnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan persaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah hutang itu), kecuali jika ia merupakan perniagaan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menulisnya. Dan persaksikanlah apabila kamu berjual beli, dan janganlah penulis dan saksi saling sulit-menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian itu), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu".

(Al-Baqarah: 282)

Saudara juga membaca firman Allah swt tentang jihad dan peperangan:

(102)

Maksudnya:

"Dan apabila kamu berada di tengah mereka (sahabatmu) lalu kamu hedak mendirikan solat bersama-sama mereka, maka hendaklah segolongan dari mereka berdiri (solat) besertamu dan menyandang senjata, kemudian apabila mereka (yang solat bersamamu) sujud (telah menyempurnakan satu rakaat) Apabila selesai satu rakaat, maka diselesaikan sendiri satu rakaat lagi, dan Nabi duduk menunggu golongan yang kedua maka mereka hendaklah pindah dari belakangmu (untuk menghadapi musuh) dan hendaklah datang golongan yang kedua yang belum sembahyang, lalu bersembahyanglah mereka denganmu. Dan hendaklah mereka bersiap sedia dan menyandang senjata. Orang-orang kafir ingin supaya kamu lengah terhadap senjatamu dan harta bendamu, lalu mereka menyerbu kamu dengan sekaligus. Dan tidak ada dosa atasmu meletakkan senjata-senjatamu, jika kamu mendapat sesuatu kesusahan kerana hujan atau kerana kamu memang sakit dan bersiap sedialah kamu".

(An-Nisaa': 102)

Banyak lagi ayat-ayat yang menjelaskan tentang perkara-perkara di atas. begitu juga dalam adab-adab umum dan hal ehwal masyarakat.

Begitulah Ikhwan berhubung dengan Kitab Allah, meminta ilham dan petunjuk darinya. Mereka meyakini kesyumulan Islam ini dan Islam mesti menguasai dan mewarnai setiap aspek kehidupan. Kehidupan mesti terikat dengan hukum-hukum Islam, berjalan dalam landasan prinsip dan pengajarannya dan merujuk kepadanya jika umat mahu menjadi umat Islam yang sebenar.

Tetapi jika hanya Islam di sudut ibadat semata-mata dan meniru orang bukan Islam dalam sudut-sudut lain, maka ia bukanlah umat Islam yang sebenar. Mereka samalah dengan umat yang disebut di dalam firman Allah swt:

(85)

Maksudnya:

"*Apakah kamu beriman kepada sebahagian Al-Kitab dan kufur dengan sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang berbuat demikian kehinaan dalam kehidupan dunia dan pada hari Kiamat mereka akan dikembalikan kepada azab siksa yang amat pedih, dan Allah tidak lali terhadap apa yang mereka kerjakan*".

(Al-Baqarah: 85)

Dalam menerangkan tentang kesyumulan Islam untuk kesemua manusia dan pada semua masa, Al-Imam as-syahid berkata:

"*Ikhwan Muslimin meyakini bahawa Islam adalah agama umum yang menyusun setiap aspek kehidupan sesuai untuk semua bangsa dan umat, pada setiap masa dan zaman. Islam datang dengan membawa ajaran yang lebih sempurna dan tinggi dari menerangkan juziyyah kehidupan, lebih-lebih lagi dalam perkara yang bersifat keduniaan semata-mata. Islam hanya meletakkan kaedah umum (kulli) dalam aspek keduniaan ini dan menunjukkan kepada manusia kepada jalan amali untuk memperaktik dan berjalan di dalam sempadannya.*

Untuk menjamin kebenaran dalam praktik ini, Islam memberi perhatian penuh terhadap mengubat hati manusia. Ini adalah kerana hati merupakan sumber sistem, alat berfikir dan menggambarkan sesuatu. Islam menunjukkan kepada hati, ubat yang mujarrab yang membersihkannya dari belenggu hawa nafsu, menyucikannya dari daki-daki mencari keuntungan dan matlamat dunia, memimpinnya ke jalan yang sempurna dan mulia serta menegahnya dari kezaliman, kecuaian dan permusuhan.

Apabila jiwa sudah betul dan bersih, maka setiap perkara yang lahir daripadanya adalah baik dan cantik.

Sudah menjadi buah mulut orang bahawa keadilan bukannya pada nas undang-undang, tetapi pada diri hakim. Kadang-kadang ada undang-undang yang sempurna dan adil diberikan kepada hakim yang mengikut hawa nafsu dan mencari kepentingan. Lalu beliau melaksanakannya secara zalim dan tidak adil. Kadang-kadang ada undang-undang yang zalim dan mempunyai kekurangan diberikan kepada hakim yang mulia dan adil yang

tidak menurut hawa nafsu dan tidak mencari keuntungan. Lalu beliau melaksanakannya secara adil, penuh kebaikan dan rahmat.

Dari sini, jiwa manusia sangat diambil berat di dalam Kitab Allah. Jiwa-jiwa generasi pertama yang diwarnai oleh Islam menjadi contoh insan yang kamil.

Kerana itu, tabiat Islam sesuai dengan setiap zaman dan umat dan mempunyai ruang yang luas untuk mencapai kejayaan dan keperluan manusia. Kerana itu juga Islam tidak menolak sama sekali untuk mengambil faedah dari setiap peraturan yang baik yang tidak bercanggah dengan kaedahnya yang menyeluruh dan dasarnya yang umum".

Buah dari kefahaman yang syumul terhadap Islam:

Al-Imam as-syahid berkata: "Hasil daripada kefahaman am yang syumul terhadap Islam di sisi Ikhwan Muslimin ini, fikrah mereka merangkumi setiap aspek pengislahan umat dan kesemua unsur-unsur fikrah pengislahan terdapat di dalamnya. Setiap pengislah yang ikhlas dan bersungguh-sungguh mendapati cita-citanya ada di situ, dan di situ juga tempat bertemunya setiap harapan pencinta islah iaitu mereka yang mengetahui dan memahami tujuannya.

Tidak mengapa jika saudara mengatakan bahawa Ikhwan Muslimin adalah:

1 Dakwah Salafiah: Kerana mereka menyeru untuk kembali kepada Islam dengan maknanya yang murni dari Kitab Allah dan Sunnah RasulNya.

2 Tarikat Sunnah: Kerana mereka menetapkan ke atas diri mereka untuk beramal dengan sunnah Rasulullah saw dalam setiap perkara, khasnya dalam masalah aqidah dan ibadat sekadar yang terdaya.

3 Hakikat Sufi: Kerana mereka mengetahui bahawa asas kebaikan ialah kebersihan jiwa, kesucian hati, berterusan dalam beramal, tidak terpengaruh dengan makhluk, cinta kerana Allah dan terikat dengan kebaikan.

4 Institusi politik: Kerana mereka menuntut pengislahan kerajaan dari dalam, mengkaji semula hubungan diplomatik di antara umat Islam dengan umat-umat yang lain dari luar serta mendidik rakyat dan bangsa dengan kemuliaan.

5 Kumpulan Riadhah: Kerana mereka mengambil berat terhadap tubuh badan mereka, mengetahui bahawa mukmin yang kuat lebih baik dari mukmin yang lemah, Nabi saw bersabda:

Maksudnya:
"*Sesungguhnya badan kamu mempunyai hak ke atas kamu*"
(Fathul Bari: 4/256 no: 1975)

bahawa semua taklif-taklif Islam tidak dapat ditunaikan secara sempurna dan baik melainkan dengan tubuh badan yang kuat. Menunaikan solat, puasa, zakat dan

haji umpamanya, memerlukan tubuh badan yang mampu memikul bebanan pekerjaan, usaha dan perjuangan mencari rezeki. Mereka juga memberi perhatian dalam membentuk pasukan-pasukan riadhah yang menyaingi (mungkin mengatasi) kelab-kelab sukan yang hanya mementingkan riadhah tubuh badan semata-mata.

6 Perikatan ilmiah dan pengetahuan: Kerana Islam mewajibkan setiap muslim dan muslimat agar menuntut ilmu, dan kerana kelab-kelab Ikhwan pada realitinya ialah sekolah-sekolah untuk pembelajaran dan pengetahuan, kolej-kolej untuk mendidik tubuh badan, akal dan roh.

7 Syarikat Ekonomi: Kerana Islam mengambil berat terhadap pentadbiran harta benda dan cara mendapatkannya. Inilah yang disabdakan oleh Rasulullah saw:

Maksudnya:

"*Sebaik-baik harta yang baik ialah bagi orang yang soleh*".

(Ahmad: 4/197)

Baginda bersabda lagi:

Maksudnya:

"*Sesiapa yang berada di waktu petang dalam keadaan dia penat kerana bekerja, dia mendapat keampunan*".

(Majma' Az-Zawaaid: 4/66 - Kitab Jual Beli - Bab bekerja dan berniaga - dinisbahkan kepada At-Tabrani di dalam kitab Al-Ausat)

Dalam hadis yang lain baginda bersabda:

Maksudnya:

"*Sesungguhnya Allah kasih kepada orang mukmin yang bekerja*".

(Majma' Az-Zawaaid: 4/65 - Kitab Jual Beli - Bab pekerjaan dan perniagaan.... Dinisbahkan kepada At-Tabrani di dalam kitab Al-Kabir dan Al-Ausat)

8 Fikrah kemasyarakatan: Kerana mereka memberi perhatian dalam merawat masyarakat Islam serta cuba mencari jalan-jalan yang boleh mengubat dan menyembuhkan penyakit umat.

Beginilah kita melihat tentang kesyumulan makna Islam. Fikrah kita meliputi kesyumulan aspek-aspek islah dan menumpukan kegiatan-kegiatan Ikhwan dalam setiap aspek ini. Kalau orang lain hanya menumpukan kepada satu sudut sahaja, Ikhwan pula menumpukan kepada kesemua sudut ini dan mengetahui bahawa itu semua adalah tuntutan Islam.
Dari sini mungkin dari segi zahirnya, kegiatan-kegiatan Ikhwan dipandang oleh manusia sebagai bertentangan di antara satu sama lain. Padahal ianya tidak begitu.

Kadang-kadang orang dapat melihat seorang akh muslim berada di mihrab dalam keadaan penuh khusyu', tekun, menangis dan merendah diri. Tidak lama

kemudian saudara melihat beliau adalah seorang penceramah yang menyampaikan pengajaran dan peringatan yang mengetuk gegendang telinga. Selepas itu saudara melihat beliau adalah seorang ahli sukan yang tangkas, membaling bola, berlatih berlari atau berenang. Selang beberapa ketika beliau
berada di kedai atau di tempat kerjanya melaksanakan pekerjaan dengan penuh amanah dan ikhlas.

Gambaran-gambaran ini secara zahirnya dilihat orang sebagai bertentangan, tidak boleh bergabung di antara satu sama lain. Kalaulah mereka mengetahui bahawa itu semua dihimpunkan oleh Islam, diperintah dan digalakkan oleh Islam, nescaya perkara-perkara tadi boleh bercantum dan bergabung.

Bersama kesyumulan ini Ikhwan menjauhkan diri dari setiap perkara yang boleh dikritik dalam sudut-sudut tadi sebagaimana mereka menjauhi dari taksub kepada gelaran. Ini adalah kerana Islam telah menghimpunkan mereka di bawah satu gelaran iaitu saudara-saudara muslim (Ikhwan Muslimin).

USUL KEDUA

.

Al-Quran yang mulia dan sunnah yang suci adalah rujukan kepada setiap muslim dalam mengetahui hukum-hukum Islam. Al-Quran difahami dengan mengikut kaedah bahasa Arab dengan tidak mengikut sikap memberatkan dan terlalu memudahkan. Kefahaman kepada sunnah yang suci adalah dengan merujuk kepada rijal-rijal hadis yang thiqah.

Keterangan

Hubungan Usul Ini Dengan Yang Sebelumnya

Usul ini mempunyai hubungkait dengan sebelumnya. Usul pertama menegaskan tentang kesyumulan Islam dalam setiap aspek kehidupan. Usul ini pula menegaskan tentang sumber hukum-hakam bagi setiap bidang kehidupan yang ditetapkan oleh Islam.

Dalil-dalil Hukum

Al-Imam As-Syahid menjelaskan bahawa sumber hukum bagi setiap Muslim ialah Al-Quran dan Sunnah. Dalil-dalil dalam perkara ini amat banyak, di antaranya firman Allah swt:

(59)

Maksudnya:

"*Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat tentang sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul*".

(An-Nisaa': 59)

(89)

Maksudnya:

"*Dan Kami turunkan kepada kamu Kitab yang menerangkan setiap sesuatu*".

(An-Nahl: 89)

(9)

Maksudnya:

"*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk kepada jalan yang lebih benar*".

(An-Israa': 9)

(7)

Maksudnya:

"*Apa-apa perkara yang diberikan oleh Rasul maka terimalah ia dan apa-apa yang dilarangnya maka jauhilah ia*".

(Al-Hasyr: 7)

Banyak ayat-ayat Al-Quran yang menjelaskan tentang perkara ini. Di antara hadis-hadis pula ialah sabda Rasulullah saw kepada Muaz ketika baginda mengutuskannya ke negeri Yaman:

Maksudnya:

"*Bagaimanakah kamu menghukum jika diminta kepada kamu untuk menjatuhkan hukuman? Muaz menjawab: "Saya akan menghukum dengan kitab Allah". Baginda bertanya: "Bagaimana jika kamu tidak mendapatinya di dalam kitab Allah?" Muaz menjawab: "Saya akan berhukum dengan sunnah Rasulullah saw". Baginda bertanya lagi: "Bagaimana jika kamu tidak mendapatinya di dalam sunnah Rasulullah saw dan Kitab Allah?" Muaz menjawab "Saya akan berijtihad dengan fikiran saya dan saya tidak akan lari dari kebenaran". Lalu Rasulullah saw menepuk dadanya seraya berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufiq kepada utusan Rasulullah saw dengan perkara yang diredhai oleh Rasulullah saw*".

(Abu Daud: 3/302 no: 3592)

Kata-kata sahabat dan ulamak dalam mengakui hakikat ini juga amatlah banyak.

Persoalan:

- Mengapa hanya disebut Al-Quran dan sunnah sahaja sedangkan banyak lagi dalil-dalil hukum yang lain seperti ijmak, qias, istihsan dan sebagainya?

* Ini menunjukkan kepada kebijaksanaan Al-Imam As-Syahid. Perkara ini terserlah dalam perkara-perkara berikut:

i) Beliau mahu menyatukan hati-hati umat dan jalan untuk penyatuan ini ialah dengan dalil-dalil yang disepakati iaitu Al-Quran dan Sunnah. Adapun ijmak dan qias, ada satu golongan kecil yang tidak menerimanya. Manakala dalil-dalil yang lain seperti 'uruf,

istihsan, masoleh mursalah dan sebagainya menjadi tempat khilaf di kalangan para ulamak. (Al-Wajiz Fi Usul Fiqh: 148)
ii) Dalil-dalil yang lain telah ditunjukkan oleh Al-Quran dan Sunnah. Jadi menyebut kedua-duanya sahaja bermakna berpada dengan yang asal bukannnya mengengkari dalil-dalil yang lain di sisi orang yang menerimanya.

Al-Imam As-Syatibi menyatakan: "Dalil-dalil ada dua jenis : naqliah
_Diambil dari Al-Quran dan Sunnah.dan 'aqliah : Yang didapati melalui pemikiran. Apabila kita memerhatikan bahawa dalil-dalil syarak terbatas kepada Al-Quran dan Sunnah kerana dalil dalil yang thabit, tidak thabit dengan akal tetapi dengan Al-Quran dan Sunnah kerana kedua-duanya terdiri dari dalil-dalil yang sahih dan boleh dipegangi. Kitab dan Sunnah menjadi rujukan dan sandaran kepada hukum-hakam." (Al-Muwafaqat: 2/42)

Rujukan Dalam Memahami Al-Quran:
Al-Imam As-Syahid menegaskan bahawa rujukan dalam memahami Al-Quran ialah bahasa Arab yang mempunyai makna yang jelas dan dalalah yang dekat. Beliau mengingkari memberat-berat dan membabi buta di dalam memahaminya. Beliau berkata: "Al-Quran hendaklah difahami dengan kaedah-kaedah bahasa Arab dengan tidak memberat-beratkan dan tidak membabi buta". Ini adalah kerana "Al-Quran diturunkan di dalam bahasa Arab maka untuk memahaminya juga mestilah melalui jalan ini. Lebih-lebih lagi Allah swt berfirman :

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami turunkan Al-Quran itu di dalam bahasa Arab" Yusuf: 2

FirmanNya lagi:
Maksudnya: "Dengan lidah Arab yang jelas"
Sesiapa yang ingin memahaminya hendaklah melalui lidah Arab. Tidak ada jalan lain untuk memahaminya selain dari melalui jalan ini." (Al-Muwafaqat: 2/64, lihat juga halaman 82).
Di antara petunjuk para sahabat ialah menjauhi dari memberat-beratkan dalam memahami Al-Quran dan menegah dari menggunakan cara ini.

Anas bin Malik meriwayatkan bahawa 'Umar Al-Khattab r.a. membaca firman Allah swt:

Maksudnya: "Dan buah-buahan serta rumput-rumputan". Beliau berkata: "Apakah dia rumput-rumputan itu? kemudian beliau menjawab sendiri "Kita tidak ditaklifkan untuk ini" atau beliau berkata: "Kita tidak diperintahkan untuk ini".

Anas meriwayatkan juga seorang lelaki bertanya 'Umar bin Al-Khattab tentang firman Allah swt:

Maksudnya: "Dan buah-buahan serta rumput-rumputan" seraya berkata apakah dia rumput-rumputan? 'Umar menjawab "Kita dilarang dari mendalami dan memberat-beratkan".

Begitu juga ada riwayat yang masyhur menyatakan bahawa beliau telah memberi pengajaran kepada seorang tukang celup apabila beliau banyak bertanya tentang ( )dan ( ) dan seumpamanya.

Rujukan dalam memahami Sunnah:
Al-Imam as-Syahid bukan sekadar menunjukkan kepada sumber yang sahih kepada hukum-hukum, bahkan beliau menunjukkan juga kepada jalan yang ideal untuk memahami Al-Quran dan Sunnah, supaya setiap orang tidak mengambil atau meninggalkannya menurut hawa nafsunya tanpa mempunyai dalil.

Beliau menjelaskan bahawa Sunnah difahami melalui perawi-perawi hadis yang thiqah. Merekalah manusia yang paling berkemampuan dalam menentukan kesahihan sesuatu hadis atau tidak, dalalahnya, Hukum atau maksud yang ditunjukkan olehnya.â serta makna-maknanya.

Peringatan:
Di sini terdapat beberapa peringatan yang menjelaskan tentang ketelitian Al-Imam as-syahid, di antaranya ialah:
- Dalam membataskan Al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan kepada hukum-hakam sebagai ketegasan bahawa dakwah kita adalah salafi dan manhajnya adalah manhaj salafussaleh.
- Dalam membataskan sumber ini dan berjalan mengikutnya adalah terselamat dari kesesatan. Rasulullah saw bersabda:
-Maksudnya: "Aku tinggalkan untuk kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengannya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulnya".(Al-Muwatta': 2/899- Kitab Qadar- Bab tegahan dari berkata tentang Qadar.)
- Beliau telah menutup pintu kepada golongan yang menyeleweng dan sesat yang mempermain-mainkan akal manusia. Mereka menipu orang-orang jahil dengan mendatangkan kefahaman yang ganjil dan jauh dari roh dan maksud Al-Quran, mencipta hadis-hadis palsu dan pentafsiran-pentafsiran yang penuh dengan memberat-berat dan membabi buta.
- Dengan melarang dari memberat-beratkan ( ) dan ( )membabi buta ( ) dalam memahami boleh memelihara penyatuan umat. Sudah berapa ramai orang menjadi sesat dan jamaah menjadi berpecah-belah kerana memberat-berat dan membabi buta ini, dan tidak berpada dengan sesuatu yang jelas dan nyata.
( ) bererti berjalan tanpa ilmu dan petunjuk, mengambil sesuatu jalan tanpa mengetahui kebenaran, tanpa mengkaji dan melihat dan tidak rujuk dari kesesatan. Kerana itulah( ) dinamakan kezaliman. Di dalam hadis ada menyebut:

Maksudnya: "Syafaatku tidak sampai kepada orang yang bersifat membabi buta". (iaitu orang yang zalim).
( ) pula bermaksud melibatkan diri dalam perkara yang tidak ada kena-mengena, perkara yang susah dan sukar dan tidak terdaya. Dalam hadis ada menyebut:

Maksudnya: "Aku dan umatku berlepas diri dari bersikap memberat-berat"

Saidina 'Umar meyatakan: "Kami ditegah dari bersikap memberat-berat". Maksudnya ialah membahaskan tentang perkara-perkara sulit yang tidak wajib dibahaskan dan kita hendaklah mengambil syariat yang zahir dan menerima perkara yang dibawanya.

Di antara contoh membabi buta ialah tafsiran yang dibuat oleh setengah mufassirin (bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah). Mereka mengatakan tentang firman Allah swt:
Maksudnya: "Mereka mendustakan kesemua ayat-ayat Kami". Al-Qamar: 42

bermaksud: Mendustakan Ali ra kerana Ali di sisi mereka adalah kesemua ayat-ayat tersebut.
Ingatlah wahai saudaraku, ayat yang sebelumnya:

Maksudnya: "Telah datang kepada kaum Firaun ancaman-ancaman". Al-Qamar: 41
Di manakah Ali r.a ketika Musa diutuskan kepada kaum Qibti di Mesir?!

Di antara contoh memberat-berat ialah pegangan mereka terhadap makna firman Allah swt:
Maksudnya: "Mereka menunaikan zakat dalam keadaan patuh". Al-Maidah: 55
Mereka menafsirkannya sebagai Ali r.a mengerakkan jarinya untuk mencabut cincinnya dan memberikannya kepada seorang fakir ketika beliau rukuk.

Begitu juga tafsiran setengah orang tentang firman Allah swt:

Maksudnya: "Maka berjalanlah kamu di muka bumi selama empat bulan".
At-Taubah: 2

Mereka menafsirkan bahawa ayat ini mentaklifkan agar keluar dalam tempoh tersebut pada setiap tahun! Sedangkan ayat tersebut menerangkan tentang permusuhan Allah dan RasuNya dengan orang-orang musyrikin yang mencabuli perjanjian. Ayat ini memberi amaran keburukan kepada mereka dengan dalil ayat yang datang selepasnya:

Maksudnya: "Dan ketahuilah bahawa kamu tidak dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah menghinakan orang-orang kafir". At-Taubah: 2
Maka adakah selepas ini boleh memberat-berat atau membabi buta?
Di antara perkara yang menguatkan lagi bahawa bahasa Arab merupakan asas untuk memahami Al-Quran ialah riwayat Imam Syatibi bahawa sedang Saidina 'Umar r.a berada di atas mimbar, beliau bertanya tentang makna dalam firman Allah swt:

Maksudnya: "Atau Allah mengazab mereka dengan beransur-ansur (sampai binasa)".An-Nahl: 47
Lantas seorang lelaki dari Bani Huzail menjawab bahawa ( ) dalam bahasa mereka ialah beransur-ansur ( ) beliau terus membawa satu syair yang menerangkan tentang makna tersebut:

Bermaksud: "Lelaki itu berangsur-angsur mundur dalam keadaan menggeletar sebagaimana pepohon laut yang berangsur-angsur tumbang dilanda kapal".

'Umar berkata: "Wahai manusia, berpeganglah kamu dengan dewan syair jahiliyyah kamu. Sesungguhnya ia mempunyai tafsir bagi Kitab kamu".
'Amru bin Murrah berkata tentang firman Allah swt:

Maksudnya: "Mereka itulah orang yang benar-benar beriman".
'Amru berkata: Al-Quran hanya diturunkan dengan lisan Arab seperti kata-kata kamu: "Si fulan benar-benar seorang tuan", sedangkan ramai lagi tuan-tuan yang lain. "Si fulan benar-benar peniaga", sedangkan ramai lagi para peniaga yang lain. Begitu juga: "Si fulan benar-benar penyair", sedangkan ramai lagi para penyair yang lain. (Tafsir Ibnu Kathiir: 2/286)

USUL YANG KETIGA

Iman yang benar, ibadat yang sahih dan mujahadah adalah cahaya dan kemanisan yang dicurahkan Allah ke dalam hati sesiapa yang dikehendaki-Nya. Manakala ilham, lintasan hati, kasyaf dan mimpi tidak menjadi dalil kepada hukum-hukum syariat. Perkara-perkara tersebut hanya dapat diterima dengan syarat tidak bertentangan dengan hukum dan nas syariat.

Hubungan usul ini dengan yang terdahulu.
Dalam usul yang lalu, Al-Imam Asy-Syahid telah menerangkan tentang perkara yang perlu diambil oleh setiap muslim sebagai sumber rujukan di dalam hukum Islam. Dalam usul ini pula, beliau menyambung perbincangan tentang perkara yang dianggap oleh sesetengah orang sebagai sumber rujukan. Beliau menerangkan sejauhmana dakwaan tersebut boleh thabit atau gugur.

”Kesan Iman, Ibadah Dan Mujahadah.
Al-Imam Asy-Syahid menyatakan bahawa iman yang suci, ibadah yang sahih yang terhindar dari perkara-perkara bid'ah dan mujahadah yang berterusan yang tidak ada unsur-unsur melampau memberikan kesan-kesan yang baik terhadap individu yang bersifat demikian. Ini telah ditunjukkan oleh al-Qur'an, sunnah Rasulullah saw dan sirah salafussoleh. Antara kesan-kesannya ialah;
* Allah akan mengurniakan kepada individu tersebut satu cahaya yang dapat mengungkapkan sesuatu perkara yang tidak dapat diungkapkan oleh orang lain dan dapat membezakan di antara perkara-perkara syubhat dan unsur-unsur luar yang tidak ada kaitan dengan agama.
* Allah swt akan memberikan rasa kemanisan iman dan kebahagiaan serta kelazatan yang tinggi. Ini telah dikuatkan oleh dalil-dalil, antaranya sabda Rasulullah saw:

Maksudnya: "Tiga sifat yang sekiranya ada pada seseorang itu nescaya ia dapat merasai kemanisan iman:
1) Ia mengasihi Allah dan RasulNya lebih dari yang lain.
2) Ia mengasihi seeorang kerana Allah.
3) Ia benci kembali kepada kekufuran sebagaimana ia benci dicampakkan dirinya ke dalam api neraka (Bukhari Muslim - Fathul Bari 1/77 no.16)

Pendapat ulamak dalam perkara ini, begitu banyak sekali. Dalil bagi kenyataan pertama:
Firman Allah:
Maksudnya: "Wahai orang-orang beriman, jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan kepadamu furqan (pertunjuk yang akan dapat membezakan antara yang haq dan yang batil)." Al Anfal: 29
Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan berimanlah kepada RasulNya, nescaya Allah memberikan rahmatnya kepadamu dua bahagian dan menjadikan untukmu cahaya yang dengan cahaya itu kamu
dapat berjalan" Al-Hadid :28

Imam Ibnul Qayyim menyebut: "Abu Darda' berkata: "Waspadalah dari firasat ulamak, hindarilah persaksian mereka yang membawa kamu ke neraka. Demi Allah,

sesungguhnya ianya adalah kebenaran yang dicampakkan oleh Allah ke dalam hati mereka". Aku (Ibnu Qayyim) berkata: "Asal kata-kata ini adalah hadis marfu'
Hadis yang disandarkan kepada nabi saw secara langsung samada berupa kata-kata, perbuatan atau akuan riwayat Termizi: "Takutilah firasat mu'min, kerana sesungguhnya ia melihat dengan cahaya Allah. Kemudian beliau membaca:

Maksudnya: "Sesungguhnya pada yang demikian itu, benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan bagi orang-orang yang memerhatikan tanda-tanda"
Al-Hijr: 75 , I`laam Muuqi'iin 1/64
Saidina Umar pernah berkata: "Hampirilah orang-orang yang taat dan dengarilah kata-kata mereka. Sesungguhnya akan lahir dari mereka perkara-perkara yang benar iaitu perkara-perkara yang didedahkan oleh Allah swt kepada mereka. Telah thabit bahawasanya bagi wali-wali Allah itu diberikan ilham dan kasyaf-kasyaf. Al-Fatawa : 11/204,205

Di antara peristiwa-peristiwa thabit dan masyhur:

1 Dari Umar r.a, bahawasanya seorang lelaki datang kepadanya lalu Saidina 'Uthman berkata: "Salah seorang daripada kamu datang kepadaku sedangkan tanda-tanda perzinaan berada di matanya" (zina mata). Lelaki itu bertanya: "Apakah wahyu masih datang selepas kewafatan Rasulullah?" Saidina 'Uthman menjawab: "Tidak, tetapi ia merupakan firasat yang benar". (At-Turuq al-Hukmiyyah: 41)
2 Kisah Umar yang berkhutbah di atas mimbar dan memutuskan khutbahnya lalu berkata; "Wahai sariyyah (sepasukan tentera) ke bukit, ke bukit. (Sirah dan Manaqib Umar: 172, 173.)

Semuanya ini menjelaskan kepada kita tentang kemanisan dan cahaya dianugerahkan oleh Allah kepada hamba-hambanya yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka dapat melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh orang lain. Ini hanya pada sudut dasarnya. Adapun peristiwa-peristiwa tersebut hanya boleh diterima apabila disandarkan dengan sanad-sanad yang sahih.

”Hukum ilham, mimpi dan kasyaf.
Al-Imam Asy-Syahid menerangkan bahwasanya ilham, lintasan hati, kasyaf dan mimpi merupakan perkara-perkara yang thabit yang tidak boleh ditolak secara keseluruhannya. Meskipun demikian, ianya bukanlah tergolong dari dalil-dalil hukum yang tersendiri kerana di sana berlaku kesangsian dan sangkaan-sangkaan banyak bercampur dengannya. Oleh itu, ianya tidak boleh dipegang.
Sekiranya dikatakan: Apa faedah kewujudannya? Dijawab: Diterima, sekiranya tidak bertentangan dengan Al-Qur'an dan As-sunnah dan menguatkan kesahihan yang merupakan cahaya di atas cahaya. Hakikat ini telah dinyatakan oleh Al-Imam asy-syahid yang mana ianya bertepatan dengan Al-Qur'an dan sunnah Rasulnya serta ditegaskan oleh ulamak.

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah berkata: "Mimpi semata-mata yang tidak ada dalil terhadap kesahihannya tidak menthabitkan sesuatu perkara dengan dengan sepakat ulamak. Dalam hadis sahih telah tsabit dari Nabi bahwasanya baginda bersabda:

Maksudnya: "Mimpi ada tiga jenis; mimpi yang datangnya dari Allah, mimpi yang berpunca dari tuannya sendiri dan mimpi dari syaitan - Muslim : 4/1773 no: 2663

Sekiranya sesuatu mimpi dari dari kalangan tiga jenis tadi, maka mesti dibezakan antara satu sama lain" (Al-Fatawa : 27/458)

"Perlunya penilaian dari Al-Qur'an dan As-Sunnah
Meskipun ulamak mengesahkan adanya kasyaf dan mimpi, mereka telah menetapkan kemestian merujuk segala perkara yang berkaitan dengannya kepada Al-Qur'an dan As-sunnah kerana kedua-duanya terpelihara. Kasyaf, mimpi dan sebagainya merupakan perkara-perkara zanni (sangkaan) yang belum lagi terjamin ketepatannya.

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah pernah berkata:
"Kebanyakan dari sangkaan seseorang bahawa beliau telah mendapat kasyaf merupakan sangkaan semata-mata. Sesungguhnya prasangka itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran. Ahli kasyaf dan kadang-kadang benar dan kadang-kadang salah. Oleh itu wajib bagi mereka berpegang dengan KitabulLah dan Sunnah RasulNya. Serta mengimbangi pandangan, pendapat dan buah fikiran mereka bersandarkan Al-Qur'an dan Sunnah. Sekiranya seseorang itu membawa sesuatu perkara dari Allah dan perkara itu tidak perlu
dipadukan dengan Al-Qur'an dan As-Sunnah bermakna seseorang itu tidak perlu pada Rasul dalam sesetengah urusan agamanya. Ini merupakan pendapat orang-orang yang sesat." (Al Fatawa: 11/65, 66.)

Hakikat ini telah didokong oleh ketua-ketua sufi yang berpegang teguh dengannya.
- Syeikh Abu Sulaiman Ad-Darani berkata:-
"Berlaku padaku satu masaalah yang dialami oleh orang ramai, aku tidak menerima melainkan dengan dua saksi; Al-Qur'an dan As-Sunnah"
- Abul-Qasim Al-Junaid berkata:-
"Ilmu kita ini terikat dengan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Sesiapa yang tidak membaca Al-Qur'an dan tidak menulis hadis tidak layak bercakap tentang ilmu kita tidak layak diikuti"
- Abu 'Amru bin Nujaid pernah berkata
"Setiap pendapat yang tidak disandarkan pada Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan pendapat yang batil (Al Fatawa: 11/210 dan lihat Al Muwafaqaat: 1/82, 4/82.)

Perhatian:
Dari usul ini dapat kita perhatikan beberapa perkara:
1) Menjaga sumber-sumber hukum syara' supaya kekal dalam keadaan bersih.
2) Kesederhanaan Imam Asy-Syahid di mana beliau tidak bersikap cuai dan keterlaluan. Beliau tidak menolak adanya ilham, lintasan hati, kasyaf dan mimpi. Beliau tidak keterlaluan sehingga menganggap perkara-perkara ini sebagai sumber dalil hukum dan tidak pula menolaknya secara keseluruhan tetapi menganggapnya sebagai menguatkan selagimana ia tidak bercanggah dengan agama dan nasnya.
3) Anjuran agar ditutup pintu-pintu masuk bagi dajal-dajal yang menipu orang-orang jahil dan mempermainkan pemikiran manusia.

4) Menyelamatkan orang-orang yang tertipu daripada perangkap ahli prasangka dan khurafat.
5) Mengawal diri dalam membuat sesuatu ungkapan dengan mendedahkan hakikat sebenar sesuatu perkara tanpa mencacatkan orang lain.

USUL KEEMPAT

Jampi, mentera, mengaku mengetahui perkara ghaib dan seumpamanya adalah kemungkaran yang wajib diperangi, kecuali jampi-jampi daripada ayat al-Quran atau jampi-jampi yang diterima daripada Rasulullah s.a.w.

KETERANGAN

Dalam usul ini Al-Imam Asy-Syahid menumpukan usaha untukmembersihkan 'aqidah dari kekeruhan, membebaskan pemikiran dan hati dari sebarang waham (Sangkaan yang lebih kuat ke arah tidak benar) zan (Sangkaan yang lebih kuat ke arah kebenaran) dan khurafat.

Dalam zaman ini, kita dapati banyak penyeleweng-penyeleweng akibat daripada meluasnya kejahilan. Mereka menyerang hati dan pemikiran dan harta orang miskin hinggalah kebanyakan dari mereka telah dapat dipengaruhi. Al-Imam telah menerangkan kebenaran supaya mereka kembali kepada aqidah yang bersih yang terhindar dari dongengan dan kesyirikan. Beliau menerangkan tentang haramnya tangkal, azimat dan seumpamanya. Ini tidak termasuk jampi-jampi yang diambil dari ayat-ayat Al-Qur'an dan doa-doa yang ma'thur.
Semua perkara ini berdalilkan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Sebelum kita menyatakan tentang dalil perlu diterangkan maksud beberapa perkataan.

: Jamak iaitu permata-permata yang digunakan oleh orang-orang Arab dengan menggantungkan pada badan anak-anak mereka dan menganggap ianya dapat menolak penyakit, dapat menghindarkan sihir mata dan membawa kebaikan.
: Jamak iaitu jampi-jampi yang dibaca ke atas orang sakit seperti orang yang demam, sawan dan sebagainya.
: Sesuatu yang diambil dari laut seperti kulit kerang untuk menghindarkan sihir mata.
: Maksudnya mengetahui sesuatu perkara dengan tanda-tanda awal untuk mencari barang kecurian, tempat orang sesat, tempat disembunyikan sesuatu dan sebagainya.
: Orang yang memberitahu tentang perkara-perkara ghaib pada masa akan datang. Ada pendapat mengatakan: orang yang memberitahu apa yang tersembunyi dalam hati orang lain.

Dalil pengharaman perkara-perkara ini.
Sabda Rasulullah saw:
Maksudnya: "Sesiapa yang menggantungkan tamimah (dengan tujuan untuk mendapat kesempurnaan), maka Allah tidak akan menyempurnakannya, dan sesiapa yang menggantung wad'ah (dengan tujuan untuk mendapat keamanan), nescaya Allah tidak akan memberi keamanan baginya". (Ahmad: 4 /154)

Maksudnya: "Sesiapa yang menggantungkan azimat, sesungguhnya ia telah melakukan syirik" Ahmad : 4/156

Maksudnya: "Sesungguhnya tangkal, azimat dan "tiwalah" adalah syirik" (Ibnu Majah : 2/1166 no: 3530.)
Tiwalah: Sesuatu yang dibuat dengan sangkaan bahawa ianya boleh membawa seseorang perempuan kasih pada suaminya dan seorang suami kasih pada isterinya (ubat pengasih) Jampi dan azimat yang diharamkan ialah yang berbentuk lafaz dan ungkapan yang mempersekutukan Allah. Adapun azimat yang berbentuk ayat Al-Qur'an dan do'a yang ma'thur, terdapat khilaf di kalangan ulamak sebagaimana yang akan diterangkan nanti, insyaallah.

"Sebab-sebab diharamkan benda-benda ini.
* Yang memberi mudharat dan manfaat hanya Allah semata-mata. Barangsiapa yang beri'tiqad bahawa sesuatu benda yang lain dari Allah memberi kemudharatan dan kebaikan, sesungguhnya aqidahnya telah terpesong. Firman Allah:

Maksudnya: "Jika Allah menimpakan sesuatu kemudaratan kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia. Dan jika Allah menghendaki kebaikan bagimu, maka tidak ada yang dapat menolak kurniaannya." (Yunus: 17)

Firman Allah mengingkari orang-orang kafir:
Maksudnya: "Kemudian mereka mengambil tuhan-tuhan selain daripadaNya (untuk disembah) yang tuhan-tuhan itu tidak menciptakan apa-apa pun, bahkan mereka sendiri diciptakan dan tidak berkuasa untuk menolak sesuatu kemudaratan dari dirinya dan tidak pula untuk mengambil sesuatu kemanfaatan pun dan juga tidak berkuasa mematikan, menghidupkan dan tidak pula
membangkitkan (Al Furqan : 3)
- Tidak ada yang mengetahui perkara ghaib melainkan Allah.Firman Allah:

Maksudnya: "Katakanlah, tiada seorang pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah" An-Naml : 65

Maksudnya: "Dan sekiranya aku mengetahui yang ghaib, tentulah aku membuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan aku tidak akan ditimpa kemudharatan" (Al-A'raaf : 188)
Sabda Nabi saw:

Maksudnya: "Sesiapa yang menemui 'Urraf (orang yang mendakwa mengetahui perkara ghaib) dan bertanya kepadanya serta membenarkan perkhabarannya, tidak diterima sembahyangnya selama empat puluh hari" Muslim: 4/1751 no: 2230

Maksudnya: "Sesiapa yang mendatangi kahin (tukang tenung) lalu membenarkan apa yang dikatakan olehnya, maka sesungguhnya dia mengkufuri apa yang diturunkan kepada Muhammad saw (At-Tarmizi: 1/242 no: 13)

"Hukum tangkal dan azimat yang berbentuk ayat Al-Qur'an dan sesuatu yang warid dari Rasulullah saw
Tentang (tangkal): Al Khitabi menyebutkan:

"Nabi telah membaca jampi dan dibaca jampi ke atasnya sendiri dan mengizinkan penggunaannya. Apabila ianya berbentuk ayat Al-Qur'an dan nama-nama Allah, adalah harus atau disuruh menggunakannya." Fathul Majid: 126

Imam Sayuti berkata:
"Ulamak telah bersepakat mengatakan harus menggunakan tangkal ketika menepati 3 syarat:
1)Ianya berbentuk ayat Al-Qur'an, nama Allah atau sifatNya.
2)Dengan bahasa arab dan difahami maknanya.
3)Beri'tiqad bahawasanya, tangkal tidak boleh memberi kesan dengan sendiri tetapi semuanya adalah dengan takdir Allah.

Adapun tentang (azimat):
Setengah ulamak salaf membenarkannya dan setengah yang lain tidak mengharuskannya" Fathul Majid: 127
Perselisihan tentang perkara ini telah begitu lama dan masyhur di kalangan salafussoleh. Sesiapa (salafussoleh) yang cenderung kepada haram adalah haram baginya. Dan sesiapa yang cenderung kepada harus ianya adalah harus baginya tanpa memaksa orang lain mengikut pendapatnya. Ini adalah dalam bentuk nasihat-menasihati dan musyawarah.

USUL KELIMA

Pendapat imam (ketua) dan timbalannya dalam masalah yang tidak dinaskan atau telah dinaskan tetapi boleh ditafsirkan dengan pengertian lain; demikian juga pendapatnya dalam masalah yang berhubung dengan maslahat umum, boleh diterima dan diamalkan sekiranya tidak bertentangan dengan kaedah syariat. Pendapat tersebut boleh jadi berubah menurut keadaan, persekitaran dan adat.

Taabud (pengabdian) menjadi asas kepada ibadat dengan tidak melihat pada rahsia, hikmat dan tujuan ibadat tersebut.

KETERANGAN

Dalam usul ini, Imam Asy-Syahid menerangkan beberapa asas tentang siasah syar'iyyah, perkara yang harus atau tidak bagi imam dan naibnya. Beliau meletakkan batas-batas syara' untuk itu. Apabila batas-batas tersebut tidak dijaga, ia akan menatijahkan tidak terlaksananya hukum hudud, hak-hak pula akan menjadi sia-sia di samping membuka pintu-pintu kejahatan dan kerosakan.

Sesungguhnya kita sangat berhajat untuk mengetahui kaedah-kaedah siasah syar'iyyah dan memahaminya dengan kefahaman yang betul tanpa melampau atau cuai.

Pengertian imam dan naibnya
Yang dimaksudkan dengan imam ialah khalifah yang menjadi hakim umum kepada muslimin. Naibnya pula ialah sesiapa yang dijadikan oleh Imam sebagai penggantinya dalam melakukan tugas seperti ketua-ketua wilayah, ketua-ketua tentera, qadhi-qadhi dan sebagainya. Termasuk dalam pengertian imam juga ialah setiap pemimpin yang dipilih oleh muslimin secara syara'.

Hak-hak imam dan naibnya
Di antara hak-hak yang penting di dalam usul ini ialah beramal dengan pandangan ijtihad imam dan naibnya dalam ruang lingkup yang tertentu dengan syarat-syarat yang akan kita sebutkan nanti.

Kepentingan beramal dengan pandangan imam dan naibnya terserlah dalam menyelesaikan pertelingkahan, memutuskan urusan-urusan serta menjaga jamaah daripada berpecah dan tenaga daripada tidak berpadu.

Sifat-sifat imam
Di antara perkara-perkara yang patut disebutkan di sini ialah bahawa imam yang wajar diamalkan pendapatnya haruslah mempunyai sifat-sifat yang tertentu. Tetapi yang pentingnya di sini, di antara sifat-sifat tersebut ialah beliau mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang syariat Allah dan hukum-hukumnya yang membolehkan beliau menguasai perkara-perkara, seorang yang ikhlas dan bukannya seorang yang mengikut hawa nafsu. Itu jika sekiranya beliau bukan dari kalangan ahli ijtihad.

Ruang lingkup beramal dengan pandangan imam.

Selepas kita mengetahui beberapa sifat iman, kita akan menerangkan tentang ruang lingkup dan medan yang pandangan ijtihad beliau boleh diamalkan. Al-Imam asy-syahid telah menggariskan ruang lingkup ini kepada tiga iaitu :-

a) Perkara yang tidak ada nas
b) Perkara yang boleh menerima andaian
c) Masoleh Mursalah

Kita akan terangkan setiap ruang lingkup di atas satu persatu.

Pertama : Perkara yang tidak ada nas
Inilah ruang lingkup yang pertama yang membolehkan pandangan imam diamalkan. Untuk menjadikan takrif lebih jelas mestilah diketahui apa yang dimaksudkan dengan lafaz "nas". Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah menyatakan "Yang dimaksudkan dengan lafaz nas: Kadang-kadang ialah lafaz-lafaz dari kitab dan sunnah sama ada lafaz itu mempunyai dalalah yang qat'ie atau zahir..."
Yang dimaksudkan dengan nas yang mempunyai dalalah yang qat'ie yang tidak diandaikan mempunyai makna yang lain ialah seperti firman Allah S.W.T. :

Maksudnya: "Itulah sepuluh hari yang sempurna".
Yang dimaksudkan oleh Al-Imam asy-syahid dengan katanya:
"Perkara yang tidak ada nas" ialah masalah-masalah ijtihadiah yang mempunyai dalil yang tidak qat'ie dan boleh diandaikan dengan makna yang lain.
"Contoh-contoh
* "Ummul walad" iaitu hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya dijual pada zaman Nabi SAW dan zaman Abu Bakar ra. Apabila datang zaman 'Umar, beliau melarang dari menjual ummul walad. Ketika pemerintahan Ali pula beliau mengharuskan jualan itu kemudian melarangnya semula.
Perkara itu berlaku kerana dalil-dalil yang berkaitan dengan masalah itu tidak mempunyai dalalah yang qat'ie dalam mengharamkan penjualan atau tidak mengharamkannya. Dengan sebab itu setiap imam memilih yang lebih baik untuk zamannya.
(Lihat At-Turuq Al-Hukmiyyah Fis-Siasah As-Syariyyah: 23)

Kedua : Perkara yang mempunyai andaian beberapa segi Iaitu perkara-perkara yang mempunyai dalil dan dalil ini mempunyai beberapa andaian di dalam sesuatu masalah, maka hakim boleh memilih salah satu andaian tersebut mengikut maslahat pada pandangannya.

Contoh (1)
* Bermuamalah dengan orang tawanan di dalam peperangan yang disyariatkan. Islam telah meletakkan di hadapan hakim beberapa hukum yang beliau boleh memilihnya mengikut pandangannya lebih bermanafaat dan lebih mengandungi maslahah. Hukum-hukum itu ialah :-

a) Membebaskan secara percuma
b) Meminta tebusan : tebus diri dengan
   i) harta
   ii) pembebasan tawanan Islam
   iii) mengajar orang Islam

c) Membunuh
d) Menjadikan hamba

Contoh (2)
* Hukum hudud kepada orang yang memerangi imam dan penyamun. Islam telah meletakkan di hadapan hakim beberapa hukum di dalam masalah ini yang boleh dipilih oleh beliau. Beliau boleh memilihnya mengikut pandangannya lebih bermanafaat dan lebih mengandungi maslahah. Firman Allah S.W.T. :
Maksudnya: "Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang memerangi Allah dan rasulNya dan membuat kerosakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib atau dipotong tangan atau kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediaman). Yang demikian itu sebagai suatu penghinaan mereka di dunia dan di akhirat mereka beroleh seksaan yang besar.
(Al-Maaidah: 33)

Al-Quran telah menetapkan empat hukuman, hakim boleh memilih salah satu daripadanya.
Pendapat yang mengatakan boleh memilih ialah pendapat sebahagian ulamak. Sebahagian ulamak lain mengatakan bahawa "atau" di dalam ayat itu adalah untuk menerangkan hukuman yang bermacam-macam. Lihat Fiqh Sunnah: 2/472-479. Iaitu :
a) Membunuh
b) Menyalib
c) Memotong tangan dan kaki secara timbal balik
d) Membuang negeri

Ketiga : Masoleh Mursalah
Maslahah ialah mengambil manafaat dan menolak keburukan (kerosakan). Ia terbahagi kepada 3 jenis:-
a) Maslahat yang diambil kira
b) Maslahat yang tidak diambil kira
c) Maslahat Mursalah

A) Maslahat yang diambil kira
Iaitu Maslahat yang diambil kira oleh syara' dengan mensyariatkan hukum-hukum yang boleh menyampaikan kepada maslahah seperti menjaga agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Syara' telah mensyariatkan jihad untuk menjaga agama, qisas (bunuh balas) untuk menjaga jiwa, menetapkan hukuman hudud kepada peminum arak untuk menjaga akal, hukuman hudud zina dan qazaf Menuduh berzina atau menafikan nasab anak untuk menjaga kehormatan dan hudud kepada pencuri untuk menjaga harta.

B) Maslahat yang tidak diambil kira
Iaitu maslahah yang tidak diambil kira oleh syarak dengan mensyariatkan hukum-hukum yang menunjukkan maslahat itu tidak boleh diambil kira seperti maslahat menjadikan perempuan mempunyai bahagian yang sama rata dengan saudaranya dalam harta pusaka. Syarak telah tidak mengambil kira maslahat tersebut. Dalilnya ialah firman Allah S.W.T.:

Maksudnya "Allah mensyariatkan bagimu tentang pembahagian pusaka untuk anak-anakmu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan.". An-Nisaa': 11

Begitu juga seperti maslahat orang yang menambah dan melaburkan hartanya dengan jalan riba berdasarkan firman Allah S.W.T.:
Maksudnya " Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba" Al-Baqarah: 375

C) Maslahat mursalah
Iaitu maslahat yang tidak dinaskan oleh syarak untuk diambil kira atau tidak. Ia merupakan maslahat kerana mengambil manafat dan menolak mudharat.
Ia adalah mursalah kerana tidak disebut sama ada ia diambil kira atau tidak. Ia termasuk dalam perkara-perkara yang tidak disebut hukumnya dan tidak ada contoh sepertinya yang dinaskan hukumnya untuk kita kiaskan.
Contoh
Contoh-contoh dalam bab ini amat banyak. Di antaranya ialah :
1 Menghimpun Al-Quran di dalam satu mashaf.
2 Menyatukan muslimin di atas satu mashaf.
3 Pembuat barang wajib membayar gantirugi terhadap barang orang yang rosak ketika berada dalam jagaannya.
4 Membunuh balas beberapa orang dengan sebab mereka membunuh seseorang.
5 Menyusun jabatan-jabatan kerajaan.

Syarat beramal dengan masoleh mursalah:
1. Maslahat itu hendaklah hakikat, bukannya sangkaan.
2. Maslahat itu hendaklah untuk umum dan bukannya peribadi.
3. Maslahat itu tidak bertentangan dengan hukum yang thabit dengan nas atau ijmak.

Perbezaan antara ketiga-tiga ruang lingkup
Eloklah kita mengetahui perbezaan di antara ketiga-tiga ruang lingkup yang diamalkan padanya pendapat imam dan naibnya yang disebut oleh Al-imam asy-syahid dalam usul ini. Perkara itu boleh diketahui dari keterangan dan contoh-contoh yang lalu. Untuk menerangkan lagi perkara ini, kami nyatakan:

* Ruang lingkup yang tidak ada nas, di dalamnya ada dalil syarak dari Al-Quran atau sunnah... tetapi yang tidak dinyatakan ialah penetapan dalalah secara qat'i.
* Adapun ruang lingkup yang mempunyai andaian dari beberapa segi, ia juga mempunyai dalil syara' dari al-Quran atau sunnah... tetapi berbeza dari yang lalu kerana dalalahnya di sini adalah terang dan mempunyai andaian-andain yang tertentu. Imam boleh memilih salah satu dari andaian tersebut.
* Ruang lingkup Masoleh Mursalah pula tidak mempunyai dalil sama sekali sama ada menyokong atau menafi bahkan ia tidak

disebut.

”Beramal dengan pandangan imam disyaratkan ridak bertentangan
dengan kaedah syarak.
Al-Imam asy-syahid menyatkan bahawa pendapat imam dan naibnya diamalkan di dalam ruang lingkup yang telah disebutkan tadi, dengan syarat tidak bertentangan dengan kaedah syara'. Jika bertentangan ianya tidak boleh dipakai dan tidak diambil kira dan diutamakan perkara yang thabit daripada Kitab dan Sunnah Rasulullah saw.

Contoh
* Salah seorang raja Andalus telah berbuka puasa di siang Ramadhan secara sengaja. Baginda meminta fatwa dari seorang ulamak Yahya bin Yahya. Beliau memberi fatwa bahawa raja itu tidak mempunyai pilihan lain untuk membayar kifarat kecuali berpuasa dua bulan berturut-turut. Pilihan itu tidak benar kerana berlawanan dengan nas yang terang bahawa orang yang berbuka mesti membebaskan hamba atau berpuasa atau memberi makan kepada orang miskin. (Lihat al I'tisaam: 2/353.) Termasuk dalam bab ini ialah contoh-contoh maslahat yang tidak diambil kira.

Perubahan pendapat mengikut keadaan, `uruf dan adat
Imam dan naibnya boleh mengubah pendapat mereka di dalam ruang lingkup yang disebutkan tadi mengikut perubahan keadaan, `uruf dan adat.
* Perubahan ini berlaku dari imam ke imam seperti: `Umar melarang menjual ummul walad, sedangkan penjualan itu berlaku pada zaman Rasulullah saw dan Abu Bakar. Contoh lain ialah seperti Abu Bakar menyamakan pemberian kepada orang yang terdahulu masuk Islam dan orang yang terkemudian. Namun apabila `Umar memerintah, beliau melebihkan pemberian kepada orang yang terdahulu.
* Kadang-kadang perubahan berlaku dari imam itu sendiri dalam satu masalah, seperti pendapat asy-Syafe'i yang qadiim: Al-Imam Ibnul Qayyim telah menerangkan masalah ini secara detail dan menyebut beberapa contoh dalam perkara ini di bawah tajuk `Fasal tentang perubahan dan perselisihan fatwa menurut perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan adat.
(I`laamul Muwaqqi`iin: 3/3-58)

Dalam perubahan satu pendapat kepada pendapat yang lain, imam mestilah menjaga yang lebih bermanafaat dan mengandungi maslahah berdasarkan penelitiannya terhadap dalil-dalil baru yang tidak diketahuinya sebelum ini dan berdasarkan pengetahuannya yang baru tentang keadaan manusia dan situasi sekitar.

Bila wajib mengambil pendapat imam?
Kita sudah mengetahui bahawa pendapat imam dan naibnya mesti diamal dalam masalah ijtihaadiyyah. Di sini ada perkara penting yang mesti diketahui iaitu: Adakah pendapat imam mesti diamalkan dalam setiap masalah ijtihaadiyyah atau pun di sana ada perkara yang pendapat imam mesti dipakai atau tidak. Jawapannya ialah di sana ada perkarqa-perkara yang mesti diamalkan pendapat imam dan perkara-perkara lain yang pendapat imam tidak mesti dipakai.

* Di antara perkara yang mesti dipakai pendapat imam ialah: Perkara-perkara umum dan menyeluruh yang diperintahkan oleh Allah kepada semua makhluk beriman dan beramal dengannya, sepertiperselisihan dalam firman Allah taala:

yang bermaksud: Atau kamu menyentuh perempuan. Adakah ianya bermaksud jimaa'? Atau pun yang dikehendaki di sini ialah menyentuh kulit? Begitu juga perselisihan pendapat dalam wudhuk. Iaitu keluar darah dengan sebab berbekam, menyentuh zakar dan sebagainya. Al-Fatawa: 35/357-360â
* Perkara-perkara yang mesti dipakai pendapat imam ialah yang memerlukan kepada penyelesaian untuk melaksanakan pendapat dalam satu-satu masalah seperti hukum-hukum qadhi dan perkara-perkara yang khusus bagi imam seperti perkara-perkara yang berhubung dengan peperangan dan yang memberi kepentingan dalam kehidupan manusia.

Tidak boleh diingkari pilihan imam
Selepas kita mengetahui tentang perkara-perkara yang diamal pendapat imam, kita mestilah mengetahui juga bahawa wajib tunduk kepada pendapat imam sekalipun bertentangan dengan pendapat yang lain. Orang lain tidak berkata kepada imam: Saya tidak redha dengan keputusan kamu sehinggalah kamu memutuskan hukuman dengan pendapat lain yang saya pilih.
Lihat Al-Fatawa: 35/360

Asal pada ibadat ialah ta`abbud
Al-imam asy-syahiid menjelaskan di sini satu kaedah yang penting iaitu: Ibadat-ibadat yang disyari'at dan ditetapkan bentuk, waktu, syarat, masa dan empatnya oleh Allah swt, asal pada ibadat-ibadat tersebut ialah "ta'abbud" iaitu mematuhi perintah Allah dalam keadaan membesar dan memuliakanNya, tidak melampaui batasan yang ditetapkan oleh syara' tanpa berpaling kepada hikmat, rahsia dan `illahnya (sebab). Tetapi kita tetap beriman bahawa segala ibadat yang disyariatkan itu tetap mempunyai hikmatnya yang hanya diketahui oleh Allah dan ada sebahagian kecil darinya yang diterangkan kepada kita.
Lihat Al-Muwaafaqaat: 2/300-304

Contoh
* Bersuci. ia tidak boleh dilakukan melainkan dengan menggunakan air yang bersih sekalipun kita boleh membersihkan sesuatu dengan menggunakan bahan yang lain.
* Bertayammum. Ia adalah sebagai ganti kepada bersuci ketika ketiadaan air yang boleh dibuat bersuci.
* Zikir yang tertentu, seperti doa. Ia dituntut ketika berada dalam keadaan tertentu seperti sujud, tetapi ia tidak dituntut dalam keadaan yang lain seperti rukuk. Sembahyang-sembahyang sunat juga dituntut pada suatu waktu, tidak pada suatu waktu yang lain.
* Puasa. Ia ditentukan masa permulaan dan kesudahannya dengan menahan diri dari melakukan perbuatan yang tertentu.Begitulah juga semua ibadat lain.
* Yang dimaksudkan oleh Imam asy-syahid di sini ialah:
Ijtihad imam atau sesiapa sahaja tidak termasuk di dalam ruang lingkup ibadat dengan hujjah maslahat atau memudahkan manusia.

Beberapa contoh
* Seseorang berijtihad untuk memindahkan sembahyang Jumaat ke hari yang lain, kerana orang ramai sibuk pada hari Jumaat tidak pada hari yang lain tersebut.
* Berijtihad untuk menghadkan puasa dengan bilangan jam pada mana-mana masa samada siang atau malam tanpa terikat dengan naik fajar dan jatuh matahari.
* Berijtihad untuk melontar jamrah ditempat lain yang bukan `Aqabah.

Semua ijtihad-ijtihad tersebut adalah batil, kerana perkara-perkara tadi adalah termasuk di dalam ta`abbud yang tidak boleh digunakan pendapat.

Asal pada adat ialah hikmat
Selepas diterangkan tentang asal pada ibadat, kita akan menerangkan pula tentang asal kepada adat iaitu melihat kepada rahsia, hikmat dan tujuan kerana "kita mendapati syara' bertujuan untuk maslahat manusia. Jadi hukum-hukum adat mestilah mengikut syara'. Saudara boleh melihat satu perkara dilarang pada suatu keadaan yang tidak mengandungi maslahat. Jika ada maslahat ia
adalah harus, seperti menjual dirham dengan dirham secara bertempoh adalah dilarang tetapi harus di dalam qardh... Lihat al Muwafaqaat: 2/305-307.

* Maksud Al-imam asy-syahid di sini ialah ijtihad imam dan naibnya diamalkan di dalam ruanglingkup-ruanglingkup ini.

USUL KEENAM

Perkataan seseorang boleh diterima atau ditolak, kecuali perkataan Rasulullah s.a.w yang bersifat maksum. Perkataan para solehin yang dahulu (salafussoleh) mesti kita terima jika bersesuaina dengan al-Quran dan hadith. Jika tidak, maka al-Quran dan hadithlah ikutan kita yang utama. Tetapi kita tidak melemparkan kecaman dan mencacatkan seseorang dalam masalah khilaf. Kita serahkan mereka dengan niat mereka masing-masing kerana mereka telah melakukan sesuatu dengan apa yang mereka telah kemukakan.

Dalam usul ini Al-imam asy-syahid menetapkan beberapa perkara yang boleh menjamin seseorang itu boleh berdiri teguh di atas jalan yang lurus ini, jalan yang jauh dari keterlaluan serta kekurangan, berat sebelah dan menyeleweng serta pencerobohan.
Beliau menyatakan bahawa seorang pun tidak bersih dari sebarang dosa melainkan Rasulullah sahaja. Seterusnya tentang sikap kita terhadap apa datang dari para Salafussoleh dan tentang kemestian menunjukkan adab yang baik terhadap alim ulamak.

"Tidak ada 'ismah (terpelihara dari sebarang dosa) selain dari Rasulullah.
Rasulullah seorang sahaja yang terpelihara dari melakukan dosa dan kesilapan kerana bagindalah yang sebenarnya menunjuk ke jalan yang lurus yang dikuatkan dengan wahyu. Allah swt. berfirman :

Bermaksud : "Dan tidaklah ia bercakap menurut hawa nafsu semata-mata. Dia tidak bercakap melainkan mengikut wahyu yang diwahyukan An-Najm: 3,4

Bertitik tolak dari inilah maka Allah mewajibkan kepada kita supaya taat dan mengikut setiap apa yang disuruh dan dilarang oleh Rasulullah sahaja. Firmannya :

Bermaksud : "Dan apa datang kepada kamu dari Rasulullah maka terimalah ia dan apa yang ditegah olehnya maka tinggalkanlah ia.

Manakala selain dari Rasulullah s.a.w. dari kalangan para ulamak, mereka kadang-kadang benar dan kadang-kadang silap walaupun tidak dinafikan ketinggian darjat mereka. Ini tidak menjadikan mereka itu dicela kerana Allah swt tidak menjamin kema'suman seseorang selain dari Rasulullah saw. Itulah sunnah Allah swt.

Hakikat ini sepatutnya jelas di dalam hati setiap muslim. Hakikat inilah yang telah ditunjukkan oleh alim ulamak kepada kita. Imam Malik telah berkata :"Setiap orang boleh diambil atau ditolak kata-katanya kecuali Rasulullah saw."

Sikap kita terhadap apa yang datang dari para salaf.
Apa yang datang dari salafus soleh yang terdiri dari para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in yang berupa kata-kata, perbuatan serta tingkah laku juga hukum-hakam dibentangkan di hadapan kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya kerana kedua-duanya adalah sumber hukum yang ma'sum dan tidak harus mengutamakan apa yang selain dari keduanya.
Firman Allah :

Bermaksud : "Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya dan bertakwalah kepada Allah.
Al Hujurat: 1

Jika sekiranya apa yang datang itu bertepatan dengan apa yang ditunjukkan oleh kitab Allah dan sunah Rasul-Nya, maka kita menerimanya dengan sepenuh keredhaan dan sanjungan.

Jika sekiranya datang sesuatu masalah yang tidak diketahui oleh mereka lalu mereka berijtihad tetapi ianya tidak merupakan ijtihad yang betul sehinggalah kemudiannya ternyata hukum sebenar dari kitab Allah dan sunnah RasulNya, maka ketika itu wajib ke atas muslim mengambil apa yang ditunjukkan oleh kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya secara terang-terang kerana kedua-duanya adalah ma'sum dan patut didahulukan dari yang lain.

Ramai dari kalangan ulamak memperkatakan tentang perkara ini. Imam Abu Hanifah berkata : "Apabila aku memperkatakan sesuatu yang menyalahi kitab Allah maka tinggalkanlah kata-kataku itu." Lalu dikatakan kepadanya: bagaimana kalau ia menyalahi sabda Rasulullah saw.?.Beliau menjawab: "Tinggalkanlah kata-kata itu dan terimalah hadis Rasulullah saw."

Imam Syafie juga pernah berkata: "Apabila kamu dapati di dalam kitabku kata-kata yang bercanggah dengan sunnah Rasulullah saw, maka terimalah sunnah Rasulullah saw. dan tinggalkanlah kata-kataku itu".
Fathul Majid: 388

Kata-kata yang seumpama ini sebenarnya banyak diungkap oleh para ulamak. Kata-kata ini dikira bercanggah apabila bersalahan dengan dalil-dalil yang nyata. Tetapi jika sekiranya hadis itu tidak sampai kepada mereka atau tidak thabit datangnya dari Rasulullah saw di sisi mereka atau ianya thabit dari Rasulullah saw tetapi bertentangan dengan dalil yang lain atau ditakhsiskan
dengan dalil lain atau sebagainya maka ketika itu dibolehkan berijtihad.
Fathul Majid: 385

Beradab dengan ulamak.
Ulamak adalah pewaris nabi-nabi. Setiap umat mempunyai ulamak dan ulamak-ulamak mereka adalah merupakan adalah merupakan orang-orang yang jahat dikalangan mereka semua. Berbeza dengan umat nabi Muhammad saw, ulamak-ulamak mereka adalah orang-orang yang terbaik di kalangan mereka. Oleh itu mereka mestilah dihormati, disanjungi dan diberi layanan yang baik. Al-Imam asy-syahid begitu bersungguh-sungguh menetapkan perkara ini dalam
usul keenam ini.

Setelah menekankan kemestian mendahulukan kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya daripada yang lain, beliau mengingatkan bahawa ini sepatutnya tidak membawa

kepada usaha-usaha untuk menjatuhkan imej ulamak dengan kutukan, mendedahkan keburukan mereka serta melemparkan kata-kata tohmahan kepada mereka.

Beliau berkata: "Tetapi kita tidak sesekali mengecam atau melemparkan tuduhan terhadap peribadi-peribadi tertentu dalam masalah yang diperselisihkan. Kita hanya berserah kepada niat hati mereka. Sesungguhnya mereka telah berlalu dengan apa yang mereka kemukakan."

Oleh itu perbezaan pendapat dalam masalah ijtihad mengikut kefahaman Islam tidak harus dijadikan sebagai punca bagi berlakunya penghinaan, penafian ketaatan dan usaha meragui niat-niat yang terbuku di hati.

Bahkan yang wajib dalam perselisihan ini ialah menyatakan pendapat yang rajih dan lebih benar dengan penuh berlembut dan beradab tanpa mencela orang lain.
Sesungguhnya ini adalah adab Islam yang mulia serta neracanya yang adil. Dengannyalah hati manusia menjadi jinak dan jiwa mereka pun menjadi jernih. Sementara usaha-usaha bagi kerosakan, celaan, pendedahan keburukan dan menyangka buruk tentang niat-niat hati pula boleh menbawa kepada perpecahan hati dan jiwa yang saling benci-membenci. Ini semua sebenarnya bukanlah dari ajaran Islam walau sedikit pun.

USUL KETUJUH

Seseorang muslim yang ilmunya belum mencapai darjat nazar (boleh mengeluarkan hukum dari dalil) dalam hukum-hukum furuk (cabang), sayugialah beliau mengikut mana-mana imam. Di samping ikutannya itu, adalah lebih baik jika beliau berusaha mencari dan mengetahui dalil-dalil imamnya. Dia hendaklah menerima tunjuk ajar yang disertakan dengan dalil sekiranya bilau yakin orang yang memberikan petunjuk itu benar dan mempunyai keahlian. Sekiranya beliau tergolong dalam golongan ahli ilmu sayugialah beliau menyempurnakan ilmunya hingga mencapai peringkat nazar.

Usul ini membincangkan masalah ijtihad dan taqlid. Berbagai-bagai pendapat tentang perkara ini telah dikeluarkan antara yang melampau dan yang cuai, kecualilah orang yang telah dirahmati Allah swt. Oleh sebab itu berlaku kesempitan, kesusahan, rintangan dan pengambilan hukum sendiri yang tidak bertepatan dengan roh Islam. Kemudian datang Al-imam as-syahid dengan pendapatnya yang sederhana dan pertengahan, mengumpulkan dan bukan memecah belah, berlembut dengan orang lemah dan tidak meninggalkan orang yang kuat dan berkemampuan.

Beliau menyatakan bahawa taqlid adalah harus bagi orang yang lemah, sementara ijtihad pula harus bagi orang yang berkemampuan. Pendapat ini mewakili pendapat keseluruhan umat ini walaupun tidak dinafikan bahawa di sana ada orang yang mewajibkan ijtihad dan mengharamkan taqlid kepada semua, dan ada orang yang mewajibkan taqlid dan mengharamkan ijtihad kepada semua.

Berkata Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah: "Antara sifat melampau ahli ilmu kalam dan ilmu fiqh ialah ada di antara mereka yang mewajibkan penelitian yang mendalam dan ijtihad dalam masalah-masalah furu' ke atas setiap orang sehinggalah orang-orang awam. Pendapat ini adalah lemah kerana jika sekiranya menuntut ilmu itu fardu 'ain, iaitu mesti dilakukan oleh setiap orang maka ianya adalah wajib dengan kemampuan yang ada, sedangkan kemampuan untuk mengetahui dalil-dalil amat sukar bagi kebanyakan orang awam. Dan ada lagi di antara pengikut-pengikut mazhab yang banyak itu orang-orang yang mewajibkan taqlid kepada semua orang samada ulamak atau orang awam. Pendapat majoriti umat ini ialah ijtihad dan taqlid itu adalah harus. Mereka juga tidak mewajibkan taqlid dan tidak mengharamkan ijtihad kepada setiap orang. Ijtihad adalah harus bagi orang yang mampu berijtihad dan taqlid adalah harus bagi orang yang tidak mampu berijtihad. Al-Fatawa: 20/203-204

Beliau berkata lagi: "Ikutan seseorang kepada sesuatu mazhab kerana tiada kemampuan adalah dibolehkan. Ia tidaklah menjadi wajib ke atas setiap orang, terutama jika sekiranya ia dapat mengetahui hal-ehwal syarak dengan jalan yang selain daripada itu." Al-Fatawa: 20/209

Ini adalah jalan paling sederhana. Manusia sebenarnya adalah berbeza-beza dari segi ilmu, kefahaman dan kemampuan mengeluarkan hukum. Oleh itu Allah swt memerintahkan kepada orang tidak mengetahui supaya bertanya kepada orang yang mengetahui dalam apa-apa perkara yang tidak diketahuinya, dan tidaklah menjadi kesalahan baginya untuk mengikut mereka.

Dalam perkara ini Al-Hafiz Ibnu 'Abdil Al-Barr berkata selepas menyebut tentang riwayat-riwayat yang mencela taqlid di akhir bab: "Ini semua bukan bagi orang awam. Mereka tidak dapat tidak mesti mengikut ulamak-ulamak mereka dalam masalah yang dihadapi kerana masalah itu tidak jelas kepada mereka dari segi hujjahnya. Ketidakfahaman mereka itu tidak menjadikan mereka sampai ke tahap memiliki ilmu tentang perkara itu. Ini kerana ilmu pengetahuan ada mempunyai beberapa peringkat. Seseorang itu tidak akan dapat mencapai ke peringkat yang tertinggi melainkan setelah dapat menguasai yang di bawahnya terlebih dahulu. Ini adalah benteng yang memisahkan di antara orang awam dengan tuntutan mencari hujjah. Sebaliknya ulamak telah berselisihan pendapat dalam mewajibkan ke atas orang-orang awam supaya bertaqlid sahaja kepada ulamak-ulamak mereka. Merekalah orang-orang yang dimaksudkan oleh firman Allah:

Bermaksud : "Maka bertanyalah kepada orang-orang yang berilmu jika kamu tidak mengetahui." Jami' Bayanil-'ilm: 2/114, 115

Para ulamak telah bersepakat dalam mewajibkan ke atas orang yang buta supaya bertaqlid kepada orang yang dipercayainya bagi menunjukkan kepadanya arah kiblat apabila ia merasa ragu-ragu. Begitu juga orang tidak berpengetahuan dan berpandangan tajam tidak dapat tidak mesti bertaqlid kepada gurunya. Para ulamak juga tidak berselisih dalam mengatakan bahawa orang awam tidak harus memberi fatwa. Ini berdasarkan kejahilan mereka dalam memahami makna yang boleh menyampaikan kepada pengeluaran hukum-hukum halal dan haram serta pendapat yang diterima dalam ilmu pengetahuan.

Ini semua adalah kumpulan kata-kata ulamak beserta dalil-dalilnya sekali. Al-imam as-syahid telah mengambil roh ini dan meringkasnya dengan berkata: "Dan setiap muslim yang tidak sampai ketahap meneliti dalil-dalil hukum cabang dibolehkan kepadanya untuk mengikut mana-mana imam".

Nasihat bagi muqallid.

Selepas menjelaskan tentang keharusan mengikut mana-mana imam bagi orang yang tidak sampai keperingkat meneliti, Al-imam as-syahid mengemukakan sebahagian nasihat yang boleh meninggikan kemulian seseorang dan merapatkan jurang perbezaan di antara para pengikut imam-imam, juga dapat menjinakkan hati.

Oleh itu beliau menggalakkan supaya berijtihad sekadar kemampuan yang ada bagi mengetahui dalilnya. Ini supaya ikutan itu lebih menyejukkan dada, menenangkan diri dan memberikan cahaya dan penglihatan yang jelas. Contohnya seperti apabila seseorang itu memasuki masjid selepas waktu asar samada dia sembahyang tahiyyat masjid atau tidak, atau samada dia sembahyang dua rakaat sebelum fardhu Maghrib ataupun tidak? Elok kalau dia mengetahui dalil dari perbuatannya itu. Gesaan ini adalah lebih-lebih lagi sekiranya sesuatu hukum itu sudah menjadi suatu perbuatan yang serius. Elok baginya mengetahui hukum tersebut.

Nasihat Al-Imam As-Syahid seterusnya yang boleh memberikan kesan dalam menjinakkan hati ialah beliau menggalakkan para muqallid supaya menerima setiap petunjuk yang datang dari orang-orang yang lebih tinggi ilmunya, apabila mereka

mengajak kepada hukum yang berlawanan dengan apa yang sudah menjadi kebiasaan kepada mereka. Ini kerana kebiasaan mereka itu adalah marjuh (lemah) iaitu di sana ada lagi dalil yang lebih kuat darinya dan telah nyata kepada mereka tentang perkara itu.

Sesungguhnya usul dalam perkara ini ialah mengikut Kitab dan sunnah. Kadang-kadang tersembunyi bagi seorang imam apa yang tidak tersembunyi bagi imam lain. Maka bagi orang yang mempunyai dalil yang lebih kuat dan terang sepatutnya diikuti.

Beliau juga mensyaratkan kepada orang memberi nasihat dan petunjuk itu hendaklah ia seorang yang dikenali lagi dipercayai dan mempunyai kebaikan dan kepadaan di sisi orang yang dinasihati. Ini kerana orang awam tidak mempercayai melainkan kepada orang yang dikenalinya.

Perkara ini sepatutnya diketahui oleh orang yang memberikan nasihat dan tunjuk ajar supaya ia tidak memarahi dan memusuhi orang yang diberi nasihat jika ia tidak menerima nasihat serta tunjuk ajarnya, juga supaya kejernihan hati tidak berubah menjadi keruh.

Akhirnya Al-imam as-syahid mengajukan nasihatnya kepada orang mempunyai kemampuan dalam menuntut ilmu atau orang sudah terdiri dari kalangan orang-orang yang berilmu. Beliau menggesa mereka supaya menambahkan usaha pengkajian dan penelitian terhadap dalil-dalil yang berbagai-bagai itu dan kemudian menapisnya dan mentarjihkannya sebelum memilih mana yang lebih kuat dan sesuai dari pendapat-pendapat yang banyak. Dengan ini dapatlah diambil faedah dari orang-orang yang mempunyai kemampuan dan kebolehan supaya tidak sia-sia begitu sahaja.

Adalah menjadi kebiasaan bagi para imam yang mulia menegah orang-orang yang dirasai mempunyai kemampuan dalam memahami dan meneliti dari bertaqlid atau mengikut mereka.
Bahkan sebaliknya mereka melatih orang-orang yang berkemampuan itu dalam mengeluarkaan hukum-hakam dari dalil-dalilnya dan mentarjih mana-mana dalil yang lebih kuat.
Mereka hendaklah memberikan semangat dan keberanian dalam melaksanakan perkara itu.

USUL KELAPAN

Perselisihan pendapat dalam masalah cabang hukum fiqh tidak boleh menjadi sebab perpecahan dalam agama. Ia sepatutnya tidak menjadi sebab perbalahan dan permusuhan. Kerana setiap orang yang berijtihad diganjari pahala. Tidaklah dilarang melakukan penyelidikan (melalui perbincangan dan lain-lain) dalam masalah khilaf, jika bertujuan mencari hakikat kebenaran. Namun dengan syarat perbincangan tersebut hendaklah di atas dasar mahabbah dan kasih sayang kerana Allah. Ia juga hendaklah diasaskan atas dasar kerjasama untuk mencari kebenaran dan hakikat serta tidak terseret kepada pertengkaran yang tercela dan taasub.

KETERANGAN

Al-imam as-syahid menyatakan dalam usul ini tentang sikap atau pendirian dalam menghadapi perselisihan fiqh dan kesan-kesan dari perselisihan tersebut.
Ramai orang telah tersilap dalam menentukan sikap yang sebenarnya dalam menghadapi masalah perselisihan fiqh ini. Sikap ini akhirnya membuahkan hasil yang amat pahit. Perpecahan, perbahalan, permusuhan, taa'ssub dan pertengkaran berlaku dan umat kemudiannya menjadi lemah, sehinggalah datang Al-imam as-syahid dengan pendirian yang sebenar yang memelihara kejinakan hati dan kejernihan jiwa manusia.

Perselisihan fiqh tidak sepatutnya memecah belahkan.
Al-Imam As-Syahid menekankan tentang permasalahan ini kerana:
-perselisihan fiqh merupakan sesuatu yang mesti berlaku.
- setiap orang yang mengambil pendapat mana-mana imam bertujuan untuk mentaati Allah swt. dan mentaati Rasulullah saw.
- kejinakan hati lebih besar dari apa yang didapati dari perselisihan feqah.
- kita boleh mengambil pengajaran dan contoh yang baik dari generasi yang diasuh oleh Rasulullah saw. Mereka berselisih faham dalam perkara yang bersangkutan dengan fiqh tetapi mereka tidak berpecah atau bermusuhan.
Oleh kerana itulah Al-imam asy-syahid menunjukkan kepada akal-akal yang berfikiran waras kearah kefahaman yang sebenar lalu menetapkan bahawa: "Perselisihan fiqh dalam perkara cabang tidak sepatutnya menjadi sebab berlakunya perpecahan dalam agama atau membawa kepada perbalahan dan permusuhan."
Apa yang ditetapkan oleh beliau itu adalah juga apa yang ditetapkan oleh ulamak-ulamak yang terkemuka. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah berkata: "Manakala perselisihan dalam menentukan hukum-hakam adalah terlalau banyak dan jika sekiranya setiap kali dua orang muslim berselisih pendapat dalam sesuatu, boleh menyebabkan kedua-duanya berjauhan, nescaya tidak akan wujud di kalangan kaum muslimin keteguhan dan persaudaraan.
Al-Fatawa: 24/173

Antara usul Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah berpeganag teguh dengan tali Allah swt. (agama) dan tidak berpecah belah. Firman Allah swt.
Maksudnya: "Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan janganlah berpecah belah." Ali Imraan: 103

”Setiap orang yang berijtihad ada pahalanya.
Sepatutnya orang-orang yang berselisih dalam perkara yang berkaitan dengan fiqh mengetahui bahawa setiap orang yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengetahui hukum Allah swt. adalah diberi balasan pahala samada salah atau betul. Mengapakah seharusnya mereka saling bertengkaran dan berbantahan. Sabda Rasulullah saw.

Maksudnya: "Apabila seseorang hakim itu berhukum lalu berijtihad dan ijtihadnya betul maka dia akan mendapat dua pahala, dan apabila dia berhukum lalu berijtihad dan ijtihadnya salah maka dia akan mendapat satu
pahala." Muslim: 3/1343 no: 1716

Setiap akh hendaklah bertanya kepada dirinya sendiri dalam suasana tenang: "Adakah para imam dan ulamak-ulamak kita itu pengikut hawa nafsu atau penuntut kebenaran? Maka kenapa berlakunya perbalahan dan perpecahan?

<u>Perbincangan di bawah payung kasih sayang.</u>
Selepas menyatakan bahawa perselisihan dalam perkara cabang tidak harus menyebabkan perpecahan dan perbalahan kerana ianya adalah suatu perkara yang mendatang lagi diakui dan berlaku pada setiap masa, juga kerana orang yang berijtihad itu akan diberi balasan pahala, seterusnya Al-imam asy-syahid menegaskan pula bahawa tidak ada halangan untuk dilakukan perbincangan tentang perkara-perkara cabang bagi mengetahui dalil-dalil yang kuat dan
lemah, dengan syarat perbincangan tersebut hendaklah bersih dan berjalan di bawah lembayung ukhuwwah dan kasih sayang kerana Allah swt. Uslub inilah yang sebenarnya dapat menyampaikan kepada kebenaran tanpa berlaku kerugian. Ini merupakan sistem yang telah dipraktikan oleh para salafus soleh dari kalangan sahabat dan tabi'ien.

Syeikhul Islam berkata: "Sesungguhnya ulamak-ulamak di kalangan sahabat dan tabi'ien serta orang-orang yang selepas daripada mereka, apabila berselisih faham dalam sesuatu perkara,
mereka akan mengikut arahan Allah swt. di dalam firmannya :

Maksudnya: "apabila kamu berselisih faham dalam sesuatu perkara maka kembalikanlah ia kepada Allah swt. Dan Rasul-Nya, jika kamu beriman dengan Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.
An Nisa': 59

Mereka berbincang dalam menyelesaikan masalah dengan perbincangan yang berbentuk musyawarah dan nasihat menasihati. Mungkin mereka berselisih dari sudut kata-kata dalam masalah-masalah yang ilmiah dan praktikal, sedangkan kejinakkan hati-hati, keteguhan dan persaudaraan dalam agama tetap kekal seperti biasa.
Al-Fatawa: 24/172

Pendirian praktikal yang perlu kepada manhaj ini amat banyak dan tidak disebut di sini memandangkan ruangan yang tidak mengizinkan.

Meninggalkan pertengkaran dan ta'assub.
Akhir sekali Al-Imam As-syahid memperingatkan kepada orang yang berselisih faham dalam perkara-perkara cabang fiqh dengan berbincang mengenainya tentang satu penyakit yang amat bahaya lagi serius yang boleh memusnahkan umat dan menyesatkan orang-orang yang berselisih faham itu sendiri. Ianya tidak lain dari penyakit selalu bertengkar dan ta'assub yang telah diberi amaran
dan peringatan oleh Rasulullah saw. dengan sabdanya :

Maksud: "Tidak akan sesat sesuatu kaum itu selepas mendapat petunjuk melainkan apabila mereka selalu berdebat.
At-Tirmizi: 5/353 No: 3253

Pertengkaran dan ta'assub sebenarnya boleh mengeraskan hati, menaikkan kemarahan di dada dan menjadikan seseorang itu buta dari kebenaran dan berjalan mengikut hawa nafsu.
Oleh itu, ianya patut ditinggalkan bagi menjaga ukhuwwah dalam agama dan kejinakan hati. Ini sememangnya adalah merupakan suatu perkara yang lebih besar dan seharusnya diutamakan.

USUL KESEMBILAN

Membincangkan masalah yang tidak jejak kepada kenyataan (tidak membuahkan amal) adalah tergolong dalam perkara yang memberat-beratkan sesuatu. Memberat-beratkan suatu masalah adalah dilarang oleh syariat. Sebagai contoh: membincang cabang-cabang hukum yang masih belum berlaku, dengan membuat andaian-andaian, membincangkan penafsiran ayat-ayat al-Quran yang masih belum dicapai oleh ilmu manusia, membincangkan keistimewaan-keistimewaan para sahabat Rasulullah s.a.w atau membincangkan pendapat para sahabat. Kerana para sehabat mempunyai keistimewaan sebagai seorang sahabat. Mereka diganjari menurut niat mereka,

KETERANGAN

Dalam usul ini Al-imam asy-syahid meletakkan satu kaedah yang menjaga usaha seorang mu'min dari menjadi sia-sia, tenaganya dari terbengkalai, hati-hati dari bercerai-berai dan menjadikannya satu amalan yang positif yang membina, bukannya teori perdebatan.

Ramai manusia mempersia-siakan waktu dan tenaga mereka dalam membahaskan perkara-perkara teori yang tidak membuahkan amal
melainkan mengeraskan suara, menimbulkan dengki dan saling benci-membenci......

Oleh itu Al-imam asy-syahid menggalakkan setiap muslim agar memenuhi masanya dengan melakukan perkara-perkara yang memberi manfaat di dunia dan akhirat. Ianya amat banyak dan memerlukan banyak tenaga bahkan lebih dari itu.

Beliau juga mengingatkan agar tidak terjun ke dalam apa-apa yang tidak membuahkan amal serta menyebut beberapa contoh tentang perkara itu. Pandangan Al-imam asy-syahid tersebut di ambil dari manhaj Al-Quran, petunjuk Rasulullah saw dan tarbiah salaf.
Dari Al-Quran Allah telah berfirman:

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: "Bulan sabit itu adalah tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadat) haji. Al Baqarah: 189

Jawapan itu adalah berdasarkan kepada ilmu kerana berpaling dari apa yang di kehendaki oleh orang yang bertanya tentang bulan sabit iaitu: Mengapa ianya kelihatan pada awal bulan beberapa waktu seperti benang, kemudian semakin membesar sehingga menjadi purnama dan kemudian kembali semula seperti keadaannya yang pertama?

Allah berfirman selepas mereka bertanya tentang hari kiamat:
Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu tentang hari kiamat, bilakah terjadinya? Siapakah kamu (maka) dapat menyebutkan (waktunya)? An Nazi'aat: 42-43

Bertanya tentang perkara ini adalah persoalan yang tidak ada kena-mengena, kerana cukuplah dengan mengetahui bahawa beliau mesti berlaku. Sebab itulah apabila Rasulullah saw ditanya tentang hari Qiamat, baginda bersabda: "Apakah yang kamu

sediakan untuknya? Sambil berpaling dari kehendak soalannya kepada perkara yang berfaedah. Baginda tidak menjawab apa yang di tanya.

'Umar r.a telah tidak bersetuju dengan Subai' kerana dia banyak menghabiskan masa dan bertanya tentang perkara-perkara dari Al-Quran yang tidak mendatangkan hukum taklifi. Beliau telah mengajarnya kerana perkara tersebut.

* Begitu juga Ali r.a tidak bersetuju dengan dengan Ibnul Kuwa' kerana memberatkan diri dengan bertanya perkara yang tidak mendatangkan amal.

* Malik bin Anas juga benci kepada percakapan yang tidak mendatangkan amal dan menyatakan bahawa kebenciannya adalah sebagaimana orang-orang yang terdahulu. Al I'tisom: 2/333, Jaami' Bayaanil 'Ilmi: 25 dan Al Muwafaqat: 1/46, 50

”Bertanya tentang perkara yang tidak berlaku:
Perhatian muslim sepatutnya dihalakan kepada perkara yang diperintahkan supaya dia melaksanakannya dan perkara yang ditegah untuk dijauhinya serta bertanya tentang apa-apa perkara yang dihadapinya untuk beliau mengetahui hukum Allah dan beriltizam dengannya. Banyak bertanya tentang sesuatu yang tidak berlaku dan perkara yang Allah telah memaafinya bukan dari petunjuk Islam.

Rasulullah S.A.W telah bersabda:

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah Taala telah memfardhuka beberapa fardhu maka janganlah kamu mempersia-siakannya, menetapkan sempadan-sempadan maka janganlah kamu melebihinya dan mengharamkan beberapa perkara maka janganlah kamu mencabulinya, serta tidak menyatakan tentang beberapa perkara (tentang hukumnya) kerana kasihan kepada kamu dan bukan kerana lupa, maka janganlah kamu mencarinya.
Jaami'ul Ulum Wal Hikam: 261 dan disandarkan kepada Ad Daaru Qutni dan lainnya.

Nabi bersabda:

Maksudnya: "Apa-apa perkara yang aku perintahkan kamu melakukannya maka buatlah sekadar yang kamu terdaya. Sesungguhnya orang-orang yang sebelum kamu telah musnah kerana banyak bertanya dan bertelingkah dengan nabi-nabi mereka". Muslim: 4/1830 no: 1337

Di antara petunjuk para sahabat dan tabi'en ialah tidak melibatkan diri dalam perkara yang tidak berlaku dan melarang manusia dari menghabiskan masa dalam hal tersebut.

Tawuus meriwayatkan bahawa Umar R.a telah berkata di atas mimbar:

Maksudnya: "Demi Allah, orang yang bertanya tentang sesuatu yang tidak berlaku telah menyusahkan dirinya. Sesungguhnya Allah telah menyatakan apa yang berlaku".

Dari Zaid bin Thabit r.a: "Bahawa apabila di tanya tentang suatu masalah beliau berkata: "Apakah ianya sudah berlaku? Maka dikatakan kepadanya: Wahai Abu Said, ia belum berlaku tetapi kami menyediakannya. Lalu beliau berkata: "Tinggalkanlah ia, jika berlaku aku akan memberitahunya kepada mereka".

Abdul Malik bin Marwan apabila bertanya kepada Ibnu Syihab, Ibnu Syihab berkata kepadanya: "Apakah ianya sudah berlaku?" Marwan menjawab: "Tidak". Ibnu Syihab lalu berkata: "Tinggalkanlah ia, sesungguhnya jika berlaku, Allah akan memberikan jalan keluar".

Athar-athar yang menjelaskan manhaj yang benar ini amat banyak.
Lihat Jaami': 2/139, 144 dan Al Faqiih: 2/7, 19.
Al-imam asy-syahid amat berhati-hati ketika mengingkari "banyak furu'", bukan semuanya kerana sebahagiannya adalah di perlukan. Mungkin kata-kata ini menyerupai kata-kata Imam Asy-Shaatibi dalam kitab Al-Muwafaqat:

"Setiap masalah yang tidak di binakan amal di atasnya, maka melibatkan diri di dalamnya adalah melibatkan diri dalam perkara yang tidak ada dalil syari'e yang menandakan ianya baik. Amal yang saya maksudkan ialah amal hati dan amal anggota dari segi ianya adalah tuntutan syara'".

Dalilnya ialah pengkajian syariat. Kita melihat bahawa syara' berpaling dari perkara yang tidak menghasilkan amal yang di taklifkan.

Di dalam Al Quran:

Maksudnya:"Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: Ia adalah tanda-tanda waktu untuk manusia dan (waktu ibadat) haji.
Al Baqarah: 189

Soalan itu dijawab dengan perkara yang berhubung dengan amal serta berpaling dari kehendak orang yang bertanya tentang bulan sabit iaitu: Mengapa beliau kelihatan beberapa ketika pada awal bulan seperti benang, kemudian membesar hingga menjadi bulan purnama dan seterusnya kembali seperti keadaannya yang pertama semula?

Persoalan yang demikian tidak elok dari beberapa segi:
Ianya memalingkan dari perkara taklif yang dibebankan keatasnya kepada menyibukkan diri dengan perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengannya.
Sesungguhnya syara' telah menerangkan perkara yang mendatangkan maslahat kepada manusia di dunia dan akhirat dengan sempurnanya. Tidak ada yang di luar dari itu. Kadang-kadang dia merasakan bahawa tidak seperti itu. Perkara ini
boleh di lihat dalam pengalaman biasa. Kebanyakan orang-orang yang memberi tumpuan penuh dengan ilmu-ilmu yang tidak berhubung dengan taklif akan menimbulkan fitnah dan terkeluar dari jalan yang lurus serta membangkitkan khilaf dan pertelingkahan yang membawa kepada putus hubungan, permusuhan dan ta'asub sehingga mereka berpecah belah. Apabila terjadi demikian mereka telah terkeluar dari sunnah.

Punca perpecahan adalah tidak lain dari sebab tersebut kerana mereka meninggalkan ilmu yang ada kaitan dengan mereka dan keluar kepada perkara yang tidak ada sangkut paut dengan mereka.

Berpalingnya syariat dari menjawab persoalan itu adalah sejelas-jelas dalil yang menunjukkan bahawa mengikut ilmu yang seumpama ini adalah fitnah atau menghabiskan masa tanpa faedah.

Sesungguhnya memerhati dan ingin tahu dalam semua perkara adalah perangai ahli falsafah yang tidak ada kena mengena dengan orang muslim. Mereka tidak menjadi begitu melainkan dengan bergantung kepada perkara yang menyalahi sunnah. Dengan mereka mengikut jalan ini adalah kesalahan yang besar.

Apabila perkara ini thabit maka yang sebenarnya ialah perkara yang tidak mendatangkan amal tidak di tuntut oleh syara'.

Jika sekiranya di sana terdapat perkara yang di tuntut terhenti kepadanya seperti lafaz-lafaz bahasa arab, ilmu nahu, tafsir dan seumpamanya, maka tidak syak lagi bahawa ianya di tuntut.

Melibatkan diri dalam ayat-ayat yang ilmiah.
Di antara perkara yang dikira oleh Al-imam asy-syahid sebagai memberatkan diri dengan perkara yang di larang kerana kurang berfaedah atau tidak berfaedah langsung ialah dengan melibatkan diri dalam membahaskan makna ayat-ayat Al Quran yang belum dicapai oleh ilmu.

Al-Quran al-karim adalah kitab hidayat:

Maksudnya: "Sesungguhnya Al Quran ini memberi petunjuk
ke jalan yang lebih lurus. Al Israa': 9

Maksudnya:"Kitab ini tidak ada keraguan padanya petunjuk bagi mereka yang bertakwa". Al Baqarah: 2

Al Quran telah menunjukkan kepada sebahagian hakikat ilmiah dalam ilmu perubatan, falak dan yang lainnya sebelum ianya dapat ditemui oleh ahli-ahli sains. Perkara ini meneguhkan lagi pendirian orang-orang mukmin. Al-Quran pula bukan kamus ilmu-ilmu praktikal.
Pada zaman Al-imam asy-syahid ramai orang terpengaruh dengan penemuan-penemuan ilmiah yang baru. Mereka mempunyai dua pendirian, satu pihak menerimanya dan terpesona serta mendewa-dewakannya sementara satu pihak lagi menolaknya.

Golongan yang terpesona tadi menerima penemuan sains ini sedangkan ianya adalah teori dan agakan sahaja, belum lagi sampai ke peringkat hakikat dan kenyataan. Mereka cuba mencari kewujudannya di dalam Al-Quran, mereka menyelidikinya dan

mentafsirkan maknanya secara zalim (tidak betul). Cara ini amat merbahaya kerana boleh menimblkan kegoncangan jiwa manusia di
sebabkan teori ini tidak tetap (sentiasa berubah).

Mereka menyibukkan diri dengan cara ini dan juga manusia lain. Mereka mempersia-siakan masa, memecahkan tenaga (tidak dikumpulkan) dan lupa bahawa Al-Quran adalah kitab hidayat dan petunjuk serta manhaj kehidupan sebelum perkara lain.

Firman Allah:
Maksudnya: "Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah dan kitab yang menerangkan. Dengan kitab itulah Allah menunjuki orang-orang yang mengikuti keredhaannya ke jalan keselamatan. Dan (dengan kitab itu pula) Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap gulita kepada cahaya yang terang benderang dengan izinnya dan menunjuki mereka ke jalan yang lurus". Al Maidah: 15-16

Al-imam asy-syahid tidak bersama-sama dengan mereka yang mendewa-dewa dan menyusahkan diri tadi dan tidak pula bersama dengan mereka yang menolaknya. Bahkan beliau mengambil jalan tengah iaitu dengan cara mengambil mana-mana yang baik dari kedua-dua belah pihak dan meninggalkan yang selainnya (tidak baik).

Beliau mengingkari penglibatan diri dalam perkara yang belum dicapai oleh ilmu. Adapun perkara yang thabit secara hakikat dan terdapat dalam Al-Quran maka tiada halangan untuk menyatakannya.
Bahkan itu adalah kebaikan.
"Melebih-lebihkan dikalangan sahabat dan pertelingkahan mereka.
Allah S.W.T dan rasulnya telah memuji para sahabat yang mulia.
Firman Allah:

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang mu'min ketika mereka berjanji setia kepadamu di bawah pohon. Al Fath: 18

Rasullullah S.A.W telah bersabda:

Maksudnya: "Sebaik-baik manusia adalah kurunku, kemudian mereka yang selepasnya, kemudian mereka yang selepasnya.
Fathul Baari: 11/282 no 6429.

Ayat-ayat dan hadis-hadis dalam bab ini amat banyak.
"Ahli Sunnah yang terdiri dari para ulama', ahli ibadat, umara', dan tentera telah bersepakat mengatakan: "Abu Bakar, kemudian" Umar, kemudian Osman, kemudian Ali r.a." Al-Fatawa: 3/402 dan lihat juga: 4/434.

Apa yang diriwayatkan dalam hadis sahih tentang kelebihan setengah sahabat, kita mengakuinya tidak lebih dari itu. Ia tidak termasuk di dalam larangan Al-imam asy-syahid kerana beliau sentiasa mengakui kewajipan berdiri bersama Kitab dan sunnah.
Apabila thabit perkara tadi di dalam keduanya kita mesti mengakuinya dan apa yang tidak thabit kita tidak mengakuinya.

Tentang pertelingkahan yang berlaku di kalangan para sahabat dalam peperangan Jamal dan Siffin, Ahli Sunnah mengambil jalan tengah dalam peristiwa ini, sesuai dengan kedudukan dan kemuliaan para sahabat r.a, iaitu dengan menahan diri dari memperkatakan apa yang berlaku dalam pertelingkahan itu, kerana setiap mereka mempunyai kelebihan bersahabat dengan Rasulullah saw dan di balas dengan niatnya. Jalan untuk mentakwil perkara tadi adalah luas.

Sheikhul Islam Ibn Taimiyyah berkata ketika menyebut mazhab Ahli Sunnah: "Begitu juga kita beriman kepada "menahan diri dari pertelingkahan mereka" dan kita tahu bahawa setengah cerita yang dinaqalkan di dalam hal ini adalah dusta. Mereka adalah mujtahidin, kalau mereka betul mereka mendapat dua pahala atau dibalas diatas amal soleh dan di ampunkan kesalahan mereka.
Mereka tidak melakukan kejahatan kerana mereka telah mendapat kebaikan dari Allah. Allah telah mengampuni mereka samada dengan taubat, amal-amal soleh yang menghapuskan dosa, musibah-musibah yang menghapuskan kesalahan atau perkara-perkara lain lagi.Mereka adalah sebaik-baik kurun umat ini sebagaimana sabda baginda s.a.w:

Maksudnya: "Sebaik-baik kurun adalah kurunku yang aku diutuskan padanya, kemudian mereka yang selepasnya. Inilah sebaik-baik umat yang dikeluarkan di kalangan manusia".
Al Fatawa: 3/406 dan lihat juga: 4/434.

Sebab itulah Al-imam asy-syahid mengira melibatkan diri dalam pertelingkahan para sahabat dari perkara yang dilarang kerana ia adalah pintu untuk mengeji dan jalan masuk syaitan dan perpecahan. Kewajipan kita hanyalah mengambil pengajaran dari seerah mereka. Mereka telahpun pergi menghadap tuhan mereka.
Alangkah indahnya ucapan Amirul Mukminin Umar bin Abdul Aziz r.a ketika ditanya tentang pertelingkahan di kalangan sahabat:
"Itulah darah yang Allah telah bersihkan gigi-gigi kita darinya maka kita hendaklah menyucikan lidah-lidah kita daripadanya".

Kewajipan kita ialah menggulung lipatan-lipatan sejarah ini dan melihat dengan teliti dalam helaian-helaian jihad, thabat, mencurahkan tenaga, pengorbanan dan tebusan serta persahabatan dan ukhuwwah sehingga kita terus maju untuk "bina'"(membangunkan Islam).

USUL KESEPULUH

Mengenal Allah, mentauhid dan membersihkan-Nya daripada sesuatu yang menyekutui-Nya adalah akidah yan paling tinggi dalam Islam. Ayat al-Quran dan hadith yang menyentuh sifat-sifat Allah hendaklah kita terima tanpa melakukan tafsiran dan takwilan. Kita jauhi perselisihan ulama dalam masalah ini. Kita berpada dengan apa yang telah diterima pakai oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat. Firma Allah yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman dengannya (ayat-ayat mutasyabihat). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami". (Ali Imran: 7)

KETERANGAN

Dalam usul ini Al-imam asy-syahid menjelaskan kedudukan tauhid dalam 'aqidah Islam sambil menerangkan jalan tengah dalam ayat-ayat sifat dan hadis-hadisnya yang sahih.

Pendapat Al-imam asy-syahid dalam hal ini adalah benar dan bersandarkan Kitab dan sunnah. Bagi Allahlah kepujian dan pemberian.
"Ketinggian kedudukan tauhid
Sudut-sudut pengetahuan amat banyak tetapi yang paling tingginya ialah 'aqidah Islam. Sudut-sudut 'aqidah juga banyak tetapi yang paling tingginya ialah mentauhidkan Allah. Iman yang benar dan tauhid yang hak membuatkan seseorang itu mendapat ketenangan, kemuliaan, keamanan dan kerehatan. Sebaliknya tanpa iman dia menjadi resah dan tidak menentu. Allah berfirman:

Maksudnya:"Maka manakah diantara dua golongan itu yang lebih berhak mendapat keamanan (dari malapetaka) jika kamu mengetahui? Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur-adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mereka itu adalah orang-orang yang mendapat petunjuk". Al An'aam: 81-82

Kerana itulah Allah swt memerintahkan dengan tauhid sebelum perkara lain. Allah berfirman:

Maksudnya: "Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tidak ada tuhan melainkan Allah." Muhammad: 19

Kewajipan muslim terhadap aqidah yang tertinggi ini 3 perkara:
- Makrifah dengan yakin, bukannya lintasan fikiran.
- Tauhid yang benar tanpa ragu-ragu padanya.
- Iktikad kesempurnaan Allah dan sebarang kekurangan.

Dalam hal ini Allah berfirman:

Maksudnya: "Katakanlah: Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah tuhan yang bergantung kepadanya segala sesuatu, Dia tidak beranak dan tiada pula diperanakkan dan tidak pula seorang pun yang setara dengannya."
Al Ikhlas: 1-4

Maksudnya: "Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat." Asy Syura: 11
Oleh kerana ruangan ini tidak mengizinkan keterangan secara detail, maka saya nyatakan secara ringkas.
- apakah yang menghidupkan umat Islam setelah mati?
- apakah yang membangunkan mereka setelah tidur?
- apakah yang menyemarakkan mereka setelah padam?
- apakah yang memberikan mereka kekuatan setelah hina?
- apakah yang menjadikan mereka pemimpin umat-umat setelah mereka adalah gembala-gembala kambing?
* Itulah iman dengan Allah yang Esa, tidak ada sekutu baginya.

"Pendirian terhadap sifat-sifat Allah:
Setiap muslim wajib menthabitkan semua sifat-sifat kesempurnaan bagi tuhannya dan menyucikannya dari sebarang kekurangan.
Di sana terdapat sifat-sifat yang di sekitarnya timbul pertikaian pendapat yang lama, memecahkan hati-hati, memporak-perandakan saf-saf dan menyia-nyiakan waktu...... iaitu sifat-sifat yang terdapat perbahasan di kalangan salaf dan khalaf seperti: Mata, tangan, jari-jari, turun dan sebagainya, sebagaimana yang terdapat dalam ayat-ayat dan hadis-hadis sifat.
Orang ramai telah membuat beberapa pendirian terhadapnya sejak dulu hingga sekarang. Al-imam asy-syahid pada zamannya melihat pendirian-pendirian ini yang menimbulkan belas kasihan. Perkara tadi telah melampaui batas dan menimbulkan perbahasan yang panjang.

Para pembahas membuat ketetapan, setengahnya kadang-kadang mengkafirkan setengah yang lain. Yang peliknya, para pembahas tadi tidak ada pada mereka melainkan:
- Taasub dan melampaui batas kesucian.
- Alangkah baiknya kalau perbahasan ini ditentukan oleh ahli ilmu, namun ia meluaskan perbahasan untuk menyibukkan orang yang dapat mencapai dan yang tidak dapat mencapainya.
- Alangkah baiknya kalau perbahasan ini diadakan selepas selesai dari membahaskan perkara-perkara utama yang di sepakati diatasnya.

Iman tanpa ta'wil dan ta'til
Imam As Syahid telah membuat pendirian yang bijaksana.
1 Beriman dengannya tanpa ta'wil dan ta'til.
2 Menjauhkan diri dari menyebut perselisihan ulama' padanya.
Beriman dengan sifat-sifat tanpa ta'wil dan ta'til adalah mazhab salaf yang lebih tahu, lebih bijaksana dan lebih selamat.

* Tanpa ta'wil maksudnya tanpa memalingkan maknanya yang rajih serta hampir kepada yang marjuh serta jauh tanpa kaitan yang mewajibkannya. Maka maknanya yang dekat sudah maklum dalam fikiran.
Mazhab salaf memegang makna ini dengan makna yang layak dengan kebesaran Allah dan tidak memberatkan dirinya dengan makna-makna yang jauh dan sampingan tanpa keperluan.
* Ta'til pula bermakna menafikan madlul-madlul (maksud-maksud) lafaz yang menyifatkan Allah secara mutlak. Di sisi orang yang memegang ta'til Allah swt tidak bercakap, tidak mendengar, tidak melihat.....

Menahan diri dari pertelingkahan ulama'
Para ulama' telah berselisih pendapat secara panjang lebar zaman dahulu dan sekarang tentang masalah sifat-sifat ini.
Perselisihan ini memberi kesan kepada kesatuan muslimin dan keadaan mereka amat menyedihkan. Al-imam asy-syahid datang untuk menenangkan ketegangan ini kerana beliau mendapati bahawa perbahasan mengenainya menuju ke jalan buntu dan tidak benar.
Beliau telah meminta agar tidak mendekati khilaf ulama' dalam hal ini dan meminta agar mengetahuinya cukuplah secara ringkas (ijmal).

Ini bukanlah bermakna lari atau menyembunyikan perkara yang wajib dizahir dan dijelaskan. Bahkan itulah kebijaksanaan kerana pada setiap maqam ada maqal. Setiap kedudukan mempunyai cara percakapan yang sesuai untuknya. dan manusia berbeza-beza dalam pemahaman dan penerimaan. Manusia juga tidak boleh hidup seorang diri dan bercakap dengan diri sendiri.
Al-imam asy-syahid dapat mengesan perkara ini dan mahu menyatukan hati-hati umat yang tidak mungkin dapat bersatu melainkan berpegang secara ijmal yang thabit dengan nas dan ijma' serta meninggalkan huraian yang di pertikaikan. Apa yang dilakukan oleh Al-imam asy-syahid adalah manhaj dan tarjih ulama' Islam yang terkemuka dalam hal ini.

Syeikhul Islam Ibn Taimiyyah berkata:
"Umat tidak beselisih dan berpecah jika pertikaian itu boleh diputuskan dengan ilmu dan keadilan. Jika tidak, maka dengan berpegang kepada ijmal yang thabit dengan nas dan ijma'. Wajib menyuruh orang awam berpegang dengan ijamal yang thabit dengan nas dan ijma' serta mencegah mereka dari hanyut ke dalam huraian (tafsil) yang mencetuskan perpecahan dan perselisihan.
Sesungguhnya perpecahan dan perselisihan adalah di antara sebesar-besar perkara yang dilarang oleh Allah dan rasulNya.
Al Fatawa: 12/237

Syeikhul Islam mempunyai kalam yang bernilai dalam hal ini dan kalaulah tidak kerana takut panjang nescaya saya telah menyebutnya. Al Fatawa: 3/343, 5/266

Alangkah bijaksana dan mengetahuinya Al-imam Asy-syahid ketika beliau meminta agar menahan diri dari pertelingkahan tadi dan meminta agar cukup dengan ijmal yang thabit dengan nas dan ijma' berdasarkan firman Allah:

Maksudnya: "Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepada ayat-ayat yang mutasyabihat, semuanya itu dari sisi tuhan kami.
Ali 'Imraan: 7

Dalam Risalah 'Aqaid karangan Al-imam terdapat keterangan yang sempurna lagi ringkas kepada usul ini. Selepas menyebut sebahagian ayat-ayat dan hadis-hadis yang menunjukkan kepada sifat:
Dalam masalah ini manusia terbahagi kepada 4 golongan:
a- Satu golongan mengambilnya secara zahir sahaja, maka mereka pun menyifatkan Allah mempunyai wajah seperti wajah-wajah makhluk, tangan atau tangan-tangan macam tangan mereka, ketawa macam ketawa mereka dan begitulah seterusnya hingga mereka menyangka tuhan seperti orang tua. Setengahnya pula menyangka bahawa Allah itu seperti pemuda. Mereka
adalah golongan "mujassamah" dan "mushabbahah" yang tidak ada kena mengena dengan Islam sedikit pun, kata-kata mereka tersebut sedikitpun tidak benar. Cukup kita menjawab tuduhan mereka dengan firman Allah:

Maksudnya: "Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat".
Asy Syura: 11

Firmannya lagi:

Maksudnya: "Katakanlah Dialah Tuhan yang Esa, Allah adalah tuhan yang bergantung padaNya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengaNnya."
Al Ikhlas: 1-4
b- Satu golongan pula menolak makna lafaz-lafaz itu dalam sebarang bentuk iaitu dengan menafikan segala madlulnya terhadap Allah swt. Di sisi mereka Allah tidak bercakap, tidak mendengar dan tidak melihat. Ini adalah kerana semua itu tidak boleh berlaku melainkan dengan menggunakan anggota, sedangkan anggota wajib dinafikan dari Allah swt.
Oleh sebab itulah mereka menafikan sifat-sifat Allah swt dan berpura-pura mensucikannya. Mereka ialah golongan dan setengah ulama' tarikh aqaid islamiah menggelar mereka ????

Saya rasakan tidak ada seorangpun yang mempunyai akal terpengaruh dengan kata-kata yang remeh ini, kerana sudah dibuktikan bahawa setengah makhluk dapat bercakap, mendengar dan melihat tanpa anggota (pancaindera). Jadi bagaimana boleh dikatakan bahawa Allah swt kalau bercakap mestilah menggunakan anggota? Maha suci Allah dari semua itu.

Inilah dua pendapat batil yang tidak layak di perhatikan. Tinggal lagi dua pendapat di hadapan kita yang berada di dalam perhatian ulama' 'aqaid iaitu pendapat salaf dan pendapat khalaf.

”Pendapat salaf tentang ayat-ayat sifat dan hadis-hadisnya
- Golongan salaf mengatakan: "Kita beriman dengan ayat-ayat dan hadis-hadis ini sebagaimana ia datang (secara zahir) dan meninggalkan penjelasan maksudnya kepada Allah swt. Mereka menthabitkan tangan, mata, bersemayam, ketawa, ta'jub.... dan lain-lain dengan makna-makna yang kita tidak dapat kesan. Kita serahkan kepada Allah untuk meliputi makna tersebut dengan ilmunya. Lebih-lebih lagi kita telah ditegah dari perkara tersebut dalam sabda Nabi saw:

Maksudnya: "Berfikirlah kamu tentang kejadian Allah. Jangan kamu berfikir tentang zat Allah, sesungguhnya kamu tidak dapat mencapainya."

Al-Iraqi berkata : "Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Nuaim dalam kitab Al Hilyah () dengan isnad yang dhaif dan juga Al-Asbahani dalam kitab At-Targhib Wat-Tarhib ( ) dengan isnad yang lebih sahih darinya begitu juga Abu Syeikh.
Mereka semua menafikan persamaan (serupa) di antara Allah dan makhluk. Lihatlah kata-kata mereka tentang hal ini:

Abul Qasim Al Laalika'ie dalam kitab "Usul As-Sunnah" meriwayatkan dari Muhammad bin Al Hassan sahabat Abu Hanifah r.a beliau berkata:
"Seluruh fuqaha' baik di timur dan barat telah bersepakat tentang (wajib) beriman dengan Al-Quran dan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang thiqah dari Rasulullah saw tentang sifat Tuhan, tanpa tafsir, tanpa sifat, tanpa bandingan. Sesiapa yang menafsirkan tentang perkara itu pada hari ini, dia telah terkeluar dari jalan Nabi saw dan telah memisahkan diri dari jamaah kerana mereka semua tidak mensifatkan dan tidak menafsirkannya. Mereka hanya memberi fatwa dengan apa yang ada dalam Kitab dan Sunnah kemudian mereka diam"

Al-Khallal menyebut dalam kitab As-Sunnah ( ) dari Al-Hambal dan Al-Hambal menyebut hal itu dalam kitab-kitabnya seperti dalam kitab As-Sunnah Wal Mehnah ():
Al Hambal berkata: "Aku bertanya Abu Abdullah tentang hadis:

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah S.W.T turun ke langit dunia"
dan hadis "

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah melihat" dan hadis:
Maksudnya: "Sesungguhnya Allah meletakkan kakinya" serta hadis-hadis yang seumpama ini?

Abu Abdullah menjawab:"Kita beriman dengannya dan membenarkannya tanpa cara dan maknanya. Kita tidak menolaknya sedikitpun. Kita tahu bahawa apa yang diriwayatkan dari Rasul S.A.W adalah benar jika sanad-sanadnya shahih. Kita tidak menolak firman Allah dan tidak menyifatkannya lebih dari apa yang dia sendiri menyifatkan dirinya tanpa had dan kesudahan.

Firman Allah:
Maksudnya: "Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia."

Harmalah bin Yahya meriwayatkan sambil berkata: "Aku mendengar Malik bin Anas berkata: Sesiapa yang menyifatkan sesuatu dari zat Allah seperti; Firman Allah:

Maksudnya: "Tangan Allah terbelenggu"
Lalu dia mengisyaratkan tangannya ke tengkoknya, dan seperti firmanNya Maksudnya: "Dialah Tuhan yang maha mendengar dan maha melihat" Lalu dia mengisyaratkan kepada matanya, telinganya atau tangannya, anggota-anggota tersebut hendaklah di potong darinya kerana dia telah membandingkan Allah dengan dirinya. Kemudian Malik menambah Lagi: "Tidakkah kamu mendengar kata-kata Al Bara' ketika beliau menceritakan bahawa Nabi S.A.W tidak mengorbankan 4 korban sambil Al-Barra' mengisyaratkan dengan tangannya sebagaimana Nabi saw mengisyaratkan tangannya. Al-Barra' berkata: "Tanganku lebih pendek daripada tangan Rasulullah S.A.W. Al Bara' tidak suka (benci) untuk menyifatkan tangan Rasulullah S.A.W kerana menghormatinya, sedangkan Nabi adalah makhluk. Maka bagaimanakah boleh kita bandingkan pula pencipta yang tidak serupa dengan sesuatu pun?

Abu Bakar Al-Athram, Abu Amru At-Tolamanki dan Abu Abdullah Ibn Abu Salamah Al-Majishun telah meriwayatkan kalam yang panjang tentang makna ini yang disudahi dengan katanya: "Apa yang disifatkan oleh Allah terhadap diriNya dan dinamakannya dari lisan RasulNya, kita namakannya sebagaimana yang dia namakan. Kita tidak boleh membebankan diri dengan sifat lain. Bukan itu dan bukan ini dan kita tidak mengingkari apa yang disifatkannya serta tidak membebankan diri untuk mengetahui apa yang tidak disifatkan"
"Ketahuilah mudah-mudahan kamu dikasihi Allah, bahawa ( ) Pemeliharaan dari kesalahan dan dosa.â dalam agama tidak habis di tempat kamu habis dan tidak melebihi apa yang telah dihadkan kepada kamu.
Sesungguhnya di antara dasar agama ialah mengetahui yang ma'ruf dan mengingkari yang mungkar. Perkara yang kamu ada makrifah dan hatimu tenang dengannya, disebut asalnya (dalil) dalam kitab dan sunnah dan ilmunya di warisi oleh umat maka janganlah takut untuk menyebutnya dan mensifatkannya terhadap Tuhanmu tentang apa-apa yang disifatkan terhadap diriNya dan janganlah membebankan diri untuk menghadkan sifat tersebut. Perkara yang diengkari oleh dirimu dan tidak terdapat dalam kitab dan sunnah yang menyebut tentang sifat Tuhanmu, maka janganlah bebankan diri untuk mengetahuinya dengan akal kamu dan janganlah menyifatkannya dengan lidah kamu dan diamlah sebagaimana Tuhanmu diam tidak menyebutnya. Jika kamu membebankan diri untuk mengetahui apa yang tidak di sifat oleh Tuhanmu tentang diriNya maka samalah seperti kamu mengingkari apa yang disifatkan olehNya. Sebagaimana kamu memandang berat apa yang diengkari oleh orang yang mengengkari apa yang disifatkan oleh Tuhan terhadap dirinya, begitulah juga kamu hendaklah memandang berat orang-orang yang membebankan diri menyifatkan Tuhan dengan apa yang tidak disifatkan oleh Tuhan terhadap diriNya.
Demi Allah! Sesungguhnya telah menjadi mulia orang-orang muslim yang mengetahui perkara ma'ruf serta dengan pengetahuan mereka, ma'ruf itu dikenali dan mengingkari perkara mungkar serta dengan keingkaran mereka mungkar itu diengkari. Mereka mendengar apa yang disifatkan oleh Allah tentang diriNya di dalam kitabNya dan apa yang sampai kepada mereka tentang perkara yang seumpama itu dari nabiNya. Tidak sakit (rosak) hati seseorang muslim dengan menyebut sifat ini dan menamakannya

daripada Tuhan. Mukmin tidak boleh mencari sifat-sifat atau nama yang lain dari apa yang di sebut oleh Tuhan. Apa-apa yang disebut oleh Rasulullah saw bahawa baginda menamakan sifat Tuhannya maka ia adalah sama dengan apa yang dinama atau disifatkan oleh Tuhan sendiri.
Orang-orang yang mendalam ilmunya, yang berhenti sekadar ilmunya, yang menyifatkan Tuhan dengan sifat yang disifatkan oleh Tuhannya, dan orang-orang yang meninggalkan dari menyebut sifat yang tidak disebut oleh Tuhan tidak mengengkari sifat yang dinamakan itu kerana engkar dan tidak mencari-cari sifat lain yang tidak di namakanNya kerana kononnya kerana perbahasan yang mendalam kerana kebenaran ialah meninggalkan apa yang ditinggalkan dan menamakan apa yang dinama.
Firman Allah:

Maksudnya: "Sesiapa yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya, dan mengikut jalan yang bukan jalan orang mu'min, kami biarkan ia berkuasa terhadap kesesatan yang telah dikuasainya itu dan kami masukkan ia ke dalam neraka Jahannam dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali.
An Nisa': 115
Mudah-mudahan Allah mengurniakan kepada kita semua hikmat dan menjadikan kita orang-orang soleh.

Mazhab khalaf tentang ayat-ayat dan hadis-hadis sifat
Tadi saya ada menyebut bahawa golongan salaf r.a beriman dengan ayat-ayat dan hadis-hadis sifat sebagaimana ia datang (secara zahir) dan meninggalkan penjelasan maksudnya kepada Allah S.W.T dalam keadaan mereka beriktikad bahawa Allah S.W.T suci dari sebarang persamaan dengan makhluknya.
Golongan Khalaf pula berkata: "Kami beriman bahawa makna-makna lafaz ayat-ayat dan hadis-hadis ini bukanlah dikehendaki secara zahir bahkan ia adalah majaz (sindiran) yang tidak ada halangan untuk mentakwilkannya. Mereka mula mentakwilkan "wajah" dengan makna "zat", "tangan" dengan makna "kekuasaan" dan begitulah seterusnya kerana lari dari persamaan dengan makhluk.

Saya menyatakan di sini contoh-contoh dari kata-kata mereka:
Abul Faraj bin Al-Jauzi Al-Hambali berkata di dalam kitabnya Menolak Syubhat Persamaan: Allah berfirman:
Maksudnya: "Dan kekallah wajah Tuhanmu". Ar Rahman: 37
Ulama'-ulama' tafsir berkata: Kekallah Tuhan kamu, begitu juga mereka
berkata tentang firman Allah: "
Maksudnya: "Mereka mahukan wajahnya" iaitu mahukanNya.
Ad Dhohhaak dan Abu 'Ubaidah berkata tentang firman Allah:

Maksudnya: "Setiap sesuatu binasa kecuali wajahnya" Al An'aam: 52 iaitu melainkan Dia.
Beliau menyebut pada awal kitab satu fasal yang detail untuk menolak pendapat mereka yang berkata bahawa berpegang kepada zahir ayat dan hadis adalah mazhab salaf. Kesimpulan dari kata-katanya ialah berpegang dengan zahir adalah tajsim

Mengatakan Allah berjisim dan tasybih

Mengatakan Allah ada bandingan kerana zahir lafaz ialah apa yang diistilahkan kepadanya. Tangan tiada makna sebenar yang lain kecuali anggota dan begitulah seterusnya.
Beliau juga berpendapat bahawa menamakan ayat-ayat dan hadis-hadis tersebut sebagai ayat-ayat dan hadis-hadis sifat adalah nama yang direka-reka dan tidat terdapat dalam Kitab dan sunnah dan bukan hakikat. Ia tidak lain melainkan tambahan. Beliau telah berdalil terhadap kata-katanya dengan
dalil-dalil yang banyak yang tidak ada ruang untuk saya menyebutkannya di sini.

Fakhruddin Ar-Razi berkata di dalam kitabnya Asas At Taqdis ( ): "Ketahuilah bahawa nas-nas Al- Quran tidak boleh dipegang secara zahir kerana beberapa perkara:
Pertama: Zahir firman Allah :

Maksudnya:"Dan supaya kamu diasuh diatas mataku. Taha: 39

Bermaksud Nabi Musa a.s berada di atas mata itu secara bersentuh (melekat) dan lebih tinggi dari mata itu. Perkara ini tidak boleh di terima oleh orang-orang yang berakal.

*Kedua :*Firman Allah:
Maksudnya: "Buatlah kapal itu dengan mata-mata kami." Hud: 37
Bererti alat untuk membuat kapal tersebut ialah mata itu sendiri.

Ketiga: Menthabitkan beberapa biji mata (mata-mata) pada satu muka adalah amat jelek. Maka tampaklah kemestian menuju kepada takwil iaitu dengan kita tanggungkan lafaz-lafaz ini dengan makna sangat mengambil berat dan menjaga (mengawal).

Imam Al Ghazali menyatakan pada juzu' pertama dari kitab Ihya' 'Ulumiddin ( ) ketika membicarakan tentang nisbah ilmu zahir kepada ilmu batin dan bahagian-bahagian yang terdapat padanya zahir dan batin serta ta'wil dan tidak ta'wil:

"Bahagian ketiga: Sesuatu perkara itu kalau di sebut secara soreh (nyata) akan difahami tanpa terjadi apa-apa mudharat.
Tetapi ia dikinayahkan (Disebut secara sindiran) secara isti'arah (Mendakwa makna sebenar kepada sesuatu kerana melebih-lebih dalam perbandingan seperti: "Saya bertemu singa". Sedangkan yang dimaksudkan ialah lelaki yang berani dan garang. Sila rujuk Ilmu Balaghah) dan ramz (Tanda atau isyarat supaya ia lebih memberi kesan kepada hati pendengar) Di antaranya sabda Nabi S.A.W.

Maksudnya: "Sesungguhnya masjid mengecut dari kahak sebagaimana mengecutnya kulit di atas api.
Az Zubaidi berkata dalam Syarah Al Ihya': Berkata Al 'Iraqi: Hadis ini tidak ada asal di dalam hadis marfu' bahkan ia adalah kata-kata Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Syaibah dalam kitabnya. Aku (Az Zubaidi) menyatakn bahawa hadis ini juga diriwayatkan oleh Abdur Razzaq secara mauquf dari Abu Hurairah. Di dalam Sahih Muslim dari Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah saw melihat kahak di dalam masjid di arah kiblat seraya berkata:

Maksudnya: "Mengapakah salah seorang dari kamu mengadap Tuhannya lalu dia meludah di hadapanNya! Adakah dia suka kalau ada orang mengadapnya lalu orang itu meludah mukanya?"

Maknanya ialah: Roh masjid dalam keadaan ianya dimuliakan dan membuang kahak di dalamnya adalah menghinanya. Kamu dapat lihat bahawa kawasan masjid tidak mengecut kerana kahak. Begitu juga dengan sabda Nabi S.A.W:

Maksudnya: "Tidakkah orang yang mengangkat kepalanya sebelum Imam takut kalau Allah menukarkan kepalanya menjadi kepala kaldai." Fathul Bari: 2/214 no: 691
Perkara itu dari segi gambarannya tidak berlaku sama sekali, namun dari segi makna memang ada kerana kepala kaldai tidak berlaku secara hakikat rupabentuknya, bahkan secara khusus iaitu dungu dan bodoh. Jadi sesiapa yang mengangkat kepalanya sebelum imam, maka kepalanya sudah menjadi kepala himar dari segi makna dungu dan bodoh iaitu secara maksudnya bukan rupabentuk.

Rahsia ini di ketahui bahawa ia adalah bukan zahir, samada dengan dalil aqli atau syari'e. Dari segi aqal menanggungnya secara zahir tidak boleh seperti sabda Nabi S.A.W : "

Maksudnya:"Hati orang mu'min berada di antara dua jari dan jari-jari tuhan yang pemurah". Kerana kalau kita paksa hati orang yang mu'min kita tidak bertemu dengan jari-jari padanya. Maka ketahuilah bahawa ia adalah kinayah dari kekuasaan kerana yang demikian itu lebih di fahami tentang kesempurnaan kekuasaan tuhan".

Kami juga menyebutkan kalam ini pada tempat lain dalam perbahasan ini dan apa yang kami sebutkan ini sudah memadai. Dengan itu jelas kepada saudara jalan salaf dan khalaf. Dua jalan ini menjadi tempat khilaf yang hebat di kalangan ulama' ilmu kalam yang terdiri dari pemimpin-pemimpin muslimin. Setiap mereka memperkuatkan mazhabnya dengan hujjah-hujjah dan dalil-dalil. Kalau saudara kaji perkara ini, nescaya saudara akan dapati bahawa jarak khilaf di antara dua golongan tersebut tidak akan menjadi khilaf yang hebat kalau kedua-dua belah pihak meninggalkan sikap melampau dan berlebih-lebih. Juga perbahasan dalam perkara seumpama ini sekalipun panjang, tidak akan membawa pada garis penamat melainkan natijah yang satu iaitu:
menyerahkannya kepada Allah. Kita akan terangkan kepada saudara tentang perkara ini InsyaAllah.

Di antara salaf dan khalaf
Saudara telah tahu bahawa mazhab salaf dalam ayat-ayat dan hadis-hadis sifat ialah berpegang kepada apa yang zahir tanpa menafsir atau mentakwilkannya. Mazhab khalaf pula mentakwilkannya mengikut makna yang sesuai dengan kesucian Allah S.W.T yang tidak ada bandingan di kalangan makhlukNya.
Saudara juga mengetahui tentang khilaf yang hebat berlaku di antara dua pendapat ini sehingga membawa kepada kata mengata dengan gelaran-gelaran asabiyyah. Keterangan lanjut bolehlah dilihat dari perkara-perkara berikut:
Pertama: Kedua-dua golongan bersepakat bahawa Allah maha suci dari sebarang persamaan dengan makhluk.

Kedua: Kedua-dua belah pihak memutuskan bahawa yang dikehendaki dengan lafaz nas-nas ini pada zat Allah Taala bukannya zahir yang diistilahkan lafaz-lafaz ini pada makhluk. Ini bermakna kedua-dua pihak bersepakat dalam masalah tashbih (perbandingan).
Ketiga: Kedua-dua pihak mengetahui bahawa lafaz itu diistilahkan untuk menerangkan apa yang ada dalam jiwa atau yang berlaku di bawah pancaindera yang bergantung kepada ahli-ahli bahasa dan pencipta istilahnya. Sesungguhnya bahasa sekalipun luas tidak dapat meliputi perkara yang ahli-ahlinya tidak mengetahuinya dengan hakikat sebenar-benarnya. Hakkikat yang berhubung dengan zat Allah termasuk dalam perkara ini. Bahasa lebih dekat
dari mendatangkan lafaz-lafaz yang menunjukkan kepada hakikat-hakikat. Menentukan makna bagi lafaz-lafaz ini secara khas adalah satu penipuan.
Apabila perkara ini telah diakui, ertinya salaf dan khalaf telah bersepakat tentang asal ta'wil dan noktah khilaf di antara kedua belah pihak hanya terbatas kepada: Pihak khalaf menambah penentuan makna yang di kehendaki dari lafaz tersebut kerana kemestian menyucikan Tuhan, lebih membawa ke arah penakwilan untuk menjaga 'aqidah orang awam dari shubhat tashbih (membandingkan Allah dengan sesuatu). Itu sebenarnya adalah satu khilaf yang tidak perlu dibesar-besarkan atau di buat perbalahan.

<u>Tarjih mazhab salaf</u>

Kita menyakini bahawa pendapat salaf iaitu diam dan menyerahkan makna itu kepada Allah S.W.T adalah lebih selamat dan lebih utama diikuti bagi menghapuskan ta'wil dan ta'til. Jika sekiranya saudara terdiri dari orang-orang yang diberi kebahagiaan oleh Allah dengan ketenteraman iman dan dilimpahi dadanya dengan kesejukan yakin maka janganlah mencari ganti yang lain. Di sudut ini kami yakin bahawa ta'wil-ta'wil khalaf tidak boleh dihukumkan ke atas mereka sebagai kufur dan fasik. Pertelingkahan yang panjang di antara mereka ini dulu dan sekarang adalah tidak perlu kerana dada Islam lebih lapang dari itu. Sesungguhnya setengah-setengah manusia yang berpegang kuat dengan pendapat salaf r.a pernah beralih kepada ta'wil pada beberapa tempat. Beliau ialah Imam Ahmad bin Hambal r.a. Di antara ta'wil-ta'wil tersebut ialah penakwilan beliau dalam hadis:

Maksudnya : "Hajarul Aswad adalah tangan kanan Allah di bumi. Al 'Iraqi berkata: Hadis ini diriwayat dan disahihkan oleh Al Hakim dari hadis Abdullah bin Umar.
Dan hadis:

Maksudnya: "Hati mu'min itu berada di antara dua jari dari jari-jari Tuhan Yang Pemurah."
Diriwayatkan oleh Muslim dari hadis Abdullah bin Umar.
Serta hadis:
Maksudnya: "Sesungguhnya aku dapati bahawa diri Tuhan Yang Pemurah dari sebelah kanan."
Al 'Iraqi berkata: Hadis ini diriwayatkan oleh Ahmad dari hadis Abu hurairah di dalam hadis yang menyebut: :
Maksudnya: "Aku dapati diri tuhan kamu dari sebelah kanan'. Rijalnya adalah thiqah.

Sesungguhnya saya dapati pada Imam Nawawi r.a, sesuatu yang boleh mendekatkan jurang khilaf di antara dua pendapat tadi yang tidak meninggalkan peluang untuk berselisih dan bertengkar. Lebih-lebih lagi salaf sendiri mengaitkan keharusan ta'wil dari segi akal dan syara' dengan tidak bertentangan dengan mana-mana asal dari usul-usul agama.
Ar Razi berkata dalam kitabnya Asas At Taqdis: "Kemudian jika kita haruskan ta'wil bermakna kita bekerja sukarela dengan menyebut ta'wil-ta'wil tadi secara tafsil (detail). Jika kita tidak benarkan pula bermakna kita menyerahkan ilmu tentang itu kepada Allah Taala. Ini adalah kanun (peraturan menyeluruh (am)) yang dirujuk padanya dalam semua perkara mutashabihat (kesamaran): Bagi Allahlah segala taufiq.

Rumusan kajian ini Salaf dan khalaf bersepakat bahawa yang dikehendaki bukan zahir yang dikenali di kalangan manusia iaitu ta'wil pada keseluruhannya.

Mereka juga bersepakat bahawa setiap ta'wil yang bertentangan dengan usul syariah tidak harus.
Jadi khilaf ini hanya terbatas pada ta'wil lafaz dengan yang harus pada syara'. Ianya adalah perkara mudah sebagaimana yang saudara nampak dan adalah perkara yang dipegangi oleh setengah salaf.
Namun perkara yang paling penting yang mesti disalurkan tumpuan Muslimin sekarang ialah menyatukan saf, menyatukan kalimah sedaya mungkin. Cukuplah kita dengan Allah, Dialah sebaik-baik wakil.
Majmu' Rasaail - Aqidah: 324

Semoga dalam rumusan yang baik ini menjadi peringatan kepada orang yang mempunyai hati atau pendengaran dalam keadaan dia menyaksikan.

USUL KESEBELAS

Semua bidaah yang dilakukan dalam agama Islam tanpa sandaran asalnya dan dipandang baik oleh segolongan manusia menurut hawa nafsunya sama ada dengan menambah atau mengurangkan apa yang telah disyariatkan, termasuk dalam perkara-perkara yang sesat yang wajib diperangi dan dihapuskan. Ini hendaklah dilaksanakan dengan cara yang paling baik supaya tidak membawa kepada perkara yang lebih buruk daripada bidaah itu sendiri.

KETERANGAN

Dalam usul ini Al-imam asy-syahid menekankan keperluan iltizam dengan kitab Allah dan sunnah RasulNya serta berhenti pada hudud Allah tanpa menambah atau mengurang.

Berdasarkan kepada ini, seorang muslim mesti menjauhkan diri dari setiap bid'ah dalam agama bahkan memeranginya dengan sebaik-baki cara.

Bid'ah sesat yang berleluasa pada zaman Al-imam asy-syahid telah melemah dan merosakkan umat dengan teruk. Setengah manusia telah cuba melawan bid'ah itu tetapi dengan cara yang kasar dan tidak menggunakan uslub yang baik. Keadaan semakin meruncing dan perpecahan makin meluas. Ketika itu Al-imam asy-syahid pun
bangkit menyeru manusia kepada sumber yang bersih iaitu kitab Allah dan sunnah RasulNya, memberi amaran agar tidak menghampiri bid'ah serta mengengkarinya dengan uslub yang baik dan berkesan, lalu Allah memberi manfaat dengan sebabnya apa yang dikehendakinya.

Baik juga selepas ini kita mengetahui apa dia bid'ah? Apa sikap Islam terhadapnya? Supaya jelas kepada kita asal ini dan sumber yang diambil oleh Al-imam asy-syahid bagi membina kefahamannya.

Takrif bid'ah.

* Bid'ah dari segi bahasa: Mereka sesuatu tanpa contoh yang lalu.
* Bid'ah dari segi syara': Satu jalan yang direka dalam agama, yang menandingi syara' yang bertujuan dengan mengikuti jalan itu
melampau dalam ta'abbud kepada Allah S.W.T. Al 'I'tisom: 1/28
Al-imam asy-Syatibi menerangkan dengan lebih lanjut hal ini dalam kitabnya "Al I'tisam". Cukuplah sekadar ini kerana meraikan
ruangan.

Celaan kepada bid'ah

Dalil-dalil Al Quran dan Al hadis serta kata-kata Ulama' amat banyak dalam mencela bid'ah. Lihat Al 'I'tisom untu keterangan lanjut: 35-103.

Firman Allah:
Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang memecah belah agamanya dan mereka menjadi berpuak-puak tidak ada sedikit pun tanggungjawabmu terhadap mereka."

Al An'aam: 159

Para Ulama' menafsirkan bahawa mereka adalah ahli bid'ah.
Sabda Rasulullah S.A.W:
Maksudnya: "Sesiapa yang membuat perkara baru dalam urusan (agama) kami ini yang bukan darinya maka ia adalah tertolak."
Muslim: 3/1343 no: 1718

Maksudnya: "Sesiapa yang melakukan sesuatu perkara yang tidak ada dalam urusan (agama) kami maka ia adalah tertolak."
Muslim: 3/1343 no: 1718

Rasulullah S.A.W ada bersabda di dalam khutbahnya:

Maksudnya: "Adapun selepas dari itu, sesungguhnya sebaik-baik hadis ialah kitab Allah, seburuk-buruk perkara adalah yang direka-reka. Setiap yang direka adalah bid'ah dan setiap yang bid'ah adalah sesat."
Muslim: 2/591 no: 867

Ibnu Al-Maajishum berkata : "Aku mendengar Malik berkata:
Sesiapa yang membuat bid'ah dalam Islam dan memandang baik maka sesungguhnya dia telah menganggap Muhammad S.A.W telah mengkhianati risalah kerana Allah telah berfirman:
Maksudnya:"Pada hari ini telah aku sempurnakan bagimu agama kamu." Sebagaimana pada hari itu bukannya agama, maka ia juga tidak boleh menjadi agama pada hari ini.
Al 'I'tisom: 37

Bid'ah dengan menambah dan mengurang
Sesungguhnya bid'ah dalam agama adalah dicela samada dengan
menambah atau pun mengurang kerana dengan menambah bermakna menuduh syari' dan syariat dengan kelemahan dan kekurangan.
Mengurang pula bererti kufur dengan sebahagian syariat yang membawa pengikutnya ke lembah kehancuran dan kebinasaan.

Di antara contoh menambah ialah mengadakan pesta harijadi, membina binaan atas kubur, tawaf di sekelilingnya, hidup macam rahib. Di antara contoh mengurang ialah tidak berjihad, tidak berhukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah......

Mengingkari bid'ah dalam urusan agama bukannya dunia
Imam Ays-Syahid sangat cermat dalam mengingkari bid'ah dan menyeru untuk memeranginya...Beliau telah mengaitkannya dengan dua perkara:
* Hendaklah bid'ah itu dalam agama.
* Ianya tidak terdapat dalil dari syara'.

Ini ialah kerana kaum muslimin dituntut membuat ciptaan dan pembaharuan dalam urusan dunia dalam berbagai segi samada perindustrian, pertanian, perubatan....dan

sebagainya untuk memenuhi keperluan mereka, menguatkan diri, berupaya dalam menunaikan kewajipan khalifah di bumi dan memakmurkannya. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W telah bersabda:

Maksudnya: "Kamu lebih tahu tentang urusan dunia kamu."
Muslim: 4/1836 no: 2363

Imam As Syahid telah menggalakkan Ikhwan agar menerima dan mengambil sesuatu yang baru lagi bermanfaat dalam urusan dunia sebagaimana yang terdapat dalam usul kelapan belas.

Alangkah baiknya kalau para muslimin berhenti pada hudud-hudud Allah, memfokuskan fikiran dan tenaga mereka untuk mencipta sesuatu yang baru dalam urusan dunia. Nescaya mereka akan menjadi mulia dan dapat berkuasa sebagaimana orang-orang yang terdahulu dari mereka yang telah menjadi mulia dan berkuasa (memimpin).
Bid'ah yang mempunyai dalil, asal dalam syara', perkara itu lebih mudah dan lebih rendah halnya kerana ia adalah khilaf fiqhi.

Memerangi bid'ah dengan hikmah
Kita Kita mempunyai dua kewajipan terhadap bid'ah:
Pertamanya: Mengingkari, memerangi dan menghapuskannya.
Keduanya : Mengambil sebaik-baik jalan yang tidak membawa kepada keburukan yang lebih darinya.

Yang menyuruh kita kita engkarkan bid'ah dialah juga yang menyuruh kita mencari jalan yang terbaik. Tidak boleh dari segi syara' kita memerangi bid'ah dengan menimbulkan kejahatan yang
lebih teruk.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah berkata: "Apabila bertembung antara maslahah dan kerosakan, kebaikan dan kejahatan dan kedua-duanya berasak maka wajib mentarjihkan yang rajih (mendahulukan yang lebih besar) darinya iaitu ketika berasak dan bertembung antara maslahah dan kerosakan. Sesungguhnya suruhan dan larangan sekalipun mengandungi di dalamnya menghasilkan manfaat dan membuang kerosakan, tetapi mesti juga melihat kepada kesannya:
Jika maslalah lebih banyak hilang atau kerosakan lebih banyak terjadi, maka ia tidak lagi disuruh, bahkan menjadi haram jika sekiranya kerosakan lebih banyak dari kemaslahatan.
Al-Fatawa: 28/129

Al-Imam Ibnu Qayyim rahimullah berkata:
"Mengingkari mungkar ada empat peringkat :
Pertama: Ia akan hilang dan berganti dengan sebaliknya.
Kedua : Ia berkurangan sekalipun tidak hilang sama sekali.
Ketiga : Ia berganti dengan yang seumpamanya.
Keempat: Ia berganti dengan yang lebih buruk darinya.

* Dua peringkat yang pertama adalah disyariatkan. Yang ketiga adalah tempat berijtihad dan yang keempat adalah haram.

Saya mendengar Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah - mudah-mudahan Allah menyucikan rohnya dan menerangkan kuburnya -
berkata: "Aku dan beberapa orang sahabatku melalui satu kaum pada zaman Tatar yang sedang minum arak. Orang-orang yang bersamaku mengengkarinya. Aku mengengkari sahabat-sahabatku tadi dan berkata : "Allah mengharamkan arak kerana ia menyekat dari mengingati Allah dan solat. Mereka pula disekat oleh arak dari
membunuh, menawan dan merampas harta orang, maka biarkanlah mereka begitu". I'laam Al Muwaqqi'iin: 3/4-5

USUL KEDUA BELAS

Bidaah yang dilakukan dengan menambah, mengurangkan dan terikat dengan cara-cara tertentu dalam melakukan ibadat yang mutlak adalah termasuk dalam masalah khilaf. Setiap orang mempunyai pendapat yang tertentu. Tidak menjadi kesalahan mencari hakikat melalui bukti dan dalil.

KETERANGAN

Bid'ah ada beberapa jenis dan darjat. Dalam usul yang lalu Al-imam asy-syahid menyebut tentang jenis yang paling bahaya dan paling rendah darjatnya. Dalam usul ini pula beliau menerangkan tentang jenis-jenis lain sambil menyatakan bentuknya. Kekeliruan dalam perkara ini banyak membawa kepada mudharat dan kerosakan serta perbalahan dan perpecahan. Jadi perkara ini perlu kepada kepandaian membeza dan menilai. Inilah usul yang telah diletakkan oleh Al-imam asy-syahid.

Jenis-jenis bid'ah
Ulama' telah membahagikan bid'ah kepada beberapa bahagian
yang sepatutnya diketahui:

1. Bid'ah hakikiah: Iaitu yang tidak ada dalil syara' samada dari kitab, sunnah, ijma' dan tidak ada juga ada cara pengambilan dalil yang mu'tabar di sisi ahli ilmu secara ringkas atau detail. Jenis ini telah kita bincangkan dalam usul yang lalu.
2. Bid'ah idhafiah (tambahan): Iaitu yang mempunyai dua segi:
   Pertama: ia mempunyai kaitan dengan dalil-dalil maka dari segi ini ia bukan bid'ah.
   Kedua : ia tidak ada kaitan.

Oleh kerana amal yang mempunyai dua sudut ini tidak boleh lari dari salah satu segi ini, kita namakan ia "bid'ah tambahan" iaitu dipandang dari satu segi ia adalah sunnah kerana bersandarkan kepada dalil dan dari segi yang lain ia adalah bid'ah kerana bersandarkan kepada shubhat bukannya dalil atau tidak bersandarkan dalil langsung.

Bid'ah idhafiah ada dua jenis:
Pertama:
Lebih hampir kepada bid'ah hakikiah hingga hampir-hampir dikira sebagai bid'ah yang hakikat.
Kedua:
Jauh dari hakikat sehingga hampir-hampir dikira sebagai
semata-mata sunnah.
Al 'I'tisom: 1/210-211.â

Bolehlah kita nyatakan bahawa: Bid'ah idhafiah ialah yang mempunyai dalil syara' atau sunat atau mustahabbah
Seerti dengan sunat.â pada asal,
kemudian datang kepadanya sifat atau keadaan yang mengeluarkannya
dari apa yang telah ditetapkan syara'.

”Bid'ah dalam bentuk meninggalkan.
Iaitu seseorang meninggalkan sesuatu yang dihalalkan syara'
kerana dakwaan beragama seperti mengharamkan sesuatu yang halal
atau meninggalkannya dengan sesuatu tujuan. Hendaklah diketahui
bahawa "meninggalkan" itu mempunyai beberapa jenis dan darjat.
Al 'I'tisom: 1/240-243â

”Darjat bid'ah yang berbeza-beza”
Perkara yang patut disebut di sini ialah: Bid'ah bukan satu jenis sahaja. Para ulama' telah menegaskan bahawa bid'ah mempunyai hukum-hukum dan martabat-martabat yang berbeza-beza. Di antaranya ada yang kufur atau di perselisihkan padanya, ada yang maksiat dan disepakati bahawa ia bukan kufur, ada yang makruh,
ada yang dikira sebagai dosa besar dan ada yang dikira sebagai
dosa kecil.
Al "I'tisom: 1/296-298â

Iltizam pada ibadah-ibadah mutlak

Disunatkan agar memperbanyakkan ibadat seperti puasa,
sembahyang sunat, qiyam, zikir, tilawat Al Quran.....

Apa hukumnya kalau seseorang itu menetapkan kepada dirinya
ibadat tersebut kadar yang tertentu dalam tempoh tertentu secara
iltizam?

Pendirian Al-imam asy-syahid yang bijaksana

Al-imam asy-syahid memerhatikan kepada pendapat-pendapat ulama' yang mendalam ilmunya, lalu mendapati dari karangan-karangan mereka tentang jenis-jenis ini (bid'ah menambah, meninggal dan iltizam dalam ibadat mutlak) adalah termasuk dalam masalah ijtihad yang rajih dan marjuh yang patut nasihat menasihati padanya tanpa kekerasan, kasar, pulau memulau, bertengkar atau bergaduh. Ianya boleh dibincangkan di bawah naungan ukhuwwah dan mahabbah kerana Allah, kerana di sana tidak ada kata putus.

Maka Al-imam asy-syahid menegaskan bahawa jenis-jenis ini adalah khilaf fiqhi. Dengan itu hati-hati menjadi bertaut, saf-saf dapat bersatu dan bertemu pada jalan tengah dan sederhana dengan memberi kepada perkara tadi bentuknya secara adil tanpa menambah dan mengurang.

Namun begitu beliau juga menerangkan bahawa tidak salah untuk berbincang tentang masalah-masalah yang termasuk dalam jenis-jenis ini berdasarkan dalil-dalil dan hujjah-hujjah di bawah bayangan mahabbah dan persaudaraan.

Adapun tentang pendiriannya secara amali, beliau telah amat cenderong kepada perkara yang thabit, jelas dan bersih dari sunnah dan jauh dari yang terdapat khilaf. Perkara itu nyata dalam karangannya Al Ma'thurat ( ) iaitu satu risalah yang masyhur.

Contoh-contoh bid'ah idhafiah:

* Mengangkat suara dengan membaca selawat dan salam ke atas Rasulullah S.A.W selepas azan.
* Menguatkan suara membaca surah Al-Kahfi pada hari Jumaat sebelum sembahyang dalam kumpulan seolah-olah itu adalah salah satu syiar sembahyang.
* Membaca zikir-zikir selepas sembahyang dengan cara berjamaah.

Contoh-contoh bid'ah meninggal

* Meninggalkan perkahwinan dengan hujjah untuk mendekatkan diri dengan Allah dengan memperbanyakkan ibadat.
* Tidak memakan daging merpati kerana memuliakannya.

Contoh-contoh bid'ah iltizam dengan ibadat mutlak.

* Iltizam dengan membaca " " waktu pagi 100 kali.
* Iltizam dengan membaca " " sepuluh kali selepas setiap sembahyang.

USUL KETIGA BELAS

Mencintai para solehin dan memuji-muji mereka berdasarkan amal-amal soleh yang mereka lakukan adalah sebahagian daripada taqarrub kepada Allah. Wali-wali Allah ialah mereka yang disebutkan Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertaqwa". (Yunus: 63)

Keramat yang berlaku ke atas mereka hemdaklah terjadi dengan syarat-syarat yang bertepatan dengan syara' serta mempercayai bahawa mereka adalah hamba yang diredhai oleh Allah s.w.t. Mereka tidak mampu untuk memberi manfaat atau mendatangkan mudharat ketika hidup ataupun setelah mereka mendatangkan mudaharat ketika hidup ataupun setelah mereka mati. Mereka juga tidak mampu memberikan kurniaan yang ada pada mereka itu untuk orang lain.

KETERANGAN

Di dalam usul yang ketiga belas ini, Al-imam asy-syahid telah menerangkan satu pendirian yang kukuh lagi sederhana terhadap orang-orang soleh, auliya' dan keramat yang ada pada mereka. Iaitu pegangan yang tidak keterlaluan atau terlalu longgar pada zaman di mana kebanyakan manusia telah melampaui batas dan lalai dari hakikat sebenar yang mendatangkan bahaya dan perpecahan yang banyak.

Mencintai orang-orang soleh adalah jalan mendekatkan diri kepada
Allah

Islam amat menggalakkan penganutnya supaya mencintai orang-orang yang membuat kebajikan dan memperingatkan mereka tentang
keelokan amalan tersebut serta mengiranya sebagai amalan yang
boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan mempunyai kelebihan yang besar. Firman Allah:

Maksudnya:
"Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat seraya mereka tunduk (kepada Allah). Dan barangsiapa yang mengambil Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti mendapat kemenangan".
Al-Maidah : 55-56

Begitu juga Allah s.w.t memuji orang-orang Ansar kerana cinta mereka yang mendalam terhadap saudara mereka dari golongan Muhajirin dengan firmanNya:

Maksudnya:
"Dan orang-orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman (Ansar) sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin) mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-

apa yang diberikan kepada Muhajirin dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) atas diri mereka sendiri sekali pun mereka dalam kesusahan. Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung"
Al-Hasyr: 9

Rasulullah saw juga telah bersabda:

Maksudnya:
"Seorang itu akan bersama orang yang dikasihinya."

Fathul Bari : 10/ 573 no.6168

Maksudnya:
"Tiga perkara, sesiapa yang ada pada dirinya maka ia mendapat kemanisan iman:
-Hendaklah ia mengasihi Allah dan RasulNya lebih dari yang lain.
- Dia mengasihi seseorang semata-semata kerana Allah.
- Dia benci untuk kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya darinya sebagaimana ia benci dicampakkan ke dalam neraka".

Fathul Bari : 1/77 no: 16

Banyak lagi ayat-ayat dan hadis-hadis yang memberi pengertian yang sama. Oleh itu menjadi kewajipan seorang muslim mencintai para solihin dengan kecintaan yang berasaskan kepada kesedaran dan kesederhanaan bukan membenci atau melampau dalam mencintai mereka. Manakala permusuhan terhadap orang-orang soleh dan membenci mereka adalah satu kesalahan yang besar. Cukuplah apa yang dinyatakan oleh Allah s.w.t.di dalam hadis qudsi sebagai bukti:

Maksudnya:
"Sesiapa yang memusuhi waliKu, maka Aku telah mengizinkan agar ia diperangi."[1]

Fathul Bari : 11/348 no: 6502

”Siapakah wali Allah ?

Ramai di kalangan manusia (pada hari ini) tersilap, justeru kerana kejahilan dan kelalaian mereka. Lalu mereka meletakkan kaedah-kaedah yang menghairankan, mereka menyempitkan (kaedah) yang sedia terbentang luas dan meluaskan yang terbatas. Maka lahirlah kata-kata mereka tentang para wali.

Pada pandangan mereka, wali itu ialah orang yang dibina kubah di atas kuburnya, boleh mendatangkan perkara-perkara ajaib yang luar biasa dan bertentangan dengan adat kebiasaan, sekadar itu.....Lalu Al-imam asy-syahid mendatangkan satu ta'rif yang terbaik terhadap wali-wali Allah iaitu ta'rif Al-Quran. Allah s.w.t telah berfirman:

Maksudnya:

"Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah, tiada ketakutan terhadap mereka dan tiada pula mereka berdukacita. "
(Yunus: 62-63)

Maka wali ialah: Setiap insan yang beriman dan bertaqwa samada dibina kubah di atas kuburan mereka, berlaku keramat atau sebaliknya.

Al-Quran juga telah memberikan ta'rif yang sama dan disebut
di dalam beberapa ayat, antaranya:

Maksudnya:
"Allah adalah pelindung bagi oarang-orang yang beriman."
(Al-Baqarah: 257)

Maksudnya: "Yang demikian itu kerana Allah adalah wali bagi orang-orang yang beriman."
(Muhammad: 11)

Kewujudan keramat bagi wali-wali

Terdapat tiga pendapat mengenai kewujudan keramat dan perkara-perkara yang menyalahi adat:

* Satu golongan tidak mempercayai wujudnya keramat kecuali ke atas nabi-nabi.
* Golongan kedua menganggap segala keajaiban yang berlaku itu tanda seseorang itu adalah wali tanpa membezakan sama ada ianya keramat yang lahir dari keimanan seseorang atau ianya merupakan perkara luar biasa yang bersifat kesyaitanan. Bagi mereka semua itu adalah wali.
* Manakala golongan ketiga pula berpendapat bahawa keramat itu berlaku kepada wali-wali Allah dan mereka meletakkan perbezaan di antaranya dengan perkara luarbiasa yang berunsur kesyaitanan yang terjadi di kalangan orang-orang derhaka. Pendapat ini adalah benar.[1]
Lihat Al-Fatawa: 11/294-295

Menthabitkan keramat hanya untuk wali-wali Allah merupakan asas kepercayaan Ahli Sunnah.

Sheikhul Islam Ibnu Taimiyyah berkata:
"Termasuk di dalam asas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah membenarkan keramat yang terjadi pada wali-wali Allah dan segala perkara yang menyalahi adat yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka samaada dalam berbagai bidang ilmu, kasyaf dan berbagai bentuk kekuatan dan kesan-kesan luar biasa seperti yang pernah berlaku ke atas umat terdahulu seperti yang tercatat dalam surah Al-Kahfi dan surah-surah yang lain begitu juga gambaran realiti yang pernah berlaku ke atas para sahabat, tabi'in dan ummah yang hidup di sepanjang zaman. Perkara ini tetap berlaku hingga hari qiamat".[1]
Al-Fatawa: 3/156

Syarat-syarat syara' bagi keramat

Kadang-kadang berlaku perkara-perkara yang menyalahi adat, maka adakah setiap perkara luar biasa yang menyalahi adat dianggap sebagai keramat dan orang itu dianggap sebagai wali Allah? Jawapannya tentunya tidak.

Setiap perkara yang menyalahi adat yang terbit dari orang yang beriman lagi bertaqwa dan mengikut jalan Rasulullah saw baik zahir mahupun batinnya maka ia dikira sebagai keramat dan orang itu dikira sebagai wali. Adapun kejadian luar biasa yang terbit dari manusia yang bergelumang dengan kemungkaran dan melakukan perkara yang diharamkan dan mengabaikan kewajiban-kewajiban maka kejadian itu lahir dari tipudaya syaitan dan orang itu merupakan musuh Allah.

Maka kesimpulannya: Syarat dan sebab keramat ialah iman, taqwa serta mengikut Rasulullah saw. Di sini dinyatakan beberapa pendapat ulamak yang menguatkan kesimpulan tersebut:

Syaikhul Islam Ibnu Taimiah berkata:

"Terdapat di sana beberapa perbezaan di antara keramat para wali dengan sesuatu yang hampir sama yang lahir dari tipu muslihat syaitan dalam beberapa perkara. Antaranya, keramat para auliya' berpunca dari iman dan taqwa, sedangkan keajaiban yang lahir dari tipu muslihat syaitan berpunca kerana melanggar tegahan Allah swt dan RasulNya saw."

Al-Fatawa : 11/287, 302

Beliau berkata lagi:
"Para auliya' Allah telah sepakat mengatakan bahwa jika didapati seorang lelaki yang mampu terbang di udara atau berjalan di atas air janganlah terpedaya dengannya sehingga diperhatikan sejauh mana ia mengikuti jejak-langkah Rasulullah saw dan menuruti segala perintah dan larangannya." (Al-Fatawa: 11/214)

Selepas Imam Asy-Shaatibi mengemukakan permasalahan ilham dan mimpi. Beliau kemudiannya menerangkan bilakah perkara tersebut harus diberi perhatian dan dikira, lalu beliau berkata (Lihat Al Muwaafaqaat: 2/266-267) : "Perkara seperti ini tidak perlu diambil perhatian dan dikira melainkan dengan syarat ianya tidak menggugurkan hukum syara' dengan alasan tidak dikenakan ke atas dirnya, malahan semua itu adalah khayalan, sangkaan atau pun pengaruh syaitan. Kadang-kadang ia bercampur-aduk dengan kebenaran dan kadang-kadang tidak. Itu semua tidak boleh dikira dari sudut pertentangannya dengan apa yang thabit dan disyariatkan. Ini kerana syariat yang dibawa oleh Rasulullah saw adalah umum bukannya khusus".

Antara contohnya, satu masalah yang ditanya kepada kepada Ibnu Rushd dimana dua orang yang terkenal dengan sifat adil menjadi saksi di dalam satu kes di hadapan seorang hakim. Hakim itu melihat di dalam mimpinya bahwa Rasulullah saw bersabda

kepadanya: "Jangan engkau menghukum dengan saksi ini kerana ia batil. "Maka mimpi seperti ini tidak boleh dijadikan sebagai bukti, baik dalam bentuk suruhan atau tegahan, dan bukan khabar gembira dan bukan peringatan kerana ia membocorkan (mencacatkan) satu kaedah dari kaedah-kaedah syara'. Sekiranya perkara ini dibolehkan maka bolehlah dibatalkan hukum-hakam dengannya, sekali pun pada zahirnya (berdasarkan keterangan saksi-saksi) boleh dijatuhkan hukum yang tertentu. Dan ini tidak betul sama sekali.

Telah disebut di dalam As-Sahih (Bukhari & Muslim) bahwa Rasulullah saw bersabda:

Maksudnya:
"Sesungguhnya kamu berbantah-bantahan di hadapanku. Mungkin sebahagian daripada kamu lebih mantap hujjahnya berbanding dengan sebahagian yang lain. Maka aku menghukum berdasarkan apa yang aku dengar daripadanya ....."
Riwayat Syaikhan

Hukum diletakkan berdasarkan apa yang didengar bukan disandarkan kepada perkara-perkara yang lain. Kebanyakan hukum-hukum yang diputuskan oleh Rasulullah saw adalah dilihat kepada asalnya serta kandungannya yang terdiri dari kebenaran dan kebatilan. Tetapi Rasulullah saw tidak akan menghukum melainkan bertepatan dengan apa yang didengar bukan apa yang diketahui dan atas asas ini, para hakim adalah ditegah menjatuhkan hukuman berdasarkan apa yang mereka ketahui.

Pendapat yang masyhur dari Imam Malik memutuskan bahwa apabila seorang adil menjadi saksi pada satu kes yang bertentangan dengan apa yang diketahui, maka hakim wajib menghukum berdasarkan persaksian mereka, selagimana tidak didapati saksi itu sengaja melakukan pendustaan. Ini adalah kerana kalau beliau tidak menghukum berdasarkan persaksian mereka, maka bererti beliau menghukum mengikut apa yang beliau ketahui. Ini jika pengetahuan hakim itu berdasarkan kepada adat kebiasaan yang tidak diragukan. Lebih-lebih lagi jika daripada berdasarkan perkara yang luarbiasa yang diresapi oleh perkara-perkara lain.

Imam Malik berkata lagi ditempat yang lain: "Adapun beramal berdasarkan kejadian luarbiasa yang bertepatan dengan hal sebenar, tidaklah menjadi satu kesalahan. Contohnya bermimpi pada perkara yang harus seperti seorang kasyaf yang bermimpi bahawa si fulan ingin menemuinya dalam waktu sekian, atau mengetahui niat baik atau jahat kedatangannya, atau mengetahui bisikan hatinya atau pegangan (i'tiqad) benar atau salah dan seumpamanya. Lalu ia bersiap-sedia berdasarkan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku atau berlindung dari kedatangannya sekira ia bermaksud jahat. Maka perkara-perkara ini adalah harus baginya sepertimana harus baginya beramal berdasarkan apa yang telah disyari'atkan bukan apa yang dikehendaki di dalam mimpinya.

Percanggahan yang wujud di antara kejadian luarbiasa dengan syari'at adalah bukti bahawa kejadian itu sendiri adalah batil, walaupun zahirnya seperti keramat tetapi ia bukan keramat malah ia adalah antara amalan-amalan syaitan. Ini nyata seperti yang diceritakan oleh 'Iyadh ( ) tentang kisah seorang faqih yang bernama Abu Maisarah Al-

Maliki. Pada suatu malam beliau berada di mihrabnya mengerjakan sembahyang, berdoa dan mendekatkan diri kepada Allah sehingga ia merasakan kejernihan hatinya, tiba-tiba mihrab terbelah dan keluar daripadanya cahaya yang terang-benderang kemudian berubah rupa seperti bulan lalu ia berkata kepadanya: "Limpahilah (dirimu) dengan cahayaku, wahai Abu Maisarah. Akulah tuhanmu yang maha tinggi. Lantas Abu Maisarah meludah kepadanya sambil berkata: "Pergi wahai jahanam, sesungguhnya laknat Allah ke atasmu."

Begitu juga peristiwa yang berlaku ke atas Abdul Kadir Al-Kilani ketika ia merasa terlalu dahaga lalu awan pun berarak tiba menitiskan sesuatu yang menyerupai hujan renyai-renyai. Setelah ia selesai minum, tiba-tiba bergema suara dari celah-celah awan : "Wahai fulan! Akulah tuhanmu. Sesungguhnya aku telah menghalalkan bagimu perkara-perkara yang diharamkan, lantas Abdul Kadir menjawab: "Pergilah engkau wahai laknat!". Lalu awan tadi pun hilang. Ia ditanya, "Bagaimana engkau mengetahui bahwa itu adalah Iblis? Jawabnya: "Kerana ia menghalalkan benda-benda yang diharamkan". Ini dan lain-lain yang seumpamanya, sekiranya syara' tidak meletakkan hukum padanya, nescaya tidak diketahui bahwa itu adalah syaitan.

Para auliya' tidak mampu memberi menafaat atau mendatangkan mudarat

Seorang insan, sejauhmana pun ia mampu mencapai tahap keimanan, kebaikan dan ketaqwaan, namun hakikatnya ia tetap hamba Allah swt. Di sana terdapat sebilangan manusia yang mencampur-adukkan di antara penghormatan terhadap para auliya' dengan sifat-sifat uluhiyah (ketuhanan) sedangkan ini adalah salah dan boleh mendatangkan kesan yang amat buruk.

Al-imam asy-syahid telah menyebut tentang hakikat Al-Quran yang sebenarnya yang mampu memelihara iman seorang hamba dan memberikan kepada si empunya akan haknya dengan adil dan saksama. Lalu Imam Asy-Syahid menerangkan bahawa para wali patut mendapat penghormatan dan pujian. Tetapi mempercayai bahawa pada diri mereka itu ada sifat-sifat ketuhanan, mampu memberi menafaat atau mendatangkan mudharat adalah dilarang kerana mereka adalah hamba-hamba Allah Tuhan Sekelian Alam. Yang dapat mendatangkan mudharat dan memberikan menafaat hanyalah Allah sahaja tiada siapa yang boleh menandinginya. Sedangkan para wali Allah sendiripun pada hakikatnya tidak mampu memberikan apa-apa manfaat pada dirinya dan orang lain. Inilah yang diperkatakan di dalam Al-Qur'an dengan perbicaraan yang jelas dan terang. Allah berfirman:

Maksudnya:
"Sekiranya Allah menimpakan sesuatu kemudaratan kepadamu, maka tiada yang dapat menghilangkannya melainkan Dia. Dan jika Allah menghendaki kebaikan bagimu, maka tidak ada yang dapat menolak kurnianya".
(Yunus: 107)

Dan Allah juga memerintahkan nabinya supaya berkata:

Maksudnya:
"Katakanlah, Aku tidak berkuasa menarik kemanfaatan bagi diriku dan tidak (pula) menolak kemudaratan kecuali yang dikehendaki Allah. Dan sekiranya aku mengetahui yang ghaib, tentulah aku membuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan aku tidak ditimpa kemudaratan. Aku tidak lain hanyalah pemberi peringatan dan pembawa berita gembira bagi orang-orang beriman".
(Al A'raf : 188)

Maksudnya:
"Katakanlah, sesungguhnya aku tidak kuasa mendatangkan sesuatu kemudaratan dan (tidak) pula sesuatu kemanfaatan."
(Al-Jin: 21)

Dengan ini Al-imam asy-syahid telah menunjukkan satu kefahaman yang betul yang mampu memelihara seorang individu itu dari keterlaluan atau bersifat cuai. Inilah manhaj Al-Quran.

USUL YANG KEEMPAT BELAS

Menziarahi mana-mana kubur adalah perkara yang disyariatkan tetapi hendaklah dengan caranya yang ma'thur. Namun begitu, meminta pertolongan, memanggil orang mati (walaupun siapa dia), meminta tunaikan hajatnya darinya secara dekat ataupun jauh, bernazar kepada mereka, membina perkuburan dan menerangkan kubur mereka, menyapu-nyapunya, bersumpah dengan selain dari nama Allah dan sebagainya adalah perkara bid'aah yang merupakan dosa besar yang wajib diperangi. Kita tidak mentakwilkan perkara-perkara ini bagi menyekat daripada keburukan (Saddu al-Zara'i).

KETERANGAN

Hubungan usul ini dengan usul yang terdahulu

Dalam usul yang lalu, Al-imam asy-syahid telah membicarakan persoalan auliya', sifat-sifat mereka dan kewajipan kita terhadap mereka ... lalu di sini diterangkan kewajipan-kewajipan lain yang wajib ke atas kita terhadap mereka dan beberapa perkara lain yang tidak sepatutnya diberikan kepada mereka. Maka dalam usul ini, beliau memberikan penumpuan yang serius kepada pemeliharaan 'aqidah agar sentiasa suci bersih dari segala bid'ah dan kesamaran serta menutup pintu kemungkaran yang mengeruhkan kesuciannya. Inilah dia manhaj Al-Qur'an dan sunnah di dalam memelihara 'aqidah.

Ziarah kubur adalah sunat

Menziarahi kubur merupakan satu perkara yang boleh melembutkan hati dan membersihkan jiwa seseorang kerena ia boleh memberi peringatan tentang 'alam akhirat dan menghilangkan ingatan terhadap dunia yang fana' ini. Maka lahirlah di sana keinginan untuk bersegera melakukan kebaikan, menjauhi perkara-perkara kerosakan dan kemungkaran.

Lantaran itu, Rasulullah saw telah menggalakkan umatnya menziarahi kubur. Baginda bersabda:

Maksudnya:
"Aku telah menegah kamu dari menziarahi kubur, maka sekarang kamu ziarahilah kerana ia boleh menjadikan kamu zuhud terhadap dunia dan mengingatkan kamu kepada hari akhirat". (Ibnu Maajah: 1/501 no: 1571)

Oleh kerana tujuan menziarahi kubur adalah untuk memberi peringatan dan kesedaran, maka ia adalah diharuskan walau siapa sekalipun; kubur auliya' yang soleh, ahli ma'siat atau musuh-musuh yang kafir lagi zalim, Sekiranya mereka itu adalah orang-orang yang zalim, maka disunatkan menangis dan menunjukkan rasa rendah diri kepada Allah tatkala melintasi kubur atau tempat kemusnahan mereka. Al-Bukhari telah meriwayatkan satu hadis daripada Ibnu 'Umar r.a bahawa Rasulullah saw telah bersabda kepada sahabat-sahabatnya tatkala melintasi perkampungan Tsamud:

Maksudnya:
"Jangan kamu masuk ke (perkampungan) orang-orang yang diazab ini melainkan dengan menangis. Sekiranya kamu tidak (mampu) menangis, maka jangan kamu memasukinya agar kamu tidak ditimpa (bencana) sepertimana yang menimpa mereka".[1] (Fathul Baari: 1/631 no: 433)

Sifat ziarah kubur

Ziarah seperti ini adalah dituntut dan terdapat di sana sifat-sifat yang khusus yang ditunjukkan oleh sunnah Rasulullah saw iaitu penziarah mengucapkan salam dan berdoa untuk si mati. Buraidah ra. berkata: "Rasulullah saw mengajar para sahabatnya tatkala pergi ke kuburan agar berkata :

Maksudnya:
"Selamat sejahtera ke atas kamu, wahai penghuni kampung (kubur) yang terdiri dari hamba-hamba yang beriman dan orang-orang Islam. Kami ini, dengan izin Allah akan mengikuti jejak-langkah kamu. Aku meminta kepada Allah agar mengurniakan kesejahteraan buat kami dan kamu."[2] (Muslim: 2/172 no: 975)

Adapun kelakuan si jahil yang mengusap-ngusap kubur, menciumnya, tawaf sekitarnya, sujud di atasnya, menyeru si mati dan yang seumpama itu merupakan ziarah bid'ah yang diharamkan.

Pengharaman memohon pertolongan dari orang-orang yang telah mati.

Islam telah berusaha mendidik penganut-penganutnya dengan didikan yang berdasarkan kepada iman yang hidup lagi bersih dan keikhlasan yang ditumpukan sepenuhnya kepada Allah swt. Lalu Islam mengunci semua pintu-pintu ekstrims serapat-serapatnya dan tidak akan membiarkan mana-mana lubang yang boleh membawa kepada penyelewengan 'aqidah melainkan ia akan menutupnya dengan seluruh kekuatan dan terang-terangan.

Namun kebanyakan manusia setelah berlalu masa yang panjang hati-hati mereka menjadi keras dan lalai. Tipu-daya syaitan mempengaruhi mereka, dan penjajah dan para pengikut mereka menyebarkan benih-benih kejahilan maka keluarlah buah-buahnya yang pahit.

Justeru itu manusia amat berhajat kepada peringatan dari semasa ke semasa. Al-imam asy-syahid adalah di antara mereka yang sering memberi peringatan, menyeru manusia

kepada 'aqidah yang benar-benar hidup, bersih, jernih dan terpelihara dari segala bid'ah dan kemungkaran. Itulah 'aqidah Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Beliau menyebut beberapa perkara yang diharamkan untuk menjadi petunjuk kepada perkara-perkara lain (yang hampir sama). Semua ini beliau ceduk dari Al-Qur'an dan As-Sunnah yang merupakan asas rujukan setiap individu muslim di dalam mengenali hukum-hakam Islam. Kami akan menyebut beberapa perkara tadi dengan dalilnya sekali.

* Memohon pertolongan hanyalah semata-mata kepada Allah,
bukan kepada yang lain. Allah berfirman

Maksudnya:
"PadaMulah kami menyembah dan padaMulah kami memohon pertolongan.
(Surah Al Faatihah)

Sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:
"Apabila engkau meminta, maka pintalah kepada Allah dan sekiranya engkau memohon pertolongan, pohonlah kepada Allah." (At Tabraani Kanzul 'Ummaal jilid 1)

* Do'a dan memohon pertolongan tidak boleh ditujukan melainkan kepada Allah. Allah berfirman:

Maksudnya:
"Janganlah engkau sembah selain daripada Allah sesuatu yang tiada bermanfaat dan tiada pula mendatangkan mudarat kepada engkau. Jika engkau perbuat (demikian itu) nescaya engkau termasuk orang-orang yang aniaya."
(Yunus: 106)

Firmannya lagi:

Maksudnya:
"Siapakah yang terlebih sesat dari orang yang menyembah selain daripada Allah (berhala) yang tidak dapat memperkenankan permohonan sampai hari kiamat, sedang berhala itu lalai (tiada mengerti) permohonan mereka itu".
(Al Ahqaaf: 5)

* Demikian juga Islam telah mengharamkan membina binaan di atas kubur dan menyelimutinya.

Nazar adalah ibadat. Allah memuji orang-orang yang menunaikan nazarnya untuk mengangkat kedudukan ibadat ini (di dalam Islam), kerana itu adalah tidak wajar bernazar kepada sesuatu selain Allah. Allah berfirman sebagai pujian kepada orang-orang yang taat:

Maksudnya:
"Orang yang menunaikan nazar."
(Al Insaan: 7)

Firman Allah lagi:

Maksudnya:
"Apa sahaja yang kamu nafkahkan atau apa sahaja yang kamu nazarkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."
(Al Baqarah: 270)

Demikian juga membina kubur dan menyelimutinya Daripada Abul Hiyaj Al-Asadi katanya: "Ali r.a berkata kepadaku: Ketahuilah, aku berpesan kepada engkau sebagaimana Rasulullah saw berpesan kepadaku:

Maksudnya: "Janganlah engkau biarkan patung-patung melainkan engkau membinasakannya dan begitu juga kubur para wali kecuali engkau akan meratakan (tanahnya)." (666/2 no: 969)

Rasulullah saw juga telah bersabda

Maksudnya:
"Allah melaknat perempuan-perempuan yang menziarahi kubur dan orang-orang yang menjadikan kubur itu sebagai masjid dan memasang pelita padanya".
(At Tirmizi: 2/136 no: 320)

Sesungguhnya 'ulamak telah sepakat mengharamkan pembinaan kubur-kubur, menyelimuti, menerangi dengan cahaya dan mengusap-ngusapnya.

Ibnu Hajar berkata:

"Wajib bersegera meruntuhkan masjid-masjid dan kubah-kubah yang dibina di atas kubur kerana ia lebih mendatangkan mudharat daripada Masjid Dhirar kerana ianya (Masjid Dhirar) diasaskan di atas maksiat kepada Rasulullah saw. Baginda melarang semua itu dan memerintahkan agar membinasakan kubur-kubur yang dimuliakan, wajib membuang segala pelita dan lampu yang diletak di atas kubur serta tidak sah waqaf dan bernazar padanya". (Lihat Fiqhus Sunnah: 1/548-552)

Perkara-perkara seperti ini merupakan perkara mungkar yang diharamkan kerana ia boleh menyesatkan orang ramai (masyarakat umum), pembaziran harta-benda dan kembali ke zaman jahiliah yang gelap-gelita.

Kita tidak menta'wilkan semua itu untuk menutup pintu kemungkaran. Islam telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memelihara kesucian 'aqidah tauhid dari sebarang bentuk syubhat. Justeru itu Islam telah menutup setiap pintu kemungkaran yang boleh mengeruhkan kesuciannya. Untuk tujuan itu, Al-imam asy-syahid tidak bersetuju ke atas sebarang ta'wil bagi mengharuskan perkara tersebut, kerana Allah

Maha Kaya dari sebarang bentuk bid'ah dan apa yang terkandung di dalamnya. Perkara-perkara itu tetap akan mendatangkan mudharat yang amat buruk walaupun seseorang itu berniat baik. Apakah kebaikan (yang boleh didapati) dari pekerjaan yang boleh mendatangkan mudharat dan tidak memberi sebarang manfaat sedangkan Allah Maha Kaya dari semua itu?

Persoalan

Setengah orang tertanya-tanya: "Mengapakah Al-imam asy-syahid tidak menyifatkan amalan mungkar ini sebagai syirik?" Jawapan kami: Ini merupakan (tanda-tanda) kebijaksanaan Al-imam asy-syahid dalam menyampaikan da'wahnya kepada orang lain dengan kelembutan dan kehalusan. Beliau bukan sekadar menerangkan bahaya jenayah ini malah ia menyampaikannya dengan cara lembut dan halus. Beliau mensifatkan amalan ini sebagai dosa besar lalu diikuti dengan katanya "wajib memeranginya". Kemudian beliau tidak bersetuju kepada sebarang ta'wil yang mengharuskan amalan ini sebagai menutup pintu kemungkaran. Maka, adakah dengan cara ini mampu menyampaikan tujuan yang diingini atau sebaliknya? Demi Tuhan: Ya,sememangnya mampu.

USUL KELIMA BELAS

Doa kepada Allah yang disertai dengan tawassul dengan seseorang dari makhluk adalah termasuk dalam masalah khilaf furu' dalam masalah cara berdoa dan ia bukannya dari masalah akidah.

KETERANGAN

Di dalam usul ini Al-imam asy-syahid memberi penjelasan terhadap satu isu yang membawa kepada perdebatan yang berpanjangan di masjid-masjid dan di atas lembaran-lembaran majalah dan suratkhabar. Isu yang menyebabkan berlakunya perpecahan hati, caci-mencaci ke'aiban masing-masing dan tuduh-menuduh dengan kejahilan dan kekafiran sedangkan dalam masa yang sama penjajah menguasai watan dan memusnahkan negara.

Al-Imam asy-syahid lantas menerangkan hakikat dan batas-batas tertentu terhadap gambaran permasalahan yang sebenar iaitu masalah tawassul. Kemudian beliau menerangkan bentukdan kedudukannya di dalam masalah agama.

Keterangan dan hukuman beliau ini agak sederhana dan'adil sehingga hati orangramai tertumpu padanya dan mampu bersatu semula selepas terjadinya perpecahan danperselisihan.

Gambaran masalah

Masalah tawassul yang dimaksudkan oleh Al-imam asy-syahid ialah ucapan seseorang: "Wahai Tuhanku! Aku memohon kepadaMu dengan kemegahan sifulan atau haknya atau yang seumpamanya"

Iaitu tumpuan sepenuhnya hanyalah pada Allah bukan padayang lain. Namun di samping itu ia menjadikan seseorang sebagai perantaraan.

Hukum gambaran seperti ini

Al-Imam asy-syahid telah menjelaskan bahwa masalah seperti ini termasuk dalam masalah ijtihadiah iaitu yang termasuk dalam linkungan pendapat yang kuat (rajih) dan yang lemah (marjuh), di mana setiap golongan berpegang berdasarkan hujjah-hujjah masing-masing.

Inilah yang dimaksudkan dengan katanya: "Perselisihan disudut furu'". Berpegang kepada mana-mana pendapat tidak membawa kepada kerosakan i'tiqad dan tidak membawa kepada kesesatan.

Pendapat Al-imam asy-syahid ini adalah pendapat yang disepakati oleh para ulamak yang terkemuka.

Ibnu Taimiyyah juga menerangkan bahwa gambaran sepertiini termasuk dalam masalah khilafiah yang diharuskan berijtihad serta tidak boleh "ilzam Menetapkan secara putus boleh atau tidaknya padanya. Beliau berkata tentang perselisihan padanya:

"Malahan matlamatnya ialah untuk membolehkan ijtihad pada perkara itu dan setiap perselisihan umat mestilah kembali kepada Allah (Al-Qur'an) dan RasulNya (As-Sunnah)." (Al-Fatwa : 1/179)

Diterangkan juga bahawa perselisihan pada masalah seumpama ini, tidak seharusnya membawa kepada berlakunya pemulauan dan persengketaan. Lebih-lebih lagi menjatuhkan hukuman (sesuka hati).

Ibnu Taimiah berkata lagi:
"Adapun bahagian ketiga yang dinamakan sebagai "Tawassul": Iaitu bersumpah atau meminta (sesuatu) kepadaAllah dengan (perantaraan) para nabi dan orang-orang soleh. Sesungguhnya tidak seorang pun mampu menaqalkan sesuatu yang thabit dari Rasulullah saw, baik dalam masalah bersumpah ataumeminta denganNya atau pun bersumpah atau meminta dengan selain daripadaNya.

Walaupun terdapat sebilangan ulamak yang mengharuskannya. Namun begitu telah thabit dari kebanyakan ulamak bahawa mereka menegah daripadanya (tawassul). Ianya adalah masalah khilafiah seperti yang telah diterangkan dahulu dan setiap perselisihan hendaklah dikembalikan kepada Allah dan RasulNya. Setiap orang mestilah menyatakan hujjah-hujjah masing-masing seperti dalam semua masalah khilafiah.

Ini bukanlah termasuk dalam masalah 'uqubah (hukuman) berdasarkan ijma' Muslimin. Malah orang yang menghukum itu dikira sebagai jahil lagi zalim. Sesungguhnya orang yang membolehkannya dalam masalah ini, sekadar mengatakan apa yangtelah di sebut oleh para ulamak. Adapun orang yangmengingkarinya, mereka tidak mempunyai dalil yang wajibdiikuti, baik (yang didatangkan) dari Nabi mahupun para sahabat" (Al-Fatawa: 1/285-286)

Inilah dia bentuk dan kedudukan masalah yang sebenarnya di dalam permasalahan agama. "Masalah ijtihadiah,perselisihan dan khilaf pada masalah furu'"

Adapun pandangan yang rajih pada gambaran permasalahanini merupakan topik lain yang tidak dikemukakan oleh Al-imamasy-syahid kerana beliau hanya memfokaskan perbicaraan padausul yang dibai'ah ke atasnya dan iltizam dengannya. Oleh itu masalah ini merupakan masalah yang wajib ittifaq (sepakat) keatasnya. Perkara yang boleh disepakati di dalam kedudukan iniialah masalah ini masalah khilafiah. Inilah yang dipersetujuioleh Al-imam asy-syahid. Adapun bersepakat menegah ataumengharuskannya adalah sesuatu yang tidak mungkin. Malahtiada salahnya membuat penelitian secara ilmiah yang bersihterhadap perkara ini dalam kontek

kecintaan kepada Allah danbantu-membantu untuk mencapai hakikat sebenar tanpamenjatuhkan seseorang itu ke dalam persengketaan yang dicela,ta'sub, mengkafir atau memfasikkan orang lain.

ỤSUL KEENAM BELAS

Uruf yang salah tidak akan menukarkan hakikat lafaz syariat bahkan kita wajib memastikannya dari hudud makna yang dimaksudkannya dan berhenti di situ. Begitu juga wajib kita berjaga-jaga dari tertipu dengan kata-kata dalam setiap aspek perkara dunia dan juga agama. Yang diambil kira pada sesuatu ialah apa yang dinamakan dan bukan nama-nama yang diberikan.

Keterangan

Dalam usul ini, Al-imam asy-syahid menetapkan sejauh mana penguasaan syara' ke atas suluk (perangai/kelakuan) dan iamerupakan penentu hukum bukannya 'uruf atau adat istiadat manusia. Al-imam asy-syahid menyeru agar mengenali maksud dari lafaz-lafaz dan istilah-istilah syara' dari sudut hakikat dan kandungannya dan hendaklah sentiasa berwaspada dari orang-orang sesat lagi menyeleweng yang mengangkat panji-panji kepalsuan yang pada zahirnya nampak baik sedangkan pada hakikatnya buruk. Ramai manusia jatuh terperangkap ke dalam jaring 'uruf yang salah dan menjadi mangsa syiar-syiar golongan sesat lagi penipu.

Takrif 'uruf

'Uruf ialah sesuatu yang menjadi kesukaan masyarakat,kebiasaan mereka dalam kehidupan, baik berbentuk perkataanatau perbuatan. 'Uruf dan adat memberi makna yang satu disisi fuqaha'.[1] (Al-Wajiz Fi Usul Fiqh: Abd Karim Zaidanâ)

* Contoh 'uruf yang berbentuk perbuatan:
- Pembahagian mahar kepada segera dan bertangguh.
- Jual-beli dengan pertukaran tanpa lafaz

* Contoh 'uruf yang berbentuk perkataan:
- Penggunaan lafaz "daging" ( ) kepada yang bukan ikan dan lafaz "budak" ( ) kepada lelaki bukannyaperempuan.

'Uruf sahih (betul) dan 'uruf fasid (rosak)

'Uruf yang betul ialah yang tidak bercanggah dengan mana-mana nas dari nas-nas syara', tidak menghilangkan "maslahah mu'tabarah" Maslahah yang dinyatakan oleh nas.â ( ) dan tidak membawa kepada "mafsadah rajihah Kemudharatan lebih dari kebaikan. ( )

Contohnya: Kebiasaan masyarakat bahawa sesuatu yangdiberikan seorang lelaki kepada tunangnya dikira sebagaihadiah yang tidak termasuk di dalam mahar. Manakala 'uruf yang fasid ialah kebiasaan yangbertentangan dengan nas syara', membawa mudharat ataumenghilangkan maslahat.

Contohnya: Menggunakan 'aqad yang batil seperti berhutang dengan riba dari bank atau individu tertentu.

Pendirian kita terhadap 'uruf yang salah

Menjadi kewajiban ke atas muslim, bahawa setiap kelakuannya (suluk), baik yang zahir mahupun yang batin hendaklah tunduk kepada manhaj Tuhannya dan kehendak-kehendak syari'ah. Dia mestilah menghalal dan mengharamkansesuatu yang telah dihalal dan diharamkan oleh Allah swt, berhenti di atas batas-batas yang Allah tentukan dan tidakmelewatinya walau dalam situasi apa sekalipun. Ia mestilahmenimbang setiap perkara dengan mizan (neraca) syara', makasetiap yang bertepatan dengan syara' hendaklah dilakukan dandiakui dan apa yang bertentangan dengannya hendaklah ditolakdan diingkari kerana syara' tinggi dan tiada yang lebih tinggi darinya. Manusia mempunyai kebiasaan-kebiasaan dan adat-adat yang telah sebati dalam kehidupan mereka. Sebahagiannya menyebabkan mereka cenderung kepada bersikap keterlaluan dan sebahagiannya pula membawa mereka cenderungkepada bersikap cuai. Justeru itu, menjadi kewajipan ke atasmuslim dalam menghadapi kebiasaan ('uruf) seperti ini, bahawa ia tidak cenderung bersamanya, malah hendaklah ia melazimi kesederhanaan syara' dan hakikatnya yang telah thabit. Perkara ini dijelaskan dengan misal:

1)* Setengah manusia menganggap satu perkara biasa apabilaseorang lelaki bersen¬dirian bersama tunangnya ataukeluar bersamanya untuk bersiar-siar tanpa ada batasan.

* Menjadi kebiasaan setengah orang pula bahawa seseorang itu tidak perlu melihat tunangnya malah cukup denganmendengar khabarnya sahaja. Pendirian syara' yang sebenar ialah: Syara' mengharuskan melihat tunang, berkenal-kenalan dan berbual dengannya tanpa keterlaluan atau terlalu romantik. Malah dengan adab yang tidak menjatuhkannya ke dalam perkara yang diharamkan, ditempat yang terang tanpa berdua-duaan kerana ia boleh menimbulkan keraguan.

* Begitu juga dalam mengiklankan perkahwinan, kitadapati menjadi kebiasaan setengah orang mengiklankannyadengan keramaian dan hiruk-pikuk, majlis di larut malamyang ternoda dengan jamuan arak, tarian dan nyanyian keji serta pergaulan bebas yang tercela.

Setengah manusia pula kita dapati hampir-hampir membataskan dan menyempitkannya seolah-olah majlis itu merupakan rahsia atau tersembunyi dengan tujuan agar tidak menyerupai orang-orang fasiq di dalam mengiklankan perkahwinan.

Dua keadaan di atas adalah dicela. Syara' menyuruh dan menggalakkan supaya ianya diiklankan, dibolehkan memukul gendang dan nyanyian yang diharuskan oleh syara' sempena keramaian begini. Juga digalakkan lelaki dan wanita turut serta sebagai meraikan kedua mempelai, tetapi hendaklahdengan adab-adab, kesopanan dan ucapan-ucapan yang baik serta tidak berlakunya pergaulan bebas.

Menjadi kewajiban ke atas seorang muslim mengetahui dengan jelas apa yang dikehendaki dari lafaz-lafaz syara' serta batas-batasnya seperti lafaz "melihat kepada tunang dan mengiklankan perkahwinan". Serta hendaklah ia berhenti disisinya, bergerak bersamanya tanpa memandang kepada 'uruf-'uruf orang yang menokok-tambah serta melampaui batas dan orang yang lalai serta penuh dengan sangkaan.

Waspada dari tipuan lafaz-lafaz

Setengah-setengah pendusta yang sesat, berusaha untuk menipu orang-ramai dengan bersembunyi di sebalik lafaz-lafaz yang diubah dan cogankata yang dihiasi. Natijahnya orang ramai terjatuh kedalam lembah kehinaan dan menjauhkan mereka dari kemuliaan. Adalah menjadi kewajipan seorang muslim agar sentiasa sedar dan berwaspada terhadap penipuan-penipuan yang berlaku, serta tidak tergoda dengan cogankata-cogankata sebelum menyelidikinya hakikatnya, begitu juga tidak terpengaruh dengan nama-nama (gelaran) selain dari kandungannya. Khususnya, Rasulullah saw sendiri telah memberitahu kita tentang wujudnya satu golongan dari pendusta-pendusta yang menyesatkan, dimana mereka ini menghalalkan apa yang telah diharamkan dan menamakannya dengan nama-nama lain yang bukan nama asalnya. SabdaRasulullah saw:

Maksudnya:
"Akan ada satu golongan dari umatku yangmenghalalkan arak dengan memberikannya nama yang lain" (Ahmad : 5/318)

Pada zaman yang penuh dengan gerakan untuk menyesatkan manusia ini, maka perlulah diberi peringatan terhadap setengah-setengah contoh yang telah diputar-belitkan oleh golongan pemalsu lagi menyesatkan.

* Menamakan hijab yang menjaga kehormatan diri wanita sebagai mundur, kolot dan seperti kain kafan. Dan menamakan perempuan yang mendedahkan aurat dan bersolek sebagai maju, moden dan bertamaddun.
* Menamakan orang yang berpegang kuat dengan agamasebagai pelampau dan ekstrim.
* Mengangkat panji zikir di atas amalan-amalan orang darwish Orang zahid yang kuat beribadah, seperti menari dan perbuatan kegila-gilaan.
* Mengangkat panji untuk memuliakan para wali di atas binaan kubah, sujud di atas pusara mereka dan menyembelih atau bernazar untuk sesuatu yang laindaripada Allah.
* Menamakan mu'amalat yang mengandungi riba dengan nama mudharabah" Berniaga dengan harta orang lain dan keuntungannya di bahagi mengikut perjanjian atau "akaun pelaburan" atau menamakan riba sebagai "faedah".

Jadilah penipuan dengan menggunakan lafaz-lafaz sebagai satu cara yang digunakan oleh penipu-penipu yang sesat untuk memesongkan orang ramai sehingga mendatangkan mudharat dalam kehidupan dunia dan agama mereka. Maka semestinyalah kita berwaspada dan beringat agar tidak terpedaya serta tidak menyokong suatu kebatilan dan meninggalkan kebenaran. Pengajaran ('Ibrah) ialah pada kandungan sesuatu nama bukan pada nama. Inilah manhaj ulamak yang agung lagi bijaksana.

Sesungguhnya kita telah diajarkan bahawa nama yang buruk itu tidak memudaratkan kebenaran yang betul sedangkan nama yang cantik tidak mungkin mengharuskan kebatilan yang berpenyakit.

Dalam hal ini Al-Imam As-Syafie telah berkata dengan katanya: Maksudnya: "Jika sekiranya Rafidhah Satu puak sesat dari kalangan Syi'ah yang mendakwa mencintai keluarga Rasulullah saw. itu ialah mencintai keluarga Muhammad saw, maka saksikanlah wahai jin dan manusia bahawa saya adalah Rafidhah."

Begitu juga tidak mungkin mengangkat kedudukan lopak yang kotor lagi busuk dengan menamakannya kolam renang kelas satu.

Arak tidak akan menjadi harus dengan mengubah namanya kepada "madu" dan madu tidak akan memberi mudarat dengan menamakannya "bawang". Apa yang patut dinyatakan di sini ialah kebanyakan pertubuhan yang mengeliru dan menyesatkan tadi mengangkat cogankata kebaikan contohnya: (persaudaraan, persamaan, keadilan, kebebasan, keilmuan, iman, pemodenan danlain-lain lagi) sedangkan itu semua mendatangkan kerosakandan kecelakaan kepada kemanusiaan. Contohnya: Pertubuhan-pertubuhan sekular yang menolak agama, Gerakan Freemason dan Kelab Rotari. Maka hendaklah berwaspada dengan cogankata-cogankata ini yang palsu dan kosong serta menyelidiki perjalanan ahli-ahlinya dan rancangan-rancangan mereka untuk mengetahui kedudukan mereka yang sebenar.

USUL KETUJUH BELAS

Akidah adalah asas kepada amalan dan amalan hati adalah lebih penting dari amalan anggota luar. Mencari kesempumaan dalam keduanya (amalan zahir dan hati) adalah dituntut oleh syarak walaupun terdapat perbezaan derjat tuntutan ini.

Keterangan

Di dalam usul ini Al-imam asy-syahid telah menetapkan beberapa hakikat yang telah diisyaratkan oleh Al-Qur'an dan telah diperingatkan tentang kepentingannya oleh Rasulullah saw. Iaitu hakikat-hakikat yang mendatangkan kesan yang besar terhadap suluk seseorang dan pentarbiahannya.

'Aqidah asas amalan

Sesungguhnya beriman dengan Allah dan terpeliharanya 'aqidahmerupakan asas setiap sesuatu dan tanpanya setiap amalan tidakbernilai walaupun ia nampak cantik dan banyak. Ini kerana, iategak di atas asas yang kosong dan menghala ke arah kesesatan. Firman Allah swt terhadap orang-orang kafir dan amalan-amalan mereka:

Maksudnya:
"Dan Kami hadapi segala amal yang mereka kerjakan, lalu Kami jadikan amal itu (bagaikan) debu yang berterbangan.
(Al-Furqan: 23)

Maksudnya:
"Orang-orang kafir amalan mereka itu, seperti bayangan panas di padang pasir, orang yang haus mengira bahawa itu adalah air. Sehingga apabila ia sampai ke tempat itu, ia tiada mendapati sesuatu apapun dan dia mendapati Allah di sisi amalannya, lalu Allah menyempurnakan perhitungannya. Dan Allah amat cepat perhitungannya"
(An-Nur: 39)

Sejauh mana kuatnya 'aqidah, mendalamnya iman dan benarnyakeyakinan (itulah sahaja) yang akan menghasilkan buah-buah amalyang masak. Maka menjadi kewajipan setiap muslim umumnya dankepada para pendidik (murabbi) khususnya agar mengambil berat dalam menanamkan akar-akar keimanan yang tulen dan aqidah yang terpelihara di dalam jiwa, agar mendatangkan amalan amalan yang sahih dan diterima. Sesungguhnya inilah petunjuk Rasulullah sawdi dalam mentarbiah sahabat-sahabatnya r.a.

Amalan hati dan amalan anggota

Sesungguhnya hati merupakan semulia-mulia anggota, iamerupakan tempat asal (lahirnya) iman. Baik atau buruknya anggota-anggota yang lain bergantung kepadanya. Dalam hal ini Rasulullah saw bersabda:

Maksudnya:
"Ketahuilah, dalam jasad manusia itu adasepotong daging, sekiranya ia baik maka baiklahkeseluruhan jasad, dan sekiranya ia buruk maka buruklahseluruhnya. Ketahuilah, ia ialah hati"
(Fathul-Bari : 1/153 no: 52)

Kerana itulah tarbiah nabawiah, permulaannya menjurus kearah hati manusia kerana ia merupakan kunci perubahan, istiqamahnya (tetap) hati maka istiqamahlah anggota badan yang lainnya. Allah berfirman:

Maksudnya:
"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yangada pada diri mereka"
(Ar-Ra'd: 11)

Kerana itulah amalan-amalan hati lebih afdal dari amalan anggota badan. Tawakkal kepada Allah, yakin kepadaNya, takut darisiksaNya.....lebih afdal dari zikir, berbelanja pada jalan Allah dan membuang sesuatu yang menyakitkan di jalan, sedangkan semuanya adalah kebaikan. Begitu juga nifaq, takabbur, dengki,bakhil.... adalah lebih bahaya dari memaki, mencuri, memukul dan sebagainya sedaangkan kedua-duanya adalah pahit dan memudharatkan.

Kedua-duanya (amalan hati dan anggota) adalah dituntut

Kewajiban seorang muslim ialah berusaha untuk berakhlak dengan cabang-cabang iman yang menghimpunkan seluruh amalan (amalan hati dan anggota tubuh badan). Dia tidak seharusnya merasa cukup dengan salah satu daripadanya. Allah memerintahkan agar bertawakkal kepadaNya, memohon pertolongan denganNya, takut kepadaNya dan mengharap padaNya..... Dia juga memerintahkan agar mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa dan berzikir....Maka menjadi kewajiban mentaati Allah dalam semua itu. Orang-orang beriman yang sempurna, mengetahui semua itu lalu mereka beramal dengannya. Firman Allah s.w.t:

Maksudnya:
"Sesungguhnya orang-orang beriman ialahorang-orang yang apabila disebut nama Allah gementar hatinya dan apabila dibacakan ayat-ayat Allah, bertambah imannya, sedang mereka itu bertawakkal kepada Tuhannya. (Dan) orang-orang yang mendirikan sembahyangdan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepadanya. Mereka itulah orang-orang yang sebenarnya beriman. Bagi mereka darjat yang tinggi di sisi Tuhanmereka dan keampunan serta rezeki yang mulia"
(Al-Anfal: 2-4)

Maka peranan seorang muslim ialah mencari dan berusaha mendapatkan kesempurnaan dalam setiap amalan dengan memberi penumpuan kepada amalan-amalan hati serta bermula dengannya tanpa mencuai atau mempermudah-mudahkan amalan-amalan anggota yang lain. Tetapi hendaklah menjaga tertib susunan dan yang sepatutnya didahulukan (al-aulawiyyat) serta mendahulukan yang tinggi daripada yang rendah. Rasulullah saw bersabda:

Maksudnya:
"Iman itu lebih tujuh puluh atau lebih enam puluh cabang; maka yang paling afdal ialah kalimah() dan yang paling rendah ialah membuang sesuatu yang menyakitkan dari jalan dan malu itu adalah satu cabang dari iman."
(Muslim: 1/63 no: 35)

Di dalam kedudukan ini, Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah telah mengungkapkan ucapan-ucapan yang berharga tatkala berkata:

"Agama yang berdiri dengan hati yang beriman, ilmu dan realiti merupakan usul, dan amalan-amalan zahir merupakan furu'nya dan penyempurna kepada iman. Agama itu awal-awal sekali dibina di atas usulnya dan disempurnakan dengan furu'nya. Sepertimana Allah menurunkan usulnya di Makkah yang terdiri dari tauhid, perumpamaan-perumpamaan, kisah-kisah, janji baik dan balasan. Kemudian diturunkan di Madinah (tatkala Islam menjadi kuat) furu'nya yang zahir seperti sembahyang Jumaat dan berjamaah, azan, iqamah, jihad, puasa, pengharaman arak, zina, judi dan yang lain-lainnya yang terdiri dari kewajiban-kewajibandan pengharaman-pengharaman. Maka usul agama memanjangkan furu'nya dan mengukuhkannya. Dan furu'nya pula menyempurna dan memelihara usulnya" (Al-Fatawa: 10/355-356)

USUL KELAPAN BELAS

Islam telah membebaskan akal dan menggalakkan supaya memerhatikan alam ini. Islam juga telah mengangkat taraf ilmu dan ulamak dan mengalu-alukan apa yang baik dan berfaedah dalam setiap perkara. `Hikmat (wisdom) itu adalah barang yang hilang dari mukmin dan sekiranya dia menjumpainya, maka dialah orang yang paling berhak dengannya.

KETERANGAN

Di dalam usul ini Al-imam asy-syahid telah menegaskan pendirian Islam terhadap akal dan ilmu, pada masa di mana akal telah ditawan dan ilmu telah dikepung, sedang manusia amat berhajat kepada suatu kejelasan dengan pendirian yang tepat. Maka itulah beberapa kalimah Al-imam asy-syahid.

Islam membebaskan akal

Akal adalah nikmat Allah yang paling besar kepada manusia, kerana dengan akallah manusia dapat mengerti, membeza, memahami, membuat kesimpulan, mereka cipta, membina, memakmurkan dan seterusnya.....

* Islam telah mengawasi pembebasan aqal dari seluruh kekuasaan yang membelenggu dan menghalangnya dari melaksanakan peranannya di dalam kehidupan. Islam telah membebaskan aqal dari ikatan-ikatan prejudis, khurafat, kependitaan, oleh itu Islam telah mengharamkan kerja-kerja tukang ramal dan padri serta orang yang membenarkan mereka, mempercayai tangkal-tangkal azimat, jampi memtera syaitan, bertaruh (   ) ...... dan apa-apa yang termasuk di dalam bab ini.

* Islam telah membebaskan aqal dari penjara taqlid dan hawa nafsu yang cuba menenggelamkan tuannya ke lembah kesesatan. Allah swt telah berfirman:

Maksudnya:
"Dan apabila dikatakan kepada mereka ikutilah apa yang telah diturunkan oleh Allah swt mereka menjawab: "Bahkan kami mengikuti apa yang telah dianut oleh bapa-bapa kami sekali pun bapa-bapa mereka tidak mengetahui sesuatu dan tidak mendapat petunjuk. "
(Al Baqarah: 170)

Firman Allah swt:
Maksudnya: "Siapakah yang lebih sesat dari orang yangmengikuti hawa nafsunya tanpa petunjuk daripada Allah swt."
(Al Qasas: 50)

Islam menggalakkan agar memerhati alam semesta

Islam telah membebaskan aqal daripada ikatan-ikatannya. Bukan sekadar itu sahaja bahkan Islam menggalakkan agar memerhatialam sekitar, mentadabbur dan berfikir berkenaan makhluk-makhluk. Tujuannya ialah untuk mengenali kebesaran qudrat Allah swt dan hikmatNya dengan demikian akan menambahkan iman dan mencapai tahap 'ubudiyyah yang sebenar.

Satu perkara lain hasil dari pemerhatian ini ialah melaksanakan kewajipan khilafah di muka bumi dan membangunkannya. Iaitu dengan memanfaatkan apa-apa yang telah Allah sediakan untuk kita yang terdiri daripada tenaga-tenaga kekuatan dan juga makhluk-makhluk. Perkara ini tidak akan terlaksana kecuali menerusi pemerhatian, pengkajian, percubaan, penganalisaan dan istimbat bukannya dengan kemalasan, kelemahan dan membuta tuli.

Banyak nas-nas yang menggalakkan dilakukan pemerhatian dengan memuji mereka yang melakukannya, di antaranya ialah : Firman Allah swt:

Maksudnya :
"Katakanlah: Lihatlah oleh kamu apa yang ada dilangit dan di bumi."
(Yunus: 101)

Maksudnya:
"Maka apakah mereka tidak memandang ke langit yang ada di sebelah atas mereka (dengan tidak bertiang). Bagimana kami membinanya (dengan rapi) serta kami memperhiasinya (dengan bintang-bintang) dengan keadaan yang tidak ada padanya retak dan (keadaan) bumi ini (bagaimana) kami bentang ia sebagai hamparan, dan kami letakkan padanya gunung-gunung yang berdiri kukuh serta kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang mudah subur?

- Untuk menjadi perhatian dan peringatan, (yang menunjukkan jalan kebenaran) kepada tiap-tiap seorang hamba Allah yang mahu kembali kepadanya (dengan taat dan berbakti).
- Dan juga kami telah menrunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai.
- Serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang yang mengeluarkan mayang yang berlapis-lapis lagi lebat putiknya.
- (Semua itu) sebagai rezki bagi hamba-hamba kami dan lagi kami telah hidupkan dengan air itu bumi yang mati, demikianlah pula keadaan keluarnya (orang-orang yang mati dari kubur setelah dibangkitkan hidup semula). (Qaaf: 6-11)

Maksudnya:
"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan kemurahan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal."
(Ali 'Imraan: 190)

Maksudnya:
"Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin. Dan juga pada diri kamu sendiri. Mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?"
(Az-Zaariyaat: 20-21)

Maksudnya:
"Maka hendaklah manusia melihat kepadamakanannya....."
('Abasa: 24)

Islam mengangkat kedudukan ilmu dan ulamak

Islam telah memuliakan ilmu, mengangkat kedudukannya, iaitu ilmu yang bermanafaat yang dapat melaksanakan kewajipan khilafah di bumi serta dapat membinanya. Dan ia menjadi sumber kekuatan dan kemantapan dan kebaikan kepada muslimin dan kemanusiaan.

Islam telah memuji ulamak dalam berbagai bidang serta mengangkat kedudukan mereka. Pengertian ini telah banyak disebut oleh berbagai ayat dan hadis Nabi di antaranya:

Maksudnya:
"Katakanlah adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?
(Az-Zumar: 9)

Maksudnya:
"Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi pengetahuan agama beberapa darjat."
(Al Mujadalah: 11)

Maksudnya:
"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit lalu kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya. Dan di antara gunung-gunung pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam. Dan demikianlah pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, adalah yang berlainan jenis dan warnanya. Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya, hanyalah orang-orang yang berilmu."
(Faatir: 27-28)

Sabda Rasulullah saw :

Maksudnya:
"Siapa yang menjurusi satu jalan untuk mencari ilmu padanya nescaya Allah akan mempermudahkan padanya jalan ke syurga.

(Muslim: 4/2074 no: 2699)

Maksudnya:
"Para ulamak adalah pewaris para nabi."
(Abu Daud: 3/316 no: 3641, At-Tirmizi: 5/47 no: 2682)

Penghormatan Islam kepada ilmu dan ulamak meliputi ilmu-ilmu syara', alam semesta dan lain-lainnya seperti yang ditunjukkan oleh ayat di atas dan dirangkumi oleh hadis.

Islam mengalu-alukan sesuatu yang baik

Sesungguhnya Islam datang untuk merealisasikan seluruh kebaikan untuk manusia dan menjauhkan seluruh bentuk kerosakan dalam urusan agama dan keduniaan dari mereka. Kerana itulah, "Sesungguhnya asas dan binaan syariat adalah berdasarkan hukum dan kepentingan manusia di dunia dan akhirat, iaitu seluruhnya keadilan, kerahmatan, kemaslahatan dan hikmat. Oleh itu setiap permasalahan yang telah keluar dari keadilan kepada penganiayaan, dari rahmat kepada sebaliknya, dari kemaslahatan kepada kerosakan, dari hikmat kepada sia-sia, maka itu bukan dari syariat, sekalipun ia digolongkan ke dalam syariat secara takwil." ('I'laam Al Muwaqqi'iin: 3/38)

Ini satu usul yang besar. Kejahilan terhadapnya akan menimbulkan tekanan dan kesukaran kepada manusia, menjauhkan mereka dari timbunan kebaikan dan menyamarkan gambaran Islam.

Rasulullah saw telah mengalu-alukan setiap perkara yang baik dan bermanafaat, baginda mengalu-alukan idea parit (khandaq) apabila dibentangkan idea itu kepada baginda, iaitu idea dari Parsi yang tidak pernah berlaku di kalangan orang-orang Arab dalam peperangan mereka ketika itu. Lalu baginda saw mengambil lantaran kebaikan dan menafaatnya.

Setiap kebaikan di dalam apa juga bidang.... perubatan, astronomi, pentadbiran, pembangunan, perindustrian, pertanian dan lain-lain maka muslim adalah orang-orang yang lebih utama bagaimana tidak? sedangkan Rasulullah saw telah menanam satu kaedah yang besar dengan sabdanya :

Maksudnya:
"Al-Hikmah adalah satu kehilangan orang mukmin, maka dimana saja ia didapati, dia adalah orang yang paling berhak terhadapnya. "
(Riwayat At-Tirmizi: 5/49 No: 2687)

.

USUL KESEMBILAN BELAS

.

Kadang-kala pandangan syarak dan pandangan akal membicarakan bidang yang sama tetapi keduanya ini tidak mungkin akan berselisih dalam perkara yang pasti (qat'ie). Hakikat ilmiah (sains) yang sahih tidak sekali-kali akan bertembung dengan kaedah syarak yang telah tetap. Perkara yang dzan (belum sampai tahap pasti 100%) pada keduanya perlu ditakwilkan agar bertepatan dengan perkara yang qat'ie. Jika keduanya adalah perkara yang `dzan', maka pandangan syarak adalah lebih patut dipakai hinggalah perkara aqli tersebut bertukar menjadi thabit atau akan terbubar.

Hubungan usul ini dengan sebelumnya

Setelah Al-imam asy-syahid menerangkan sikap Islam terhadap akal fikiran dan ilmu pengetahuan, memberi kemuliaan kepada akal fikiran, menganjurkan kepada ilmu yang bermanafaat dan memuliakan para ulamak, di sini ia menerangkan bahawa akal fikiran mempunyai ruang lingkup untuk perbahasan dan pemerhatian. Begitu juga dengan syara', sesungguhnya hakikat-hakikat syara' tidak bertembung bersama hakikat-hakikat ilmu.

Maksud pandangan syara' (dalil syara')

Yang dimaksudkan dengan dalil syara' ialah apa yang terkandung di dalamnya nas-nas Al-Quran dan Sunnah yang berkaitan dengan hukum halal haram dalam segenap bidang samada 'aqidah, ibadah, akhlak, mu'amalah, dan lain-lain. Begitu juga yang terkandung di dalam masalah-masalah kejadian alam, kehidupan dan pelbagai ilmu pengetahuan seperti perubatan, astronomi, pertanian dan sebagainya.

Maksud pandangan akal (dalil akli)

Yang dimaksudkan dengan dalil akli ialah apa yang terhasil dengan cara pemerhatian, percubaan, pengkajian tentang kejadian makhluk, pelbagai ilmu pengetahuan dan lain-lain lagi yang terdiri daripada masalah agama dan duniawi.

Syara' memiliki ruang lingkup yang khas

Di sana terdapat bidang-bidang tertentu yang dikhususkan untuk syara' tanpa memerlukan akal fikiran, seperti perkara-perkara ghaib (syurga, neraka, malaikat, jin dan lain-lain) dan perkara-perkara halal dan haram. Maka bidang-bidang ini tidak dihukum dan diasaskan oleh akal. Malah akal hanya memahami dan mentafsirkannya sahaja.

Akal memiliki ruang lingkup tertentu

Akal juga mempunyai ruang lingkup tertentu yang tidak ada campur tangan oleh pandangan syara'. Contohnya banyak terdiri daripada perkara-perkara dunia, kejadian makhluk dan kehidupan yang memerlukan kepada pemerhatian, percubaan, dan pengkajian. Maka lahirlah daripadanya kaedah-kaedah ilmiah dalam ilmu kimia, fizik dan biologi yang banyak membantu dalam penemuan-penemuan ilmiah dan rekaan-rekaan baru.

Ruang lingkup bagi syara' dan akal

Di sana terdapat beberapa bidang di mana pandangan syara' dan akal bergabung, iaitu bidang-bidang yang qat'ie yang tidak terdapat di dalamnya pentakwilan dan keraguan. Sesungguhnya ia adalah jelas seperti cahaya matahari di siang hari. Contohnya beriman dengan Allah swt, keesaanNya dan kesempurnaanNya. Beriman dengan hari akhirat dan para Rasul dan mengutamakan syari'at Allah dari segala perkara yang selain daripadanya. Masalah-masalah ini telah dibicarakan oleh Al-Quran dan Sunnah. Akal menyaksikannya dengan cara pemerhatian dan bukti-bukti yang tepat.

Sikap kita terhadap isu-isu ilmiah

Sesungguhnya Al-Quran adalah merupakan kitab hidayah, petunjuk dan nizam (peraturan) kehidupan untuk meninggikan kemanusiaan manusia. Firman Allah :

Maksudnya:
"Sesungguhnya Al Quran ini memberi petunjuk kepada jalan yang lebih benar".
(Al Israak: 9)

Maksudnya:
"Sesiapa yang menurut petunjukKu, dia tidak akan sesat dan tidak akan mendapat celaka. Dan sesiapa yang berpaling daripada peringatanKu, baginya kehidupan yang sempit. "
(Taha: 123-124)

Al-Quran bukannya kitab astronomi, perubatan, kimia dan sebagainya. Sesungguhnya isi kandungannya menunjukkan kepada sebahagian masalah-masalah ilmiah yang berkaitan dengan kejadian alam dan kehidupan. Yang demikian itu sebagai peringatan terhadap keagungan serta kekuasaan Allah swt dan pemantapan iman di dalam hati-hati orang-orang yang beriman.

Kemudian kita datangkan persoalan-persoalan, apakah sikap kita terhadap isu-isu ilmiah (sains)?

Kita berkata : Al-imam asy-syahid telah menunjukkan ke arah pendangan yang benar di tengah-tengah pertembungan antara beberapa pandangan.

* Setengah pandangan mengambil sikap menolak dan ingkar terhadap masalah-masalah ilmiah yang dicapai melalui akal samada ianya berbentuk hakikat atau hanya teori sahaja untuk dihubungkan dengan syara' sekalipun terdapat tanda-tanda yang nyata menyokong hubungan tersebut. Penolakan serta keingkaran tersebut berlaku berdasarkan beberapa alasan yang tidak perlu disebutkan di sini.

* Setengah yang lain pula mengambil sikap sebagai seorang yang mengkagumi dan berusaha mencari jalan untuk menghubungkan antara akal dan apa yang dapat dibongkar olehnya dengan dalil syara'. Samada perkara yang dibongkar oleh akal itu hakikat ataupun teori, diyakini kebenarannya mahu pun hanya setakat dzan sahaja. Ia sanggup bersusah payah mencari ayat-ayat al-Quran ataupun hadis-hadis untuk membuktikan hubungan itu walau pun terpaksa melakukan pentafsiran yang jauh dari kehendak nas.

Kedua-dua pandangan tersebut mengandungi bahaya di samping kedua-duanya juga merupakan pendapat yang melampau dan juga mempunyai kekurangan.

Al-imam asy-syahid Hasan al-Banna telah mendatangkan pandangan yang sederhana dan bijaksana.

Setelah melihat kepada nas-nas dari Al-Quran, beliau mendapati bahawa di dalamnya terkandung dalil-dalil yang qat'ie dan dzanni. Dan di dalam sunnah juga terkandung dalil-dalil yang qat'ie dan dzanni.

Seterusnya beliau melihat kepada masalah-masalah ilmiah, beliau juga mendapati di dalamnya terdapat hakikat-hakikat yang pasti, yang berupa andaian dan teori-teori yang dzanni

Sebagaimana yang diketahui, Allah mewahyukan Al-Quran dan Sunnah dan Dia telah menjadikan akal dan alam serta memberikan ilmu pengetahuan kepada manusia. Jesteru itu Al-imam asy-syahid telah menetapkan perkara-perkara di bawah untuk menunjukkan sikap kita terhadap terhadap isu-isu ilmiah.

1. Tidak mengapa menghubungkan hakikat-hakikat sains dengan hakikat-hakikat syara' yang jelas, kerana ini adalah salah satu jalan untuk menambahkan keimanan.

2. Boleh ditakwilkan perkara dzanni daripada isu-isu sains untuk menyesuaikan dengan perkara yang qat'ie dari nas-nas syara' dan mentakwilkan perkara dzanni dari nas-nas syara' untuk menyesuaikan dengan perkara yang qat'ie dari isu-isu sains.

3. Jika kedua-duanya dzanni, maka kita berdiri pada saf nas-nas syara' kerana ia diturunkan oleh Allah Yang Maha Bijaksana. Sehingga masalah-masalah sains berada tetap dalam satu keadaan samada thabit atau gugur dengan sendiri.

<u>Contoh-contoh:</u>

1. Hakikat syara' dan hakikat sains.

Peringkat-peringkat kejadian manusia di dalam perut ibunya.

2. Hakikat syara' dan teori sains.
Penciptaan Adam dan teori Darwin.

3. Hakikat syara' dan sains yang dzanni.
Kebulatan bumi.

Contoh :

1. Hakikat syara' dan hakikat sains. Al-Quran telah membicarakan tentang perkembangan janin. Firman Allah swt :

Maksudnya:
"Dan sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dari air yang tersaring dari tanah. Kemudian Kami jadikan setitik mani di tempat ketetapan yang terpelihara (rahim ibu). Kemudian, Kami jadikan mani itu sebagai darah, lantas darah itu Kami jadikan seketul daging, lantas Kami jadikan daging itu tulang-tulang, lalu tulang-tulang itu Kami selaputi dengan daging, kemudaian Kami jadikan dia satu kejadian yang lain (sifatnya). Maka Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta."
(Al Mu'minun: 12-14)

Hakikat-hakikat Al Quran ini juga adalah sama dengan apa yang dapat dicapai oleh pakar-pakar ilmu janin.

2. Hakikat syara' dan teori sains.

Al-Quran telah menceritakan tentang kejadian manusia dan permulaannya. Manusia yang pertama ialah Adam a.s. Allah telah menjadikannya dari tanah. Firman Allah swt :

Maksudnya:
"Dan sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dari tanah yang kering lagi hitam yang berubah bau. Dan jin pula Kami jadikan dia lebih dahulu, dari api yang beracun. Dan ingatlah tatkala Tuhanmu berkatakepada malaikat : Sesungguhnya Aku akan jadikan manusia dari tanah yang kering lagi hitam yang berubah bau. Maka apabila Aku sempurnakan dia dan Aku tiupkan padanya roh dariKu, hendaklah kamu tunduk sujud menghormatinya."
(Al Hijr: 26-29)

Di sana terdapat sebahagian teori-teori palsu tentang penciptaan manusia di mana teori-teori itu menganggap bahawa manusia berasal dan berkembang dari keturunan haiwan. Teori ini bertentangan dengan hakikat syariat. Maka wajib bagi seorang muslim mengambil hakikat syara' dan meninggalkan teori sains.

3. Hakikat sains dan syara' yang dzanni.
Bulatan bumi.

* Sesungguhnya percubaan-percubaan dan penemuan-penemuan sains telah menunjukkan dengan bukti-bukti yang pasti bahawa bumi berbentuk sfera.

* Al-Quran telah menunjukkan bahawa bumi ini terbentang dan berbentuk sfera. Firman Allah :

Maksudnya:
"Dan kami telah membentangkan bumi itu."
(Qaaf: 7)

Maksudnya:
"Dan bumi itu, setelah itu Dia hamparkan.
(An Naazi'aat: 30)

Di dalam keadaan seumpama ini kita membawa syara' yang dzanni ke atas hakikat sains. Dan perlu diingat bahawa hamparan bumi dan pembentangannya, tidak bertentangan dengan bentuk sfera bumi kerana ayat menerangkan keadaan dan gambaran bumi yang dilihat oleh mata manusia. Tidak syak lagi manusia melihatnya dalam keadaan terbentang dan terhampar. Manakala bentuknya yang umum ialah seperti bulat telur.

USUL KEDUA PULUH

.

Kita tidak akan mengkufurkan orang muslim yang mengikrarkan dua kalimah syahadah, beramal dengan tuntutannya dan mengerjakan fardhu-fardhunya semata-mata kerana pandangan ataupun maksiat yang dilakukannya kecualilah jika dia mengakui dengan perkataan kufur, mengingkar perkara yang tersangat maklum asas agama, ataupun mendustakan al-Quran yang jelas, atau mentafsirkannya dengan tafsiran yang tidak dapat diterima oleh gaya bahasa Arab, ataupun beramal dengan amalan yang tidak boleh ditakwil lagi selain dari kufur.

Keterangan:

Di dalam usul ini Al-imam asy-syahid menjelaskan tentang satu masalah yang paling bahaya iaitu isu mengkafirkan orang lain.

Setengah golongan telah melampau dalam masalah ini manakala setengahnya yang lain pula cuai. Kedua-dua golongan ini dipandang hina. Sebenarnya masalah ini telah tersebar dengan meluasnya pada zaman Al-imam asy-syahid kerana berdasarkan beberapa faktor yang remeh-temeh sahaja. Orang-ramai pada masa itu telah memperkatakannya di atas mimbar-mimbar, di dalam majalah-majalah, dalam kelas-kelas pengajian dan juga ceramah-ceramah. Ini menambahkan lagi perpecahan di kalangan umat yang sememangnya telah berpecah.

Setengah yang lain pula memandang remeh perkara ini. Mereka menyaksikan kekufuran dan kemurtadan yang nyata dengan hanya bertepuk tangan terhadap golongan yang melakukan kekufuran tersebut. Seolah-olah tiada apa-apa yang telah berlaku.

Oleh itu Al-imam asy-syahid telah membawa satu pendapat yang sederhana (pertengahan), tidak melampau dan tidak juga cuai. Beliau meletakkan kaedah-kedah syara' dalam masalah ini supaya kefahaman seserang akh muslim terselamat dari sebarang penyelewengan yang membahayakan dan juga kecuaian yang merosakkan.

Sebelum membincangkan usul ini saya mahu menarik perhatian kepada dua perkara yang penting :

Pertama: Sikap Islam terhadap 'takfir'

Islam sangat berhati-hati dalam masalah mengkafirkan peribadi tanpa meyakini tentang kekafirannya. Kerana terlalu cepat untuk menghukum kufur ke atas seseorang adalah

perkara yang bahaya ke atas penghukum, masyarakat dan dakwah. Berikut adalah sebahagian nas-nas yang menguatkan perkara tersebut. Sabda Rasulullah saw:

Maksudnya:
"Mana-mana lelaki yang berkata kepada saudaranya: 'Wahai si kafir' maka kekafiran itu tetap akan terkena kepada salah seorang dari keduanya.
(Fathul Bari: 10/531 no: 6104)

Abu Haamid Al-Ghazaali telah berkata:

"Sayugia bagi seorang muslim untuk cenderung kepada tidak mengkafirkan seseorang selagi mana beliau boleh melakukan yang demikian itu. Kerana menghalalkan darah dan harta orang-orang yang bersembahyang mengadap ke arah kiblat dan yang menyatakan tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah adalah satu kesalahan. Dan kesalahan kita kerana meninggalkan seribu orang kafir hidup adalah lebih ringan dari kesalahan menumpahkan sedikit darah (sekadar sekali berbekam) seorang muslim."
(Al Iqtisaad Fil 'I'tiqaad: 157)

Ibnu Taimiyyah pula berkata:

"Sesiapa yang telah thabit Islamnya dengan yakin, tidak hilang sifat Islam darinya dengan hanya syak sahaja. Bahkan tidak hilang melainkan selepas didirikan hujjah dan dihilangkan syubhat."
(Al Fatawa: 12/466)

Kalam Al-imam asy-syahid di dalam usul ini, khusus tentang perkara yang mengeluarkan seorang muslim dari Islam, bukannya tentang perkara yang memasukkan seseorang ke dalam Islam. Perkara ini adalah masyhur dan diketahui iaitu mengucap dua kalimah syahadah.

Barangsiapa yang telah mengucap dua kalimah syahadah makathabit baginya ikatan Islam. Dan selepas itu akan datang akhlak Islam untuk menthabitkan ikrar ini atau sebaliknya.

* Ungkapan Al-imam asy-syahid: "Kita tidak mengkafirkan seseorang muslim yang telah mengucap dua kalimah syahadah, beramal dengan tuntutan-tuntutannya dan menunaikan kewajipan-kewajipan ...."

Bukan bermaksud bahawa orang yang tidak melakukan tuntutan-tuntutannya dan tidak menunaikan kewajipan-kewajipannya adalah kafir dan bukan seorang muslim. Sesungguhnya ini termasuk dalam bab (Tidak dihina seorang muslim yang sangat pemurah, banyak sembahyang dan berpuasa......) Maka penghinaan juga tidak harus bagi orang yang sedikit infaq, sembahyang dan puasanya.

Maksud Al-imam asy-syahid ialah mengingkari orang-orang yang terburu-buru mengkafirkan orang lain. Mereka mengkafirkan orang yang mentauhidkan Allah,

beriman dengan RasulNya, meredhai Islam sebagai agama dan menunaikan kewajipan-kewajipan yang difardhukan Allah..... Kemudian mereka dihukumkan kafir berdasarkan faktor-faktor yang amat lemah seperti kesilapan pada pandangan ijtihad atau melakukan maksiat tanpa melakukan 'kufur akbar'.

Kami akan menerangkan pula tentang anasir-anasir usul ini:

Tidak mengkafirkan dengan pandangan atau maksiat

* Al-Quran telah menerangkan bahawa seseorang tidak kafir dengan melakukan maksiat selama mana beliau tidak melakukan syirik akbar. Bahkan sesungguhnya rahmat dan keampunan Allah melingkungi orang yang melakukan maksiat tersebut dengan kehendak Allah Taala. Firman Allah swt :

Maksudnya:
"Sesungguhnya Allah tidak mengampuni (dosa) orang yang menyekutuiNya (dengan sesuatu) tetapi Dia mengampunkan (dosa) yang selain dari itu.
(An Nisaa': 47)

Banyak hadis-hadis yang membawa maksud yang sama.

* Begitu juga tidak kufur seorang muslim itu dengan sebab pandangan yang silap dalam masalah ijtihadiah yang mempunyai banyak pandangan samada dalam masalah aqidah atau fiqh. Sabda Rasulullah saw :

Maksudnya:
"Sesungguhnya Allah mengangkat (tidak mengira sebagai dosa) dari umatku (perkara-perkara yang mereka lakukan dalam keadaan) tersalah dan terlupa."
(Ibnu Maajah: 1/659 no: 2045)

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah membuat komentar tentang perkara ini dengan berkata :
"Yang demikian itu meliputi tersalah dalam masalah ( ) Seperti dalam menghukum sesuatu hadis, dan juga dalam masalah-masalah amali. Seperti dalam masalah fiqh. Ulamak salaf sentiasa berselisih pendapat pada kebanyakan dari masalah-masalah tersebut. Walau bagaimanapun tidak ada seorang pun dikalangan mereka yang menyaksikan terhadap yang lain sebagai telah melakukan kekufuran, kefasikan dan juga maksiat."
(Al-Fatawa: 3/229)

Bilakah seorang muslim itu menjadi kafir

Al-imam asy-syahid menerangkan beberapa sebab yang kalau sesiapa melakukan salah satu daripadanya maka dia berhak untuk dikafirkan.

1. Berikrar dengan kalimah kufur

Seperti dia berkata : Bahawa dia kufur dengan Allah dan dia tidak mengakui risalah Rasulullah saw. Orang yang seperti itu telah menghukumkan kufur ke atas dirinya, maka dia bukan lagi orang Islam.

2. Mengingkari sesuatu yang ketahui dari agama dengan darurah.

Di sana terdapat perkara-perkara mutawatir Perkara yang diterima benar dari dahulu lagi, dari satu generasi ke satu generasi yang tidak mungkin ianya tidak benar. Yang qat'ie, diketahui oleh orang yang ummi (jahil) dan alim tanpa perbincangan dan ijtihad. Perkara-perkara itu seperti kewajipan sembahyang dan zakat dan pengharaman zina. Maka sesiapa yang mengingkari perkara tersebut, dia telah keluar dari lingkaran Islam.

3. Mendustakan kenyataaan Al-Quran.

Al-Quran ialah asas di dalam perundangan (hukum Islam) bagi setiap muslim. Sesiapa yang mendustakan sesuatu yang telah ditunjukkan oleh Al-Quran secara jelas dan nyata tanpa ada kesamaran. Seperti dia mengingkari bahawa di sana terdapat seorang nabi yang bernama Ibrahim atau Ismail atau Soleh atau Hud atau dia mengingkari bahawa di sana terdapat makhluk yang terdiri daripada jin dan syaitan, maka dia adalah kafir.

Penafsiran yang palsu dalam setiap keadaan.

Al-Quran diturunkan dengan bahasa Arab, maka dengan bahasa ini sahaja ianya difahami, bukan dengan yang lain. Sesiapa yang berpaling dari penafsiran Al-Quran dengan menggunakan Al-Quran, Sunnah Rasulullah saw, kata-kata para sahabat dan bahasa Arab seterusnya dia menafsirkannya mengikut hawa nafsunya maka layaklah tempatnya di dalam api neraka. Sesiapa yang menggunakan cara ini sebagai jalan untuk mengingkari perkara yang thabit, menthabitkan perkara yang dinafikan, menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal maka dia adalah kafir yang mengikut hawa nafsunya dan bukan sebagai hamba kepada Allah.

* Contohya seperti dia menafsirkan kenikmatan syurga dan siksaan neraka sebagai perumpamaan, khayalan, berlaku secara ma'nawi dan roh, bukannya hakikat-hakikat yang thabit.

* Begitu juga seperti menafsirkan "penutup para Nabi" dengan tafsiran yang lain orang yang mengakhiri para Nabi. Penafsiran yang palsu dan batil ini banyak kita dapati terdapat di kalangan orang-orang yang melampau yang terdiri dari pengikut-pengikut mazhab yang dicipta oleh penjajah seperti Qaadianiah, Bahaaiyyah, sekular dan lain-lain lagi.

5. Melakukan satu perkara yang tidak boleh ditakwilkan melainkan dengan kekufuran.

Demikian itu ialah seperti orang yang lari kepada golongan kuffar dan membantu mereka melawan Islam dan umatnya.

Maksudnya:

"Barangsiapa yang menjadikan mereka (golongan kuffar) sebagai wali (pemimpin atau teman) maka dia adalah dari golongan mereka. "
(Al Maaidah: 51)

Begitu juga orang yang memperolok-olokkan Allah, ayat-ayatNya, RasulNya dan Islam.

Perlu diingatkan di sini bahawa jamaah telah terdedah kepada dugaan dan bahaya yang hampir-hampir menumbangkannya, kalaulah sekiranya Allah tidak menetapkannya dan mengurniakan kepada jamaah lelaki-lelaki rabbani yang tidak terkesan dengan tribulasi sekalipun besar pada pandangan mereka. Mereka yakin dengan janji Allah swt:

Maksudnya: "Jika kamu bertaqwa kepada Allah, Allah akan menjadikan bagi kamu pembeza (kekuatan hati yang membezakan di antara yang hak dan batil)."
(Al Anfaal: 29)

Keredhaan mereka tidak membawa mereka kepada kebatilan dan kemarahan tidak menyebabkan mereka terkeluar dari kebenaran. Allah telah memelihara mereka di bawah pimpinan Mursyid `Am, Ustaz Hasan Al-Hudhaibi rahimahullah dari fitnah takfir dalam mehnah tahun 1965. Dia telah memelihara jamaah daripada tergelincir di dalam penyelewengan dengan kelebihan tarbiyyah Al-imam asy-syahid dan asas-asas yang ditanamkannya di dalam jamaah.

Ustaz Hasan Al-Hudhaibi telah membuat kajian mendalam dan teliti di dalam kitab (   ). Beliau telah meletakkan padanya batas-batas syara' yang sempurna.

Cukuplah apa yang telah kita sebutkan di sini dalam memperkatakan masalah ini.